

Wahai Ibu!

Wahai Ayah!

Oleh

Hafiz Firdaus Abdullah

Judul:

Wahai Ibu! Wahai Ayah!

Penulis, Format buku & Susun atur:

Hafiz Firdaus Abdullah

www.al-firdaus.com

hafizfirdaus2@yahoo.com.my

SMS: 019-384 8467

© Hafiz Firdaus Abdullah.

Dianjurkan membuat salinan untuk tujuan pengajian ilmu. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menyalin dengan apa cara jua untuk tujuan komersil tanpa keizinan bertulis daripada penulis.

Cetakan Pertama: 2006

Cetakan Kedua: 2006

Cetakan Ketiga: 2006

Cetakan Keempat: 2007

Penerbit:

Perniagaan Jahabersa

15, Jalan Dataran 3/3, Taman Kempas,

81200 Johor Bahru,

Johor Darul Takzim,

Malaysia.

Tel: 07-235 1602, 235 1605.

Fax: 07-235 1603

<http://www.jahabersa.com.my>

jahabers@tm.net.my

jahabers@starhub.net.sg

Kandungan

Kisah Juraij, Seorang Ahli Ibadah.	5
A: Ibubapa Menurut al-Qur'an.	9
B: Ibubapa Menurut al-Sunnah.	19
1. Keredhaan Allah Terletak Pada Keredhaan Ibubapa.	19
2. Derhaka Kepada Ibubapa Termasuk Dosa Besar.	26
3. Ibu Lebih Utama Berbanding Ayah.	29
4. Kepentingan Menggembirakan Ibubapa.	37
5. Wajib Meminta Izin Ibubapa Sekalipun Dalam Urusan Agama.	45
6. Kehinaan Anak Yang Tidak Berbuat Baik Kepada Ibubapa Yang Lanjut Umur.	57
7. Tidak Boleh Membenci Dan Memutuskan Hubungan Dengan Ibubapa.	62
8. Doa Ibubapa Pasti Dikabulkan.	64
9. Anak Yang Berbuat Baik Kepada Ibubapanya Memiliki Darjah Yang Istimewa.	66
10. Dikabulkan Doa Anak Yang Berbuat Baik Kepada Ibubapa.	69
11. Ibubapa Memiliki Hak Terhadap Sebahagian Harta Anak.	72
12. Ibubapa Memiliki Hak Dalam Pemilihan Pasangan Hidup Anak.	79
C: Berbuat Baik Kepada Ibubapa Pada Masa Hidup Mereka.	91
1. Memaaafkan ibubapa.	92

2.	Meminta pertolongan Allah.	98
3.	Memahami ibubapa.	104
4.	Merendahkan diri kepada ibubapa.	106
5.	Mengorbankan diri untuk ibubapa.	119
D:	Berbuat Baik Kepada Ibubapa Setelah Mereka Meninggal Dunia.	129
1.	Mengurus Jenazah Ibubapa.	141
2.	Melunaskan Hutang Ibubapa.	143
3.	Melaksanakan Rancangan Atau Janji Ibubapa.	145
4.	Melakukan Kebaikan Yang Disyari'atkan.	147
5.	Meneruskan Apa Yang Baik dan Menghentikan Apa Yang Buruk.	152
6.	Mendoakan Ibubapa.	155
7.	Berhubung Dengan Orang Yang Dicintai Oleh Ibubapa.	157
Setiap Ibubapa Adalah Istimewa.		160
Ringkasan Doa Daripada al-Qur'an Untuk Ibubapa.		167

Kisah Juraij, Seorang Ahli Ibadah

Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

Pernah terdapat seorang ahli ibadah yang bernama Juraij. Beliau banyak beribadah sehingga didirikan sebuah biara untuknya, dan dia tinggal di dalamnya. Suatu ketika ibunya datang pada saat dia sedang mendirikan solat. Ibunya memanggilnya: "Wahai Juraij!" Juraij berkata dalam hatinya:

!! !! ! !!! !!! !!!

"Wahai Tuhan, ibuku (memanggil) padahal aku bersolat." Juraij memilih untuk meneruskan solatnya sehingga ibunya pergi.

Pada keesokan hari ibunya datang semula dan Juraij masih sedang bersolat. Ibunya memanggilnya: "Wahai Juraij!" Juraij berkata dalam hatinya: "Wahai Tuhan, ibuku (memanggil) padahal aku bersolat." Juraij memilih untuk meneruskan solatnya sehingga ibunya pergi.

Pada keesokan hari ibunya datang semula (untuk kali ketiga) dan Juraij masih sedang bersolat. Ibunya memanggilnya: "Wahai Juraij!" Juraij berkata dalam hatinya: "Wahai Tuhan, ibuku (memanggil) padahal aku bersolat." Juraij memilih untuk meneruskan solatnya

sehingga ibunya pergi. Lantas ibunya berdoa:

!! !! !!! !!!!! !! !!! !! !!! !! !!!

**"Ya Allah! Janganlah Engkau matikan Juraij
melainkan setelah dia melihat wajah-wajah pelacur!"**

Sejak saat itu, kaum Bani Israil mula berbincang berkenaan Juraij dan ibadahnya. Ada seorang pelacur yang berdandan cantik berkata: "Jika kalian kehendaki, aku akan menggodanya untuk kalian." Maka pelacur itu menawarkan diri kepada Juraij, tetapi Juraij sama sekali tidak mengendahkannya. Lalu pelacur tersebut mendatangi seorang pengembala kambing yang sedang berteduh di biara Juraij, menyerahkan diri kepadanya sehingga pengembala itu menyebuhinya.

Pelacur tersebut menjadi hamil. Ketika anak itu dilahirkan, pelacur tersebut mendakwa: "Ini adalah anak Juraij." Maka orang ramai mendatangi Juraij, memaksanya keluar, menghancurkan biaranya dan memukulnya. Juraij bertanya: "Kenapakah kalian melakukan semua ini?" Mereka menjawab: "Engkau telah melacur dengan pelacur ini sehingga dia melahirkan anak kamu!" Juraij bertanya: "Di manakah anak tersebut?" Lalu bayi itu dibawa kepada Juraij. Dia berkata: "Biarkan aku, aku ingin bersolat terlebih dahulu." Maka Juraij bersolat. Setelah selesai, Juraij mendatangi bayi tersebut, memukul di perutnya, lalu bertanya:

!!!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!!

"Wahai bayi, siapakah ayah kamu?" Bayi itu menjawab: "Ayahku adalah seorang pengembala kambing."

Tatkala mendengar jawapan tersebut, orang ramai kembali kepada Juraij, menyentuhnya dan menciumnya (kerana mereka telah bersalah dalam menuduhnya) dan berkata: "Kami akan membangunkan semula biara kamu yang kami hancurkan dengan emas." Juraij menjawab: "Tidak, tetapi bangunkanlah ia dengan tanah sebagaimana asalnya."¹

Hadir di atas menunjukkan betapa besar kedudukan ibubapa ke atas seorang anak dan betapa pentingnya bagi seorang anak untuk berbuat baik kepada ibubapanya. Bayangkan, jika seorang anak yang sedang bersolat dianggap melakukan kesalahan kerana tidak mengendahkan hajat ibunya, bagaimana pula dengan kita yang sering leka mengejar kehidupan dunia sehingga tidak mengendahkan hajat ibubapa kita?

Melalui buku ini, saya akan cuba memaparkan ayat-ayat al-Qur'an serta hadis-hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih berkenaan kedudukan ibubapa dan

¹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya* – hadis no: 2550 (*Kitab al-Birr wa al-Shalah wa al-Adab, Bab mendahului kebaikan kepada ibubapa daripada solat sunat*).

tuntutan berbuat baik kepada mereka. Kemudian disertakan juga keterangan lanjut tentang beberapa hukum fiqh yang berkaitan dengan berbuat baik kepada ibubapa serta cara mempraktikkannya, sama ada dalam kehidupan mereka atau setelah mereka meninggal dunia. Semua ini saya usahakan sebagai peringatan kepada diri saya sendiri dan para pembaca sekalian untuk menyedari akan betapa besarnya kedudukan ibubapa kita. Semoga dengan peringatan ini, kita akan lebih gigih dan sabar untuk berbuat baik kepada ibubapa kita.

Walaubagaimanapun ingin saya nyatakan awal-awal bahawa sebahagian daripada keterangan yang terkandung dalam buku ini mungkin agak berat untuk diperlakukan. Berat bukan kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala* membebangkan sesuatu yang tidak mampu diperlakukan oleh para hamba-Nya, tetapi berat kerana ia adalah sesuatu yang baru bagi kita dan mempraktikkannya memerlukan beberapa pengubahsuaian dalam cara pemikiran dan jadual kehidupan.

Semoga Allah memudahkan kita untuk mempraktikkan ayat-ayat-Nya serta hadis-hadis Rasul-Nya berkenaan kedudukan ibubapa dan tuntutan untuk berbuat baik kepada mereka.

A: Ibubapa Menurut al-Qur'an.

Terdapat tiga ayat di dalam al-Qur'an yang saling berulang, yang dapat kita gunakan untuk mengetahui betapa besar kedudukan ibubapa dan betapa penting tuntutan untuk berbuat baik kepada mereka. Ayat-ayat tersebut adalah:

Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibubapa.
[al-Nisa' 4:36]²

Katakanlah: "Marilah, supaya aku bacakan apa yang telah diharamkan oleh Tuhan kamu kepada kamu, iaitu janganlah kamu sekutukan dengan Allah sesuatupun; dan hendaklah (kamu) membuat baik kepada ibubapa." [al-An'aam 6:151]

Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. [al-Isra' 17:23]

Jika kita mengkaji ketiga-tiga ayat di atas, akan ditemui

² Terjemahan ayat-ayat al-Qur'an dalam buku ini diambil daripada *Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an* oleh Abdullah Basmeih rahimahullah, edisi cdrom *The Holy Qur'an v6.31* terbitan Harf IT (www.harf.com).

bahawa ia memiliki tiga kesamaan:

Pertama:

Perlu difahami bahawa mentauhidkan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* tidak semata-mata dengan berkata "Tidak ada tuhan melainkan Allah". Apa yang tersemat di hati dan terukir di lisan perlu dibuktikan kemantapan dan kemurniannya dengan perbuatan.

Ayat-ayat di atas kesemuanya menghubungkan perintah berbuat baik kepada ibubapa dengan perintah mentauhidkan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Dalam susunan kata yang lain, setelah diperintahkan kepada kita untuk mentauhidkan-Nya, yakni dengan mengesakan-Nya dan beribadah kepada-Nya

sahaja, Allah memerintahkan kita untuk berbuat baik kepada kedua ibubapa. Ini menjadi ukuran pertama tentang betapa besar kedudukan ibubapa dan betapa penting tuntutan untuk berbuat baik kepada mereka. Seandainya kedudukan dan tuntutan ini adalah "biasa-biasa" sahaja, nescaya Allah tidak akan meletakkannya di tangga kedua selepas perintah mentauhidkan-Nya.

Perlu difahami bahawa mentauhidkan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* tidak semata-mata dengan berkata "Tidak ada tuhan melainkan Allah". Apa yang tersemat di hati dan terukir di lisan perlu dibuktikan kemantapan dan kemurniannya dengan perbuatan, yakni amal ibadah. Seterusnya amal ibadah itu

terbahagi kepada dua jenis:

1. Ibadah yang bersifat "menegak (*vertical*)", iaitu yang melibatkan hubungan antara kita dengan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Ini adalah ibadah-ibadah yang masa, tempat dan caranya telah ditentukan secara terperinci oleh Allah dan Rasul-Nya. Wudhu', solat, puasa, haji dan zikir termasuk dalam kategori ini.
2. Ibadah yang bersifat "mendatar (*horizontal*)", iaitu yang melibatkan hubungan antara kita dengan sesama makhluk. Ini adalah ibadah-ibadah yang telah ditentukan secara umum manakala perincian pengamalannya diserahkan kepada manusia, selari dengan suasana masing-masing. Berbuat baik kepada ibubapa, jiran, sesama manusia, haiwan dan alam sekitar termasuk dalam kategori ini. Pada waktu yang sama tidak berjumpa dengan bomoh, tidak berdoa kepada sesama makhluk dan tidak mempercayai kekuasaan tertentu pada kejadian tertentu juga termasuk dalam kategori ini.

Tidak sempurna tauhid seseorang yang hanya bersolat dan berpuasa akan tetapi dia tidak mengendahkan hal ehwal ibubapnya. Demikian juga, tidak sempurna tauhid seseorang jika dia hanya memerhatikan ibubapnya sehingga melalaikan kewajipan solat, puasa dan sebagainya.

Berbuat baik kepada ibubapa termasuk salah satu

bentuk pembuktian akan kemantapan dan kemurnian tauhid kita kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Tidak sempurna tauhid seseorang yang hanya bersolat dan berpuasa akan tetapi dia tidak mengendahkan hal ehwal ibubapnya. Demikian juga, tidak sempurna tauhid seseorang jika dia hanya memerhatikan ibubapnya sehingga melalaikan kewajipan solat, puasa dan sebagainya. Ketauhidan seseorang hanya akan mencapai tahap kesempurnaan jika dia memerhatikan dengan adil ibadah yang bersifat menegak dan mendatar. Demi kefahaman yang lebih baik, marilah kita ikuti penjelasan Muhammad Quraish Syihab:

Ibadah, sebagaimana dikemukakan ketika mentafsir (surah) *al-Fatiyah*, bukan hanya sekadar ketaatan dan ketundukan tetapi adalah suatu bentuk ketundukan dan ketaatan yang mencapai puncaknya kerana ada rasa keagungan dalam jiwa seseorang terhadap siapa yang kepadanya dia mengabdi, serta sebagai dampak (hasil) dari keyakinan bahawa pengabdian itu tertuju kepada yang memiliki kekuasaan yang erti hakikatnya tidak terjangkau. Begitu lebih kurang tulis Syekh Muhammad Abduh.

Perintah beribadah dalam ayat ini (*al-Nisa* 4:36) bukan saja ibadah ritual atau yang dikenali dengan *Ibadah Mahdah*, yakni ibadah yang cara, kadar dan waktunya ditetapkan oleh Allah atau Rasul seperti shalat, zakat, puasa dan haji, tetapi mencakup segala macam aktivitas yang hendaknya dilakukan

demi kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Ibadah yang dimaksudkan adalah perwujudan dari perintah-Nya:

Katakanlah: "Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam." [al-An'aam 6:162]. Sementara ulama memahami perintah ibadah dalam ayat ini dalam arti "tauhid praktis", dimana amal-amal kebajikan merupakan buah dari keyakinan kalbu atas keesaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.³

Sebelum beralih ke penjelasan seterusnya, ingin diterangkan bahawa menghubungkan perintah berbuat baik kepada ibubapa dengan perintah mentauhidkan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* juga berlaku kepada umat-umat sebelumnya. Di antaranya ialah Bani Israil dimana Allah berfirman:

Dan (ingatlah), ketika Kami mengikat perjanjian setia dengan Bani Israil (dengan berfirman): "Janganlah kamu menyembah melainkan Allah, dan berbuat baiklah kepada kedua ibubapa." [al-Baqarah 2:83]

Demikian juga Luqman⁴, apabila beliau menasihati

³ *Tafsir al-Mishbah*, (Lentera Hati, Djuanda, 2000-2004), jld. 2, ms. 415.

⁴ Siapakah Luqman? Berkata Ibn Katsir: "(Para tokoh) generasi awal berbeza pendapat berkenaan Luqman, adakah beliau seorang Nabi atau seorang hamba shalih yang bukan nabi? Di antara dua pendapat ini, kebanyakan mereka

anaknya, berbuat baik kepada ibubapa diletakkannya di tangga kedua selepas tauhid:

Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa dia memberi nasihat kepadanya: "Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekuatkan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar. Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibubapanya." [Luqman 31:13-14]

Kedua:

Dalam rangka memerintahkan berbuat baik kepada ibubapa, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menggunakan perkataan

cenderung kepada yang kedua (yakni seorang hamba shalih, bukan seorang nabi)." [Tafsir Ibn Katsir, (edisi Cdrom *The Holy Qur'an* v6.31; tafsir kepada ayat 12 surah Luqman)] Al-Qur'an dalam persoalan ini bersikap diam, kecuali sekadar menerangkan bahawa Luqman adalah seorang yang telah dikurniakan kebijaksanaan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Firman Allah:

﴿إِنَّمَا نَهَاكُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ لِئَلَّا هُوَ أَعْلَمُ بِالْجَنَاحِ لَكُمْ مِّنْ حُكْمِ رَبِّكُمْ وَلَا هُوَ مُنْذَنٌ إِلَيْكُمْ إِنَّمَا نَهَاكُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ لِئَلَّا هُوَ أَعْلَمُ بِالْجَنَاحِ لَكُمْ مِّنْ حُكْمِ رَبِّكُمْ وَلَا هُوَ مُنْذَنٌ إِلَيْكُمْ﴾

Dan sesungguhnya Kami telah memberi kepada Luqman, hikmat kebijaksanaan, (serta Kami perintahkan kepadanya): Bersyukurlah kepada Allah (akan segala nikmatNya kepadamu). [Luqman 31:12]

Apa yang tidak diterangkan oleh Allah dan Rasul-Nya, bererti ia tidak penting untuk diketahui oleh umat Islam. Maka tidak perlu kita membazir masa dan tenaga untuk mengkaji lebih dalam tentang persoalan ini atau apa-apa yang seumpama. Lebih lanjut, rujuk buku saya *Marilah Berkenalan Dengan al-Qur'an* terbitan Jahabera, Johor Bahru, 2005.

Ihsan (إحسان) yang bererti berbuat kebaikan yang sebaik-baiknya, melebihi kebiasaan. Penjelasan Muhammad Quraish Syihab sekali lagi menjadi tumpuan:

Al-Qur'an menggunakan perkataan *Ihsan* (إحسان) sebanyak enam kali, lima di antaranya dalam konteks berbakti kepada kedua orang tua. Kata *Husn* (حسن) mencakup "Segala sesuatu yang menggembirakan dan disenangi. *Hasanah* digunakan untuk menggambarkan apa yang menggembirakan manusia kerana perolehan nikmat menyangkut diri (rohani), jasmani dan keadaannya." Demikian dirumuskan oleh pakar kosakata al-Qur'an, ar-Ragib al-Asfahani.

Selanjutnya, menurut pakar tersebut, kata *Ihsan* digunakan untuk dua hal; pertama: memberi nikmat kepada pihak lain dan kedua: perbuatan baik. Kerana itu, kata *Ihsan* lebih luas dari sekadar "memberi nikmat atau nafkah". Maknanya bahkan lebih tinggi dan mendalam daripada kandungan makna "adil", kerana adil adalah "memperlakukan orang lain sama dengan perlakunya kepada anda", sedangkan *Ihsan* adalah "memperlakukannya lebih baik daripada perlakunya terhadap anda". Adil adalah mengambil semua hak anda dan/atau memberi semua hak orang lain sedangkan *Ihsan* adalah "memberi lebih banyak daripada apa yang harus anda berikan dan mengambil lebih sedikit daripada apa yang

seharusnya anda ambil".⁵

Ketiga:

Apabila menyentuh ibubapa, ketiga-tiga ayat di atas menggunakan perkataan *bi* (ب), iaitu *wa bil walidain ihsana* (وبالوالدين إحسانا). Diingatkan bahawa firman-firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* di dalam al-Qur'an bukanlah sesuatu yang berlaku secara rambang, akan tetapi setiap pilihan perkataan dan susunan ayat memiliki maksud dan tujuannya yang tersendiri. Dalam kes ini, Muhammad Quraish Syihab menjelaskan maksud dan tujuan penggunaan perkataan *bi* (ب):

Al-Qur'an menggunakan kata penghubung *bi* ketika berbicara tentang bakti kepada ibubapa: *wa bil walidain ihsana* (وبالوالدين إحسانا) padahal bahasa juga membenarkan penggunaan */i* (إي) yang bererti "untuk" dan *ila* (إلى) yang bererti "kepada" sebagai penghubung kata *Ihsan*.

Menurut pakar-pakar bahasa, kata *ila* (إي) mengandung makna "jarak" sedangkan Allah tidak menghendaki adanya jarak walau sedikit pun dalam hubungan antara anak dan orang tuanya. Anak harus selalu mendekat dan merasa dekat kepada ibubapanya, bahkan kalau dapat (hendaklah) dia melekat

⁵ *Tafsir al-Mishbah*, jld. 2, ms. 416-417.

kepadanya. Kerana itu digunakan kata *bi* yang mengandung erti *Ishaq*

(الصاق) yakni "kelekatan". Kerana itulah, maka bakti yang dipersembahkan oleh anak kepada orang tuanya, pada hakikatnya bukan untuk ibubapanya tetapi untuk dirinya sendiri. Itu pula sebab tidak dipilih kata penghubung */i (J)* yang mengandung makna "peruntukan".⁶

Demikian tiga ayat yang saling berulang dan tiga kesamaan dalam ayat-ayat tersebut yang menunjukkan kepada kita betapa besar kedudukan ibubapa dan betapa penting tuntutan untuk berbuat baik kepada mereka. Kebaikan yang dipersembahkan kepada ibubapa kita hendaklah melebihi daripada kebaikan yang biasa, bahkan sehingga menjadikan kita sebegitu rapat dengan mereka. Lebih penting, berbuat baik kepada ibubapa adalah pembuktian tauhid kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang diterjemahkan dalam bentuk perbuatan. Seterusnya marilah kita mengkaji tuntutan berbuat baik kepada ibubapa menurut al-Sunnah.

⁶ *Tafsir al-Mishbah*, jld. 2, ms. 417.

B: Ibubapa Menurut al-Sunnah.

Terdapat banyak hadis saihih yang menerangkan kedudukan ibubapa di dalam Islam dan tuntutan untuk berbuat baik kepada mereka. Berikut dikemukakan sebahagian daripada hadis-hadis tersebut diikuti dengan penjelasan tentang petunjuk hukum dan pengajaran daripadanya:

Pertama: Keredhaan Allah Terletak Pada Keredhaan Ibubapa.

Rasullullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

! !

Keredhaan Allah terletak pada keredhaan ibubapa manakala kemurkaan Allah terletak pada kemurkaan ibubapa.⁷

⁷ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dalam *Sunannya* – hadis no: 1899 (*Kitab al-Birr wa al-Shalah, Bab berkenaan keutamaan pada keredhaan ibubapa*) dan ia dinilai saihih oleh al-Albani dalam *Silsilah al-Ahadits al-Shahihah* – hadis no: 515.

Rasullullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Keredhaan Allah terletak pada keredhaan ibubapa manakala kemurkaan Allah terletak pada kemurkaan ibubapa.

Hadis ini membenarkan apa yang disebut sebelum ini, bahawa hubungan seorang anak dengan ibubapanya memiliki kaitan dengan hubungannya kepada Allah. Jika seorang anak berbuat baik kepada kedua ibubapanya sehingga mereka redha kepadanya, maka Allah juga redha kepada anak tersebut. Akan tetapi jika seorang anak tidak berbuat baik sehingga menimbulkan kemurkaan ibubapanya, maka Allah juga murka kepadanya.

Walaubagaimanapun hendaklah diperhatikan bahawa apa yang meredhakan ibubapa tidak mengakibatkan kemurkaan Allah. Maksud saya, jangan melakukan sesuatu yang merupakan maksiat kepada Allah dalam rangka berbuat baik kepada ibubapa. Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam mengingatkan:

!!!!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!!

Menjadi kewajipan seorang muslim untuk mendengar dan taat dalam perkara yang disukai mahupun yang dibenci selagi mana ia tidak melibatkan maksiat. Maka jika disuruh untuk melakukan maksiat maka tidak perlu mendengar dan tidak perlu

mentaatinya.⁸

Di samping tidak boleh berbuat baik kepada ibubapa dalam hal-hal yang merupakan maksiat kepada Allah, kita juga tidak boleh berbuat baik kepada ibubapa dalam hal-hal yang merupakan maksiat kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Baginda berpesan:

!! !!!!! !!!!!!! !!!!! !!!!! ! ! !!!!! ! ! !!!!! ! ! !!!!! ! ! !!!!! ! ! !!!!!

Tidak beriman seseorang kamu sehinggalah aku lebih dicintainya berbanding ibubapanya, anaknya dan manusia seluruhnya.⁹ Cinta kepada Rasulullah, sebagaimana yang dimaksudkan oleh hadis di atas, bukanlah sekadar perasaan di hati tetapi adalah dengan pembuktian praktikal, seperti mentaati perintah larangan baginda, mengikuti sunnahnya dan membenci bid'ah yang merosak dan mencemari sunnah tersebut.

Oleh itu tuntutan berbuat baik kepada ibubapa haruslah

**Walaubagaimanapun
hendaklah diperhatikan
bahawa apa yang
meredahkan ibubapa tidak
mengakibatkan kemurkaan
Allah.**

⁸ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya* – hadis no: 7144 (*Kitab al-Ahkam, Bab mendengar dan taat kepada pemerintah selagi mana ia bukan merupakan maksiat*).

⁹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya* – hadis no: 15 (*Kitab al-Iman, Bab mencintai Rasulullah adalah sebahagian daripada iman*).

selari dengan petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah, iaitu syari'at Islam. Justeru seandainya ibubapa menyuruh kita membelikan mereka minuman keras atau membantunya membuat acara kemungkaran seperti pesta (*party*) di rumah, kita tidak perlu mentaatinya. Jika kita mendapati ibubapa cenderung kepada sesuatu yang menyelisihi syari'at Islam, hendaklah:

1. Terlebih dahulu memastikan bahawa ia benar-benar menyelisihi syari'at Islam. Jika perkara tersebut merupakan sesuatu yang diperbincangkan oleh para ilmuan, maka hendaklah kita mengambil sikap berlapang dada. Oleh itu, sebagai contoh, jika kita cenderung kepada hukum larangan mendengar muzik manakala ayah pula gemar mendengar lagu-lagu klasik, maka hendaklah kita bersikap lapang dada. Biarkanlah ayah mendengar lagu-lagu kegemarannya.¹⁰

¹⁰ Terdapat perbezaan pendapat di kalangan ilmuan tentang hukum muzik. Antara rujukan terkini yang baik untuk dijadikan kajian dan perbandingan adalah:

1. *Polemik Sepertar Hukum Lagu & Muzik* oleh Nashr al-Din al-Albani (edisi terjemahan oleh Abu Umar Basyir daripada judul asal *Tahrif Alatit Tharab*; Darul Haq, Jakarta, 1999). Ringkasnya al-Albani berpendapat muzik dilarang kecuali dalam beberapa suasana yang terhad seperti majlis perkahwinan. Itupun dengan beberapa alat muzik yang terhad.
2. *Fiqih Muzik & Lagu Perspektif al-Qur'an dan as-Sunnah* oleh Yusuf al-Qaradhwai (edisi terjemahan oleh Achmad Fulex & Awan Sumarna daripada judul asal *Fiqh al-Ghina wa al-Musiqi fi Dhau'i al-Qur'an wa as-Sunnah*; Mujahid Press, Bandung, 2002). Ringkasnya al-Qaradhwai berpendapat muzik adalah harus kecuali apabila ia disalahgunakan ke

2. Jika dipastikan bahawa ia benar-benar menyelisihi syari'at Islam, maka janganlah ditegur secara kasar dan mendadak. Sebaliknya maafkanlah mereka, pohonkan keampunan Allah kepada mereka¹¹, kemudian berbincanglah secara hikmah dan lemah lembut. Kemudian jangan diharapkan perubahan secara serta merta, sebaliknya bertawakkallah kepada Allah agar pada satu masa nanti, secara bertahap-tahap, mereka akan berubah. Ikutilah sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dalam perkara ini, iaitu sebagaimana firman Allah:

Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka dan pohonkanlah ampun bagi

arah perkara yang merupakan maksiat kepada Allah seperti melalaikan daripada solat pada awal waktu.

¹¹ Sikap yang pertama adalah memaafkan mereka dan mendoakan keampunan kepada mereka. Ini akan menenangkan hati kita, seterusnya menjadi penggerak untuk kita memahami kenapakah mereka cenderung kepada sesuatu yang menyelisihi syari'at. Mungkinkah mereka tidak tahu, salah faham, tidak mampu, terlanjur atau memiliki sebab-sebab lain yang tidak kita fahami? Kemudian, dengan sikap memaafkan mereka dan mendoakan keampunan kepada mereka, teguran kita kepada mereka akan lebih bersifat lemah lembut dan hikmah, tidak kasar dan mendadak.

mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat) maka bertawakkallah kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakal kepada-Nya. [Ali Imran 3:159]

Berdasarkan hadis-hadis yang dikemukakan di atas, dapat dirumuskan bahawa sebelum seseorang itu membuat apa-apa keputusan, hendaklah diperhatikan bahawa keputusan tersebut menepati dua syarat berikut:

1. Ia selari dengan syari'at Islam.
2. Ia diredhai oleh ibubapanya.

Jika seorang anak mengalami kehidupan yang sempit lagi serba tak menjadi, hendaklah dia memerhatikan hubungannya dengan ibubapanya.

Seandainya wujud pertentangan antara dua syarat tersebut, hendaklah dicari jalan untuk menghilangkan pertentangan tersebut. Ini akan dijelaskan seterusnya dalam buku ini.

Pengajaran lain yang tidak kurang pentingnya daripada hadis di atas, yakni sabda Rasulullah yang bermaksud: "**Keredhaan Allah terletak pada keredhaan ibubapa manakala kemurkaan Allah terletak pada kemurkaan ibubapa**", ialah jika kita mengalami kehidupan yang sempit lagi serba tak menjadi, hendaklah

diperhatikan hubungan kita dengan ibubapa. Ini kerana seorang anak yang berada di bawah keredhaan ibubapanya, kehidupannya akan menjadi lapang lagi mudah hasil daripada keredhaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepadanya. Sebaliknya seorang anak yang berada di bawah kemurkaan ibubapanya, kehidupannya akan menjadi sempit dan serba tak menjadi, disebabkan kemurkaan Allah kepadanya.

Kedua: Derhaka Kepada Ibubapa Termasuk Dosa Besar.

Abi Bakrah *radhiyallahu 'anh* berkata, Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah bertanya tiga kali: "**Mahukah aku memberitahu kalian tentang dosa yang paling besar?**" Mereka (para sahabat) menjawab: "**Sudah tentu wahai Rasulullah!**" Baginda menjelaskan:

!!!!!! !!!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!! !!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! ^
!!!!!!

Syirik kepada Allah, derhaka kepada ibubapa (perawi menerangkan, bahawa baginda ketika itu duduk sambil bersandar, lalu menyambung) dan sumpah yang

*palsu.*¹²

Derhaka kepada ibu adalah lebih berat dosanya, berdasarkan sebuah hadis lain dimana Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* mengkhususkan larangan berbuat derhaka kepada seorang ibu:

!!!! !!! !!!y!!! !!!!!!!!! !!!É! !!!!!! !!!!!! !!!!!!
!!!!y!!!! !!!!!! !!!f!!! !!!!!! !!!!!! !!!!!!

Sesungguhnya Allah mengharamkan ke atas kalian berbuat derhaka kepada ibu, meminta sesuatu yang bukan haknya dan menanam bayi perempuan hidup-hidup. Dan (Allah) membenci kalian menyebarkan gosip, banyak bertanya dan mensia-siakan harta.¹³

Yang dimaksudkan dengan derhaka adalah apa sahaja perbuatan yang bertentang dengan berbuat baik dan *ihsan*. Antaranya, meninggikan suara, menggunakan perkataan yang kasar, sinis dan menyinggung perasaan, tidak memenuhi permintaan mereka (selagi mana ia bukan sesuatu yang bertentangan secara jelas dengan syari'at Islam) dan membiarkan mereka dalam keadaan memerlukan bantuan, sama ada dalam bentuk rohani atau jasmani. Seorang ibu yang menangis dan seorang ayah yang termenung dalam konteks

¹² **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya* – hadis no: 2654 (*Kitab al-Syahadat, Bab apa yang diperkata berkenaan sumpah palsu*).

¹³ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya* – hadis no: 5975 (*Kitab al-Adab, Bab derhaka kepada ibubapa termasuk dosa besar*).

berinteraksi dengan anak lazimnya adalah isyarat bahawa mereka telah diderhakai.

'Abd Allah ibn 'Umar *radhiallahu 'anhu* pernah menerangkan bahawa dosa-dosa terbesar ada sembilan, iaitu:

Mempersekutukan Allah, membunuh orang lain (tanpa hak), melarikan diri daripada pertempuran, memfitnah seorang wanita (dengan tuduhan zina), memakan riba', memakan harta anak yatim, berbuat maksiat dalam masjid, menghina ibubapa dan (menyebabkan) ibubapa menangis disebabkan kederhakaan (anak kepada mereka berdua).¹⁴

Ibu dikhususkan daripada ayah kerana lazimnya anak-anak lebih berani bertindak derhaka kepada ibu berbanding ayah. Sifat kewanitaan seorang ibu yang lemah lembut dan peranannya yang "hanya di rumah" menyebabkan sebahagian anak-anak tidak menghormati ibu mereka, lantas berani bersikap derhaka kepadanya.

Ibu dikhususkan daripada ayah kerana lazimnya kita sebagai anak-anak lebih berani bertindak derhaka kepada ibu berbanding ayah. Sifat kewanitaan seorang ibu yang lemah lembut dan peranannya yang "hanya di rumah" menyebabkan sebahagian kita tidak

¹⁴ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *al-Adab al-Mufrad* – hadis no: 8 dan ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Silsilah al-Ahadits al-Shahihah* – hadis no: 2898

menghormatinya, lantas berani bersikap derhaka kepadanya. Maka Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* memberi amaran khusus kepada kita berkenaan ibu kita, bahawa janganlah menderhakainya.

Ketiga: Ibu Lebih Utama Berbanding Ayah.

Abu Hurairah *radhiallahu 'anh* berkata:

! !!!!!!! ! !!!!!!! !!!!! ! !!!!!!! ! !!!!!!! ! !!!!!!! ! !!!!!!! ! !!!!!!! ! !!!!!!! ! !!!!!!! ! !!!!!!!

Seorang lelaki datang menemui Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam dan bertanya: "Siapakah manusia yang paling berhak untuk aku layan dengan sebaik-baiknya?" Baginda menjawab: "Ibu kamu." Dia bertanya lagi: "Kemudian siapa?" Baginda menjawab: "Ibu kamu." Dia bertanya lagi: "Kemudian siapa?" Baginda menjawab: "Ibu kamu." Dia bertanya lagi: "Kemudian siapa?" Baginda menjawab: "Ibu kamu." Dia bertanya lagi: "Kemudian siapa?" Baginda menjawab: "Ayah kamu."¹⁵

¹⁵ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya* – hadis no: 5971 (*Kitab al-Adab, Bab siapakah manusia yang paling berhak untuk dilayan dengan baik*).

Seorang sahabat bernama Jahimah *radhiyallahu 'anh* datang menemui Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* meminta pandangan baginda untuk dia ikut serta dalam ekspedisi Jihad. Rasulullah bertanya: "Adakah kamu masih mempunyai ibu?" Jahimah menjawab: "Ya." Lalu Rasulullah bersabda:

!!!! !!!! ! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!!

"Tinggallah bersamanya kerana sesungguhnya syurga terletak di bawah tapak kakinya."¹⁶

**Di antara ibu dan ayah,
ibulah yang lebih
berhak untuk menerima
perhatian daripada
seorang anak. Tidak
sekadar itu, ibu
memiliki hak yang tiga
kali ganda lebih besar
daripada seorang ayah.**

Di antara ibu dan ayah, ibulah yang lebih berhak untuk menerima perhatian daripada seorang anak. Tidak sekadar itu, ibu memiliki hak tiga kali ganda lebih besar daripada seorang ayah sepertimana terbukti melalui hadis di atas. Syurga juga terletak di bawah kaki ibu, sebagaimana yang dijelaskan dalam hadis kedua di atas. Selain itu Allah *Subhanahu wa Ta'ala* juga telah mengkhususkan beberapa ayat-Nya di dalam al-Qur'an untuk ibu. Ini tidak lain menunjukkan betapa besar dan mulia

¹⁶ **Hasan Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Nasai dan dinilai hasan sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Nasai* – hadis no: 3104 (*Kitab al-Jihad, Bab kelonggaran daripada berperang bagi orang yang memiliki ibu*).

kedudukan ibu di sisi Allah dalam peranannya melahirkan anak dan membesarkannya.¹⁷ Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibubapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua ibubapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan). [Luqman 31:14]

Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibubapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung susah payah dan telah melahirkannya dengan menanggung susah payah. [al-Ahqaf 46:15]

Terdapat beberapa sebab mengapa ibu memiliki hak tiga kali ganda lebih besar daripada seorang ayah:

1. Ibu terpaksa menanggung pelbagai kesusahan, sama

¹⁷ Sayang sekali kebanyakan wanita sekarang ini tidak lagi memandang mulia terhadap peranan mereka untuk melahir dan membesarkan anak. Apa yang dipandang mulia oleh Allah kini dipandang hina oleh manusia. Semua ini berlaku kerana manusia kini mengejar kemuliaan mengikut ukuran mereka sendiri. Mereka tidak sedar bahawa apa yang dianggap mulia oleh sebahagian manusia dianggap hina oleh manusia yang lain. Apa yang dianggap mulia pada masa kini akan menjadi hina pada masa akan datang. Ringkasnya, kemuliaan mengikut ukuran manusia sentiasa bersifat nisbi manakala kemuliaan mengikut ukuran Allah sentiasa bersifat hakiki.

ada dari sudut fizikal maupun mental, dalam proses mengandung seorang anak. Allah mengkhabarkan kesusahan ini dengan firman-Nya yang bermaksud: "**...ibunya telah mengandungnya dengan menanggung susah payah...**" [al-Ahqaf 46:15]

2. Kesusahan ketika mengandung semakin bertambah selari dengan pembesaran janin. Kesusahan yang semakin bertambah mengakibatkan seorang ibu menanggung kelemahan demi kelemahan: "**...ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan...**"
3. Kesusahan ini mencapai tahap paling berat ketika hendak melahirkan anak tersebut: "**...dan telah melahirkannya dengan menanggung susah payah.**" Kesusahan ini diungkap oleh Allah dalam kisah Maryam ketika beliau hendak melahirkan 'Isa:

(Ketika dia hendak bersalin) maka sakit beranak itu memaksanya (pergi bersandar) ke pangkal sebatang pohon tamar (kurma); dia berkata: "Alangkah baiknya kalau aku mati sebelum ini dan menjadilah aku sesuatu yang dilupakan orang dan tidak dikenang-kenang!" [Maryam 19:23]

Berkenaan kesusahan yang amat berat saat hendak melahirkan, Abi Burdah *radhiallahu 'anh* pernah melihat Ibn 'Umar *radhiallahu 'anhuma* dan seorang lelaki dari Yaman sedang tawaf di sekeliling Ka'bah. Lelaki tersebut

sedang mendukung ibunya lalu mengeluh: "Saya baginya bagaikan tunggangan yang hina." Lalu dia bertanya: "Wahai Ibn 'Umar! Apakah sudah aku balas budinya?" Ibn 'Umar menjawab: "Tidak! Walaupun setarik nafasnya (yakni ketika ibunya sedang melahirkannya)." ¹⁸

4. Setelah melahirkan, ibu benar-benar memberi perhatian kepada anaknya. Seandainya anaknya tidak sihat atau hilang sekejap daripada perhatiannya, nescaya dia menjadi bimbang. Apatah lagi jika anaknya dijauhkan daripadanya, seorang ibu akan teramat berduka cita sehingga hatinya menjadi kosong, sehinggalah anaknya dikembalikan kepadanya.

Kenalilah perhatian seorang ibu terhadap anaknya berdasarkan kisah berikut daripada al-Qur'an, ketika Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memerintah ibu Musa untuk menghanyutkan anaknya (Musa) agar dia (Musa) tidak ditangkap dan dibunuh oleh Fir'aun:

Dan Kami ilhamkan kepada ibu Musa: "Susukanlah dia; dalam pada itu jika engkau takutkan sesuatu bahaya mengenainya (dari angkara Firaun), maka (letakkanlah dia di dalam peti dan) lepaskanlah dia ke laut; dan janganlah engkau merasa bimbang dan jangan pula berduka cita; sesungguhnya Kami akan mengembalikannya kepadamu dan Kami akan melantiknya menjadi salah seorang daripada

¹⁸ **Sanad Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dan sanadnya dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih al-Adab al-Mufrad* – hadis no: 9.

Rasul-rasul Kami.

Setelah itu dia (Musa) dipungut oleh orang-orang Firaun; kesudahannya dia akan menjadi musuh dan menyebabkan dukacita bagi mereka; sesungguhnya Firaun dan Haman serta orang-orangnya adalah golongan yang bersalah.

Dan (ketika melihat kanak-kanak itu) berkatalah isteri Fir'aun: "(Semoga dia menjadi) cahaya mata bagiku dan bagimu; janganlah kamu membunuhnya; mudah-mudahan dia berguna kepada kita atau kita jadikan dia anak." Padahal mereka tidak menyedari (kesudahannya).

Dan (sepeninggalannya) menjadilah hati ibu Musa kosong; sesungguhnya dia nyaris-nyaris menyatakan perihal anaknya itu dengan berterus-terang jika tidaklah Kami kuatkan hatinya (dengan perasaan sabar dan tenang tenteram), supaya tetaplah dia dari orang-orang yang percaya (akan janji Allah).

Dan berkatalah dia kepada kakak Musa: "Pergilah cari khabar beritanya." (Maka pergilah dia) lalu dilihatnya dari jauh sedang orang ramai tidak menyadarinya.

Dan Kami jadikan dia (Musa) dari mulanya enggan menyusu kepada perempuan-perempuan yang hendak menyusukannya; (melihatkan halnya itu), kakaknya berkata (kepada isteri Fir'aun):

"Mahukah aku tunjukkan kamu kepada penduduk sebuah rumah yang dapat memeliharanya untuk kamu, serta mereka tulus ikhlas kepadanya?"

Maka (dengan jalan itu) Kami kembalikan dia kepada ibunya supaya tenang tenteram hatinya dan tidak berduka cita (disebabkan bercerai dengannya); dan supaya dia mengetahui bahawa janji Allah (untuk menyelamatkannya) adalah benar; akan tetapi kebanyakannya mereka tidak mengetahui (yang demikian itu). [Maksud surah al-Qasas 28:7-13]

5. Sekalipun dengan segala pengorbanan ibu daripada saat mengandung hingga kepadanya membesarkan, seorang anak lazimnya akan lebih cenderung untuk meremehkan ibunya berbanding ayahnya. Faktor penyebab adalah sama ketika menjelaskan bab sebelum ini berkenaan mengapa ibu dikhususkan daripada ayah dalam larangan menderhaka. Sifat kewanitaan seorang ibu yang lemah lembut dan peranannya yang "hanya di rumah" menyebabkan sebahagian anak-anak tidak menghormati ibu mereka dan justeru melecehkan tuntutan berbuat baik kepadanya.

Lima sebab di atas, paling kurang, menjelaskan mengapa Allah dan Rasul-Nya mengkhususkan seorang ibu di atas seorang ayah. Malah hadis yang asal dalam perbincangan ini memberi hak tiga kali ganda lebih besar kepada seorang ibu berbanding seorang ayah. Oleh itu dalam rangka berbuat baik

kepada ibubapa, hendaklah kita memberi perhatian dan keutamaan kepada ibu.

Mengambil iktibar daripada kisah para sahabat Rasulullah, seorang lelaki pernah bertanya kepada Ibn 'Abbas *radhiallahu 'anhuma*, "Saya meminang seorang wanita tetapi dia menolak pinangan aku. Setelah itu datang orang lain meminangnya lalu dia menerimanya. Saya menjadi cemburu kepadanya dan saya membunuhnya. Apakah ada taubat untuk saya?"

Ibn 'Abbas bertanya: "Apakah ibu kamu masih hidup?" Dia menjawab: "Tidak." Ibn 'Abbas berkata: "Bertaubatlah kepada Allah dan mendekatlah kepada-Nya semampu mungkin."

Atha' bin Yasar (yang hadir sama saat itu) bertanya kepada Ibn 'Abbas: "Mengapa engkau bertanya kepada lelaki tersebut sama ada ibunya masih hidup?" Ibn 'Abbas menjawab: "Saya tidak tahu perbuatan yang paling mendekatkan (seseorang) kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* melainkan berbakti kepada ibu."¹⁹

¹⁹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *al-Adab al-Mufrad* – hadis no: 4 dan ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Silsilah al-Ahadits al-Shahihah* – hadis no: 2799

Keempat: Kepentingan Menggembirakan Ibubapa.

'Abd Allah ibn 'Amr *radhiyallahu 'anh* menerangkan bahawa seorang lelaki datang kepada Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* dan berkata, "**Sesungguhnya aku datang untuk memberi janji taat setia (bai'ah) kepada engkau untuk berhijrah, akan tetapi aku meninggalkan kedua orang tuaku dalam keadaan menangis.**" *Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam* berkata kepadanya:

!!!!!! !!!! !!!! !f! ! !!!!! !!!!!!!

"Kembalilah kepada mereka berdua dan jadikanlah mereka berdua ketawa (gembirakanlah mereka) sebagaimana kamu jadikan mereka menangis."²⁰

Berhijrah adalah salah satu tuntutan Islam yang amat penting. Malah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memberi amaran keras kepada sesiapa yang enggan berhijrah tanpa alasan yang munasabah. Firman Allah:

Sesungguhnya orang-orang yang diambil nyawanya oleh malaikat semasa mereka sedang menganiaya diri sendiri (kerana enggan berhijrah),

²⁰ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Nasai dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Nasai* – hadis no: 4163 (*Kitab al-Bai'ah, Bab berbai'ah untuk hijrah*).

mereka ditanya oleh malaikat dengan berkata: "Apakah yang kamu telah lakukan mengenai agama kamu?" Mereka menjawab: "Kami dahulu adalah orang-orang yang tertindas di bumi." Malaikat bertanya lagi: "Tidakkah bumi Allah itu luas, yang membolehkan kamu berhijrah dengan bebas padanya?" Maka orang-orang yang sedemikian itu keadaannya, tempat akhir mereka ialah neraka jahanam, dan neraka jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali.

Kecuali orang-orang yang lemah (lagi uzur) dari kaum lelaki dan perempuan serta kanak-kanak, yang tidak berdaya upaya mencari helah (untuk melepaskan diri) dan tidak pula mengetahui sesuatu jalan (untuk berhijrah). Maka mereka (yang demikian sifatnya), mudah-mudahan Allah maafkan mereka. Dan (ingatlah), Allah Maha Pemaaf, lagi Maha Pengampun. [al-Nisa' 4:97-99]

Termasuk orang yang dimaafkan kerana tidak berhijrah adalah sebagaimana hadis di atas, dimana jika berhijrah akan menyedihkan ibubapanya, maka yang lebih utama adalah dia tidak berhijrah dan kembali menggembirakan

Menggembirakan ibubapa adalah salah satu daripada tuntutan agama. Oleh itu janganlah melakukan sesuatu tindakan yang menjauhkan ibubapa daripada kegembiraan, apatah lagi jika ia menyedihkan mereka. Tidak ada cara yang terhad untuk menggembirakan ibubapa, asalkan ia tidak melibatkan sesuatu yang dilarang oleh syari'at.

mereka.

Dalam hadis ini terkandung petunjuk bahawa menggembirakan ibubapa adalah salah satu daripada tuntutan agama. Oleh itu janganlah kita melakukan sesuatu tindakan yang menjauhkan ibubapa daripada kegembiraan, apatah lagi jika ia menyediakan mereka. Tidak ada cara yang terhad untuk menggembirakan ibubapa, asalkan ia tidak melibatkan sesuatu yang dilarang oleh syari'at. Kerap kali menghubungi mereka, sering kali menziarahi mereka, membawa mereka bercuti, membelikan mereka hadiah adalah beberapa contoh cara kita boleh menggembirakan ibubapa. Meninggalkan mereka kesunyian, tidak menjengok mereka, tidak prihatin akan hal ehwal mereka, bercakap dengan nada yang keras, memarahi mereka adalah beberapa contoh tindakan kita yang menyediakan mereka.

Timbul persoalan, bolehkah menggembirakan ibubapa dengan meraikan *Mother's Day* dan *Father's Day*? Sebahagian tokoh melarang sambutan *Mother's Day* dan *Father's Day*. Hujah mereka adalah:

1. Hari perayaan dalam Islam hanya dua, iaitu '*Idul Fitri*' dan '*Idul Adha*'. Apa-apa perayaan yang lain adalah bid'ah yang dilarang oleh agama.
2. Seandainya *Mother's Day* dan *Father's Day* adalah baik, sudah tentu Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* akan menganjurkannya kepada para sahabat *radhiallahu*

'anhum pada zaman baginda.

3. *Mother's Day* dan *Father's Day* adalah perayaan orang bukan Islam dan kita umat Islam dilarang daripada mengikuti mereka.
4. Berbuat baik kepada ibu dan ayah adalah tuntutan sepanjang tahun dan bukannya pada satu dua hari tertentu dalam setahun.

Sekalipun tokoh-tokoh yang melarang adalah mereka yang dihormati, itu tidaklah bermakna hujah-hujah mereka tidak boleh dibuka untuk analisa. Dalam menganalisa hujah-hujah mereka berkenaan sambutan *Mother's Day* dan *Father's Day*, saya dapati ianya adalah lemah. Sebabnya:

1. Perayaan bid'ah yang dilarang adalah perayaan yang bersangkutan dengan agama. Aidul Fitri dan Aidul Adha adalah hari perayaan keagamaan, kerana itulah pada hari tersebut kita dituntut untuk bertakbir dan melaksanakan solat sunat. Adapun hari *Mother's Day* dan *Father's Day*, maka ia adalah perayaan yang bersangkutan dengan adat manusia, seperti mana perayaan Hari Guru, Hari Warga Tua dan sebagainya. Tidaklah termasuk dalam perbincangan bid'ah atau sunnah apa yang bersangkutan dengan adat manusia.

Perlu diingatkan bahawa dalam berinteraksi dengan persoalan bid'ah, manusia terbahagi kepada tiga kumpulan:

- **Pertama** adalah mereka yang amat ketat penilaiannya, sehingga hampir semua perkara yang baru dilabel sebagai bid'ah yang dilarang oleh Islam. Padahal sebahagian besar daripada perkara tersebut adalah sesuatu yang harus hukumnya.
 - **Kedua** adalah mereka yang bermudah-mudahan penilaiannya, sehingga hampir semua perkara yang baru dilabel sebagai bid'ah hasanah. Padahal di antara perkara tersebut ada yang benar-benar merupakan bid'ah yang dilarang oleh Islam.
 - **Ketiga** adalah mereka yang berada di pertengahan, tidak berlebih-lebihan dan tidak pula bermudah-mudahan. Setiap perkara yang baru tidak akan dilabel sebagai bid'ah mahupun sunnah melainkan terlebih dahulu dianalisa secara mendalam.
2. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak menganjurkan *Mother's Day* dan *Father's Day* pada zaman baginda kerana suasana yang memerlukannya tidak wujud. Di kalangan sahabat, ada yang ibubapa mereka memusuhi Islam. Maka sememangnya tidak perlu berbuat baik kepada mereka. Bagi sebahagian sahabat yang lain, mereka tinggal bersama atau berhampiran ibubapa sehingga tidak memerlukan hari

yang istimewa untuk berbuat baik kepada ibubapa.

Berbeza dengan masa kini, kebanyakan kita (anak-anak) berada jauh daripada ibubapa, sama ada kerana pembelajaran atau kerjaya. Suasana ini menyebabkan kita perlu mencari ruang untuk berbuat baik kepada ibubapa semampu boleh sambil meneruskan kehidupan sendiri. Meraikan ibubapa pada *Mother's Day* dan *Father's Day* adalah salah satu daripada ruang tersebut.

3. Tidaklah semua yang berasal daripada kaum bukan Islam adalah dilarang. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sendiri pernah meminta para tawanan Perang Badar untuk mengajar umat Islam membaca dan menulis. Baginda juga pernah beberapa kali menggunakan strategi peperangan bangsa lain dalam ekspedisi jihadnya.

Justeru larangan mengikuti kaum bukan Islam sebenarnya ditujukan kepada sesuatu yang merupakan ciri-ciri keagamaan mereka yang masih dipraktikkan. Merujuk kepada hari perayaan, kita umat Islam dilarang untuk turut serta merayakan atau meniru hari keagamaan mereka, seperti Hari Easter, Hari Thaipusam, Hari Wesak dan sebagainya. *Mother's Day* dan *Father's Day* bukanlah hari keagamaan kaum bukan Islam.

4. Hujah "Berbuat baik kepada ibu dan ayah adalah tuntutan sepanjang tahun dan bukannya pada satu dua

hari tertentu dalam setahun” adalah bukti bahawa yang berhujah tidak berpijak di atas bumi yang nyata. Bahkan ia boleh digunakan untuk bertanya kembali kepada mereka: “Jika begitu kenapakah anda saat ini tidak berada dan sentiasa berada di sisi ibubapa anda?”

Berbuat baik kepada ibubapa tidaklah bererti duduk di sebelah mereka sepanjang masa. Akan tetapi ia adalah mengimbangi dengan adil antara berbuat baik kepada mereka dan meneruskan kehidupan sendiri. Salah satu daripada perimbangan tersebut ialah meraikan ibubapa pada hari *Mother’s Day* dan *Father’s Day*. Sudah tentu adalah lebih baik jika anak-anak dapat mewujudkan

ruang yang lebih kerap untuk berbuat baik kepada ibubapa mereka. Ini akan saya jelaskan seterusnya dalam buku ini, *insya-Allah*.

Perlu dingatkan bahawa dalam berinteraksi dengan persoalan bid’ah, manusia terbahagi kepada tiga kumpulan, Pertama adalah mereka yang amat ketat penilaianya, sehingga hampir semua perkara yang baru dilabel sebagai bid’ah yang dilarang oleh Islam. Padahal sebahagian besar daripada perkara tersebut adalah sesuatu yang harus hukumnya.

Oleh itu meraikan *Mother’s Day* dan *Father’s Day* adalah harus, terbuka kepada kedudukan setiap anak-anak. Sesiapa yang mendapati ianya dapat menggembirakan ibubapa mereka, maka teruskanlah. Namun sesiapa yang dapat mewujudkan ruang

lain untuk menggembirakan ibubapa mereka tanpa terhad kepada *Mother's Day* dan *Father's Day*, sudah tentu ia adalah lebih baik. Penjelasan yang sama juga ditujukan kepada beberapa hari-hari yang lain seperti sambutan Hari Jadi.

Kelima: Wajib Meminta Izin Ibubapa Sekalipun Dalam Urusan Agama.

Abu Sa'id al-Khudri *radhiyallahu anhu* berkata:

!f!!!! !!!!!!! !y! !!! !! !!!!!!! !!! !! ! !!!!! !!!! !!! !!!! !!!!
!!! !!! !!!!! !!! !!! !! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!!
!!!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!!

Sesungguhnya seorang lelaki dari Yaman telah berhijrah kepada Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam (untuk berjihad) lalu baginda bertanya: "Adakah kamu mempunyai seseorang di Yaman?" Dia menjawab: "Ibubapa aku." Rasulullah bertanya: "Adakah mereka memberi izin kepada engkau?" Dia menjawab: "Tidak."

Rasulullah bersabda: "Kembalilah kepada mereka berdua dan mintalah izin dari mereka berdua. Jika

mereka mengizinkan engkau maka berjihadlah akan tetapi (jika tidak) maka berbuat baiklah kepada mereka berdua.”²¹

Berkata al-Syaukani *rahimahullah* berkenaan hadis di atas:

Dalam hadis (di atas) terdapat petunjuk bahwa berbuat baik kepada ibubapa adalah lebih utama daripada berjihad. Manakala sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* **Jika mereka mengizinkan engkau maka berjihadlah** di dalamnya terkandung dalil bahawa wajib (hukumnya) meminta izin ibubapa di dalam urusan berjihad dan yang sedemikian adalah pendapat jumhur ulama'. Dan mereka memutuskan dengan keharaman berjihad jika kedua-duanya atau salah seorang daripada mereka menegah (anak mereka) daripada berjihad kerana sesungguhnya berbuat baik kepada ibubapa adalah fardhu 'ain manakala jihad adalah fardhu kifayah. Akan tetapi apabila hukum jihad jatuh fardhu 'ain maka tidak perlu meminta izin (daripada mereka berdua).²²

²¹ **Hasan Sahih:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dan ia dinilai hasan sahib oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud* – no: 2530 (*Kitab Jihad, Bab Berkenaan seorang lelaki yang berperang tetapi disukai oleh ibubapanya*).

²² *Nail al-Authar*, jld. 4, ms. 687. Untuk membezakan hukum jihad antara *Fardhu Kifayah* dan *Fardhu 'Ain*, sila rujuk buku saya: *Apakah Jihad Di Jalan Allah? (Buku 2)* terbitan Jahabersa, Johor Bahru, 2004.

Perhatikan hadis di atas. Sekalipun keluar berjihad di jalan Allah adalah satu amalan yang amat penting kepada agama dan umat, lagi besar ganjaran kepada yang melakukannya, ia tetap tidak mengungguli amalan berbuat baik kepada ibubapa. Ini menunjukkan bahawa kita tetap perlu mendapatkan keizinan ibubapa sekalipun terhadap sesuatu aktiviti yang memiliki tujuan keagamaan. Secara lebih terperinci, hadis di atas memiliki beberapa petunjuk hukum, iaitu:

Petunjuk Pertama:

Kita tidak memiliki pilihan sewenang-wenangnya untuk keluar rumah melainkan perlu terlebih dahulu mendapat izin dan redha ibubapa. Keluar daripada rumah boleh dibahagikan kepada beberapa suasana:

Suasana Pertama:

Kita keluar untuk tujuan yang menyelisihi syari'at, seperti pergi ke kelab hiburan malam. Tidak perlu meminta izin ibubapa dalam perkara yang sememangnya tidak diizinkan oleh syari'at. Malah seandainya ibubapa menggalakkannya, kita tidak perlu menuruti galakan tersebut tetapi justeru menasihati dan membetulkan mereka.

Suasana Kedua:

Kita keluar untuk tujuan yang harus, seperti berjalan-jalan di taman atau ke pusat membeli belah. Perlu meminta izin ibubapa dan mencari keredhaan mereka. Seandainya mereka tidak mengizinkan, maka kita tidak boleh keluar dari rumah.

Suasana Ketiga:

Kita keluar untuk tujuan yang selari dan dituntut oleh syari'at, seperti pergi solat berjamaah, berdakwah dan menuntut ilmu. Kita tetap perlu meminta izin ibubapa dan mencari keredhaan mereka. Seandainya mereka tidak mengizinkan, duduklah berbincang dengan secara lemah lembut dan hikmah untuk mencari jalan penyelesaian yang dipertengahan. Mungkin mereka melarang kerana berlaku salah faham atau mereka sendiri menghajatkan sesuatu daripada kita pada saat itu.

Suasana Keempat:

Kita terpaksa keluar disebabkan berlakunya sesuatu yang genting, seperti keluar berjihad apabila musuh tiba-tiba menyerang atau keluar membantu mangsa apabila berlaku kemalangan jalan raya di hadapan rumah. Dalam suasana genting seperti ini, kita hendaklah bersikap bijak dalam menimbang antara dua tuntutan agama, manakah lebih yang lebih patut diberi keutamaan (*Fiqh al-*

Awlawiyat: فقه الأولويات). Maka dibolehkan keluar tanpa izin dan redha ibubapa dalam suasana yang genting lagi terpencil ini.

Perkara lain yang perlu diperhatikan adalah, sekalipun diizinkan untuk keluar rumah, kita hendaklah memerhatikan sama ada ibubapa memiliki hajat tertentu dalam tempoh pemergian itu. Ini kerana ibubapa, disebabkan oleh sifat kasih sayang yang amat mendalam, lazimnya akan mengizinkan kita sekalipun mereka pada tempoh tersebut menghajatkan sesuatu daripada kita. Justeru jika jelas kelihatan bahawa ibubapa memiliki hajat tertentu, janganlah keluar melainkan dilaksanakan terlebih dahulu apa yang dihajati oleh mereka.

Petunjuk Kedua:

Seandainya kita adalah seorang anak yang ingin memeluk Islam, perlukah meminta izin daripada ibubapa yang bukan Islam? Jawapannya dapat diperincikan kepada tiga tahap seperti berikut:

Tahap Pertama:

Hukum asal adalah tidak perlu, iaitu boleh memeluk Islam tanpa keizinan ibubapa. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

Dan jika mereka berdua mendesakmu supaya

engkau mempersekuat dengan-Ku sesuatu yang engkau - dengan fikiran sihatmu - tidak mengetahui sungguh adanya, maka janganlah engkau taat kepada mereka; dan bergaullah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik. Dan turutlah jalan orang-orang yang rujuk kembali kepada-Ku (dengan tauhid dan amal-amal yang shalih). Kemudian kepada Aku-lah tempat kembali kamu semuanya, maka Aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan.

[Luqman 31:15]

Firman Allah yang bermaksud: "**Dan turutlah jalan orang-orang yang rujuk kembali kepada-Ku**"

Sebenarnya kaum bukan Islam amat terbuka lagi tertarik untuk mendengar apa-apa penjelasan tentang Islam. Lebih-lebih lagi pada masa kini dimana banyak peristiwa yang negatif dikaitkan dengan Islam oleh pihak media. Mereka ingin mengetahui apakah versi yang sebenar daripada peristiwa tersebut. Lanjutan daripada keinginan tersebut, mereka juga ingin tahu tentang apakah Islam secara keseluruhannya.

menunjukkan boleh meneruskan hajat untuk memeluk Islam dan bersama orang-orang Islam yang lainnya.

Walaubagaimanapun adalah lebih molek jika diberitahu kepada ibubapa akan hajat kita untuk memeluk Islam. Seorang rakan karib saya, Muhammad Rafiq @ Saw Eng Sian, menerangkan kepada saya bahawa sebenarnya kaum bukan Islam amat terbuka lagi tertarik

untuk mendengar apa-apa penjelasan tentang Islam. Lebih-lebih lagi pada masa kini dimana banyak peristiwa yang negatif dikaitkan dengan Islam oleh pihak media. Mereka ingin mengetahui apakah versi yang sebenar daripada peristiwa tersebut. Lanjutan daripada keinginan tersebut, mereka juga ingin tahu tentang apakah Islam secara keseluruhannya.

Justeru janganlah merasa segan atau berat untuk memberitahu kepada ibubapa akan hajat untuk memeluk Islam. Insya-Allah, jika diberitahu secara hikmah dan bertahap-tahap, mereka akan memahami hajat tersebut dan menyetujuinya. Dengan kefahaman dan persetujuan mereka, proses memeluk Islam akan menjadi lebih mudah. Di samping itu kita juga boleh meneruskan hubungan yang baik bersama mereka dan dapat **"...bergaul dengan mereka di dunia dengan cara yang baik."** Malah mungkin ia juga dapat membuka ruang untuk menjemput mereka untuk turut memeluk Islam.

Tahap Kedua:

Jika ibubapa yang bukan Islam melarang kita daripada memeluk Islam, maka tidak perlu mentaati larangan tersebut sebagaimana firman Allah dalam ayat 15 surah Luqman di atas, yang bermaksud: **"...maka janganlah engkau taat kepada mereka."** Sa'ad bin Abi Waqqas

radhiyallahu 'anh menerangkan:

Umm Sa'ad bersumpah tidak akan berkata-kata selama-lamanya sehingga (Sa'ad bin Abi Waqqas) kafir (keluar) daripada agamanya (Islam). (Dia juga bersumpah) tidak akan makan dan tidak akan minum. Dia berkata: "Kamu (Sa'ad) berkata bahwasanya Allah berwasiat kepada kamu untuk berbuat baik kepada orang tua kamu padahal aku adalah ibu kamu, dan aku menyuruh kamu untuk melakukan ini (keluar daripada Islam)."

Sa'ad meneruskan, "Ibuku meneruskan nekadnya itu selama tiga hari sehingga pengsan kerana kesungguhannya itu. Lalu datang anaknya (yang dikatakan bernama 'Imarah) berdiri mendekatinya dan memberinya minum. Kemudian dia memanggil Sa'ad. Maka Allah 'Azza wa Jalla menurunkan dalam al-Qur'an ayat berikut:

Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibubapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua ibubapamu; dan (ingatlah), kepada Aku-lah

jua tempat kembali (untuk menerima balasan).

Dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekuatkan dengan-Ku sesuatu yang engkau - dengan fikiran sihatmu - tidak mengetahui sungguh adanya maka janganlah engkau taat kepada mereka; dan bergaulah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik."

[Luqman 31:14-15]²³

Walaubagaimanapun seandainya kita dilarang oleh ibubapa untuk memeluk Islam, hendaklah kita cuba mencari jalan untuk berbincang dengan mereka secara bertahap-tahap, secara sopan dan hikmah. Lazimnya apabila ibubapa melarang, kemungkinan besar ia adalah kerana mereka terperanjat, salah faham tentang Islam dan menganggap masuk Islam bererti masuk Melayu. Maka jelaskanlah kepada mereka kenapa Islam menjadi pilihan kita, luruskan apa-apa salah faham mereka tentang Islam dan bersihkan anggapan mereka, bahawa memeluk Islam bukanlah bererti menjadi Melayu.²⁴

Tahap Ketiga:

²³ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya* – hadis no: 1748 (*Kitab Fadha'il al-Shahabah, Bab keutamaan Sa'ad bin Abi Waqqas*)

²⁴ Lebih lanjut berkenaan salah faham antara Islam sebagai agama dan Melayu sebagai bangsa, rujuk buku Osman Chuah Abdullah yang berjudul *Preaching To The Non-Muslim Chinese In Malaysia* (Intl. Islamic Univ. of Malaysia, K. Lumpur, 2002).

Dalam kes tertentu, hajat untuk memeluk Islam mungkin mengakibatkan suasana yang amat genting kepada kita dan/atau ibubapa. Kita mungkin akan dipulau oleh ibubapa, menyebabkan kita tidak memiliki tempat berteduh, pakaian, makanan dan minuman. Sekalipun terdapat beberapa institusi agama yang bertanggungjawab membantu "saudara baru", khabar yang lazim diterima ialah institusi-institusi itu tidak melaksanakan tanggungjawab tersebut sepenuhnya.

Selain itu ibubapa yang memulau mungkin akan menghadapi gangguan emosi dan kesihatan, lebih-lebih lagi jika kita adalah anak kesayangan mereka atau satunya anak mereka.

Apa yang dialami oleh Sa'ad bin Abi Waqqas dalam hadis *Shahih Muslim* di atas bukanlah dalil mutlak dalam persoalan ini. Sebabnya, suasana yang berbeza serta

individu yang berbeza akan melalui cubaan ini dengan cara yang berbeza. Ada yang lulus dan ada yang gagal. Islam sentiasa prihatin akan kemampuan berbeza-beza yang dimiliki oleh umatnya, maka dengan itu sentiasa memberi jalan keluar kepada mereka yang memerlukannya.

Jalan keluar yang dimaksudkan ialah meneruskan hajat untuk memeluk Islam tetapi menyembunyikannya daripada pengetahuan ibubapa. Ayat berikut menjadi rujukan:

Sesiapa yang kufur kepada Allah sesudah dia beriman (maka baginya kemurkaan dan azab dari Allah), kecuali orang yang dipaksa (melakukan kufur) sedang hatinya tenang tenteram dengan iman (maka baginya tidak ada kemurkaan dan azab dari Allah). [al-Nahl 16:106]

Suasana genting yang dihadapi oleh kita adalah seumpama suasana terpaksa yang dimaksudkan dalam ayat di atas. Maka tidak mengapa jika menyembunyikan iman asalkan hati kita tenang tenteram dengannya. Kemudian hendaklah secara bertahap-tahap mencari jalan untuk menzahirkannya. Cara yang terbaik ialah tetap berusaha untuk berbincang dengan ibubapa. Di samping itu mintalah nasihat daripada orang-orang yang sebelum ini pernah menghadapi dugaan yang seumpama.

Keenam: Kehinaan Anak Yang Tidak Berbuat Baik Kepada Ibubapa Yang Lanjut Umur.

Abu Hurairah *radhiyallahu 'anh* berkata, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah bersabda:

!!!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!!

"Sungguh hina, sungguh hina, sungguh hina!"

Baginda ditanya: "Siapakah wahai Rasulullah (yang hina itu)?" Baginda menjawab:

!!!! *Yif!* !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! *Yif!* !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!!

Orang yang mendapati orang tuanya dalam keadaan tua, sama ada salah seorang atau kedua-duanya, kemudian dia tidak memasuki syurga.²⁵

Apabila ibubapa kita mencapai umur lanjut, lazimnya cabaran untuk berbuat baik kepada mereka menjadi lebih tinggi. Ini kerana umur yang lanjut selalunya sinonim dengan sifat yang lebih cerewet, celoteh yang pelbagai, kedegilan yang menjadi-jadi dan kesihatan yang semakin berkurang. Maka jika kita dapat bersabar dengan cabaran-cabaran yang kian

²⁵ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya* – hadis no: 2551 (*Kitab al-Birr wa al-Sholah wa al-Adab, Bab sungguh hina seseorang yang mendapati orang tuanya.....*).

Seorang anak hendaklah memandang ibubapanya yang sudah tua sebagai penjaga pintu syurga. Jika dia bersabar dan terus beristiqamah berbuat *ihsan* kepada ibubapanya, maka mereka akan membuka pintu syurga kepadanya. Sebaliknya jika seorang anak hilang sabar dan tidak berbuat *ihsan* kepada ibubapanya, maka mereka akan menutup pintu syurga tersebut daripadanya.

bertambah ini, maka ia sebenarnya memudahkan lagi laluan ke syurga. Manakala jika kita tidak dapat bersabar, maka ia sebenarnya menyukarkan lagi laluan ke syurga.

Tidak berlebihan jika diumpamakan, berdasarkan hadis di atas, bahawa kita hendaklah memandang ibubapa yang sudah tua sebagai penjaga pintu syurga.

Jika kita bersabar dan terus beristiqamah berbuat baik kepada ibubapa, maka mereka akan membuka pintu syurga kepada kita. Sebaliknya jika kita hilang sabar dan tidak berbuat baik kepada ibubapa, maka mereka akan menutup pintu syurga tersebut daripada kita.

Ibubapa yang sudah lanjut usianya juga telah mendapat perhatian di dalam al-Qur'an. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibubapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan

peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Uff", dan janganlah engkau menengking (dan/atau) menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun). [al-Isra 17:23]

Berkata al-Qurtubi *rahimahullah* berkenaan ayat di atas:

Firman Allah: "*Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu*": Keadaan ketika umur lanjut diistimewakan kerana dalam keadaan demikian, ibubapa sangat memerlukan bakti anaknya. Ini disebabkan keadaan mereka telah berubah menjadi lemah dan tua renta. Oleh itu dalam keadaan sedemikian, Allah mewajibkan untuk memerhatikan ibubapa melebihi perintah sebelum masa tersebut. Dalam keadaan usia lanjut, ibubapa menjadi lemah sehingga memerlukan rawatan sebagaimana dahulunya ketika kanak-kanak, seorang anak juga memerlukan rawatan ibubapanya. Atas sebab inilah keadaan umur lanjut diistimewakan.

Selain itu, hidup bersama (antara anak dan ibubapanya) dalam jangka waktu yang lama adakalanya menyebabkan seorang anak merasa berat, bosan dan banyak mengeluh sehingga menampakkan kemarahan kepada ibubapanya (yang

sudah lanjut umur), menunjukkan urat lehernya yang menegang atau bahkan mencaci keduanya. Ini semua berlaku lantaran kedekatan hubungan seorang anak yang tidak diimbangi dengan nilai agama yang baik. Sikap buruk yang paling ringan ialah mengeluarkan nafas mengeluh.

Justeru (dalam suasana seperti ini) Allah memerintah (kepada anak) untuk bersikap kepada ibubapanya dengan tutur kata yang mengandungi kemuliaan, bersih daripada semua kecacatan. Firman Allah: "...*janganlah engkau berkata kepada mereka sekalipun perkataan "Uff"*", maksudnya, janganlah berbicara dengan ibubapa dengan ucapan yang mengandung isyarat kemarahan, sekalipun sedikit. Mujahid berkata: "Ertinya, apabila kamu (seorang anak) melihat ibubapanya di usia lanjut membuang air besar dan air kecil di sebarangan tempat sepetimana yang pernah terjadi kepada kamu apabila kamu masih kecil, maka janganlah mengeluh dan berkata "Uff" kepada mereka."

Dalam keadaan usia lanjut, ibubapa menjadi lemah sehingga memerlukan rawatan sebagaimana dahulunya ketika kanak-kanak, seorang anak juga memerlukan rawatan ibubapanya. Atas sebab inilah keadaan umur lanjut distimewakan.

Firman Allah: "*katakanlah kepada mereka perkataan*

yang mulia", yakni tutur kata yang halus dan sopan seperti "Wahai ayahku", "Wahai ibuku", tanpa menyebut namanya dan gelarannya. Ibn Baddah al-Tujaini berkata, aku bertanya kepada Sa'id ibn Musayyab: "Semua jenis berbuat baik kepada ibubapa yang disebut dalam al-Qur'an telah aku fahami, kecuali firman Allah: "*katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia*", apakah yang dimaksudkan dengan perkataan yang mulia?" Sa'id ibn Musayyab menjawab: "Seperti ucapan seorang budak yang melakukan kesalahan di hadapan tuannya yang berperangai kasar lagi keras."²⁶

Ketujuh: Tidak Boleh Membenci Dan Memutuskan Hubungan Dengan Ibubapa.

Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

!!!y! !!! !!!!!!! !!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!!

Janganlah kalian membenci ayah kalian. Sesiapa

²⁶ Nukilan berpisah daripada *Jami li Ahkam al-Qur'an*, (edisi Cdrom *The Holy Qur'an* v6.31; tafsir kepada ayat 23 surah al-Isra').

yang membenci ayahnya maka dia kufur.²⁷

Pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, antara tindakan seorang anak dalam rangka menunjukkan kebencian kepada ayahnya ialah memutuskan nasab dengan ayahnya yang asal, atau menghubungkan nasabnya kepada orang lain. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* mengingatkan tentang hal ini:

!!!!!! !!!!!!! !!!!!!!
!!!!!! !!!!!!! !!!!!!!

Sesiapa yang mengakui nasabnya kepada selain ayahnya padahal dia mengetahui bahawa itu bukan ayahnya, maka syurga diharamkan ke atasnya.²⁸

Pada masa kini, kebencian seorang anak kepada ayahnya dibuktikan melalui pelbagai cara, tanpa sekadar mengubah nasab. Ada yang menengking ayahnya, ada yang mlarikan diri dan ada yang mengisyihar memutuskan hubungan dengan ayahnya.

Pada masa kini, kebencian seorang anak kepada ayahnya dibuktikan melalui pelbagai cara, tanpa sekadar mengubah nasab. Ada yang menengking ayahnya, ada yang mlarikan diri dan ada yang mengisyihar memutuskan hubungan dengan ayahnya. Semua ini dilakukan atas sebab-sebab remeh, antara yang paling lazim ialah berbeza pilihan kekasih.

²⁷ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya* – hadis no: 6768 (*Kitab al-Fara'id, Bab orang yang mendakwa kepada selain ayahnya*). Terdapat perbincangan tentang apakah yang dimaksudkan dengan “kufur” dalam hadis ini. Apa pun, yang penting ia menunjuk kepada satu tindakan yang dilarang oleh agama, maka hendaklah dijauhi.

²⁸ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya* – hadis no: 6766 (*Kitab al-Fara'id, Bab orang yang mengakui nasab kepada selain ayahnya*).

yang mengisyihar memutuskan hubungan dengan ayahnya. Semua ini dilakukan atas sebab-sebab remeh, antara yang paling lazim ialah berbeza pilihan kekasih. Tindakan ini dan selainnya termasuk kebencian kepada ayah yang dilarang dalam Islam. Melarikan diri atau memutuskan hubungan dengan ayah memiliki akibat yang amat berat di dunia dan akhirat, sebagaimana amaran Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

!!!!!! !!!! !!! !!!! !y!!!! !! !!! !!!!!!! !!!! f!!!!!! !!! !!! !!!
!!! !!!!!!! !!! !!! !y!!!! !y!!!! !!! !!!!!!! !!!

Tidak ada dosa yang lebih layak untuk disegerakan oleh Allah Ta'ala ke atas pelakunya di dunia ini disamping apa yang disimpan bagi pelakunya di Hari Akhirat melainkan perbuatan memberontak (terhadap pemimpin) dan memutuskan silraturahim.²⁹

Tidak ada tindakan “**memutuskan silraturahim**” yang lebih berat hukumnya melainkan terhadap ibubapa sendiri.

Kelapan: Doa Ibubapa Pasti Dikabulkan.

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah menegaskan:

²⁹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud* – hadis no: 4902 (*Kitab al-Adab, Bab larangan daripada memberontak*).

!!!!!! ! ! y! y !!!!! ! ! ! ! ! ! ! ! ! ! ! ! ! ! ! ! ! ! !

Tiga jenis doa yang pasti akan dikabul, tanpa diragui lagi: doa orang yang dizalimi, doa orang yang sedang dalam perjalanan (musafir) dan doa orang tua ke atas anaknya.³⁰

Berdasarkan hadis di atas, maka beruntunglah kita jika

Beruntunglah seorang anak yang ibubapanya dalam keadaan redha kepadanya dan mendoakan kebaikan kepadanya. Pada waktu yang sama rugilah seorang anak yang ibubapanya dalam keadaan murka kepadanya sehingga mereka tidak berdoa apa-apa kepadanya, atau mendoakan sesuatu keburukan kepadanya.

ibubapa dalam keadaan redha dan mendoakan kebaikan kepada kita. Pada waktu yang sama rugilah kita jika ibubapa dalam keadaan murka sehingga mereka tidak berdoa apa-apa atau mendoakan sesuatu keburukan kepada kita.

Sebelum ini kita sama-sama telah membaca kisah seorang ahli ibadah yang bernama Juraij. Beliau asyik beribadah dalam biara yang didirikan khas sehingga tidak mengendahkan panggilan ibunya. Akhirnya ibu tersebut mendoakan Juraij: "Ya Allah! Janganlah

³⁰ **Hasan:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dan ia dinilai hasan oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi* – hadis no: 1905 (*Kitab al-Birr wa al-Sholat, Bab berkenaan doa kedua ibubapa*).

Engkau matikan Juraij melainkan setelah dia melihat wajah-wajah pelacur!" Akhirnya Juraij dan peribadatannya terganggu kerana dia difitnah oleh seorang pelacur. Demikian ringkasan sebuah hadis yang panjang, yang di dalamnya terkandung dua pengajaran:

1. Urusan ibubapa adalah lebih penting daripada urusan beribadah, lebih-lebih lagi jika ibadah yang sedang dilaksanakan hukumnya adalah sunat. Jika ia adalah ibadah wajib, maka hendaklah diperhatikan sama ada ia boleh ditangguh atau diringkaskan ibadah tersebut.
2. Berhati-hatilah dengan doa daripada ibubapa.

*Kesembilan: Anak Yang Berbuat Baik
Kepada Ibubapanya Memiliki Darjat Yang
Istimewa.*

Usair bin Jabir berkata: ***Biasanya 'Umar al-Khatthhab apabila datang pasukan (pejuang) bantuan daripada Yaman, dia akan bertanya kepada mereka sama ada di kalangan mereka ada seorang yang bernama Uwais bin 'Amar. Sehingga ke satu ketika beliau bertemu dengan Uwais bin 'Amar. Lalu beliau bertanya: "Andakah Uwais***

bin 'Amar?" Orang itu menjawab: "Ya." 'Umar bertanya lagi: "Daripada Murod, kemudian daripada Qarn?" "Ya" jawab orang tersebut. 'Umar bertanya lagi: "Apakah anda memiliki belang (di badan) lalu kamu sembuh kecuali satu bahagian sebesar duit sedirham?" Orang itu menjawab: "Ya." 'Umar bertanya lagi: "Adakah anda memiliki ibu?" Orang itu menjawab: "Ya.". Lantas 'Umar berkata, aku mendengar Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

!!!!!! !!!!!!! !!!! ! !!!!!!!! !!! !!!! !!! ! !!!!
!!!!!! !!!! ! !!!!!!! !!!! !!! !!!!! !!! !!! !!! !!
!!!y!y!!! !!!!!!! !f!!! !! !! !f!!!!!! È

"Akan datang kepada kalian Uwais bin 'Amar bersama pasukan bantuan daripada Yaman. (Dia) daripada Murod, kemudian daripada Qarn. Dia dahulunya memiliki penyakit belang lalu telah sembuh daripadanya kecuali satu bahagian sebesar satu dirham. Dia memiliki seorang ibu yang dia selalu berbakti kepadanya. Seandainya dia bersumpah dengan nama Allah, nescaya Allah akan mengabulkan sumpahnya itu. Jika kamu mampu memintanya memohon ampun untuk

Hendaklah diketahui bahwa berbuat baik kepada ibubapa adalah sesuatu yang mampu mengangkat darjah seorang anak ke maqam yang tinggi di sisi Allah dan manusia yang lain.

kamu, maka lakukanlah.”

Berkata 'Umar: "Mintakanlah ampun untuk aku."
Maka Uwais meminta ampun untuk 'Umar.³¹

Demikianlah besarnya darjat seorang anak yang berbuat baik kepada ibunya sehingga jika dia bersumpah, nescaya sumpahnya dibenarkan oleh Allah. Jika dia meminta ampun kepada Allah untuk seseorang, nescaya Allah akan mengampunkan orang tersebut. Sebegitu besar darjatnya sehingga seorang sahabat yang mulia kedudukannya, yakni *Amirul Mukminin* 'Umar bin al-Khatthab *radhiyallahu 'anh*, tidak melepaskan peluang untuk mencarinya dan memintanya untuk mendoakan keampunan untuk dirinya.

Hadis ini tidak terhad kepada Uwais bin 'Amar, tetapi merangkumi sesiapa sahaja yang sentiasa beristiqamah berbuat baik kepada ibubapanya. Maka janganlah kita menganggap berbuat baik kepada ibubapa sebagai satu amalan yang lekeh atau rendah martabatnya. Sebaliknya hendaklah diketahui bahawa ia adalah sesuatu yang mampu mengangkat darjat kita ke *maqam* yang tinggi di sisi Allah dan manusia yang lain.

³¹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya* – hadis no: 2542 (*Kitab Fadha'il al-Shahabah, Bab keutamaan Uwais al-Qarni*).

Kesepuluh: Dikabulkan Doa Anak Yang Berbuat Baik Kepada Ibubapa.

Ibn 'Umar *radhiyallahu anhuma* berkata, Rasulullah *shallallahu alaihi wasallam* bersabda: **Ketika tiga orang sekawan sedang berjalan, mereka ditimpa hujan lalu mengambil perlindungan dalam sebuah gua di sebuah gunung. Kemudian sebuah batu besar dari gunung tersebut jatuh di mulut gua dan mengurung mereka di dalamnya. Maka berkata sebahagian mereka kepada sebahagian yang lain:**

!!! !y!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!!

"*Berfikirlah tentang amal shalih yang pernah kalian lakukan semata-mata kerana Allah, kemudian berdoalah kepada Allah dengan bertawasul melalui amal tersebut, semoga Allah memberi jalan keluar dengannya.*"

Maka berkata salah seorang daripada mereka:

!!!!!! !!!!!!! !!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!!
!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!!!! !!!!!!!
!! !!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!!!! !!!!!!!
!y!!!!y!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !y!!!!y!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !y!!!! !!!!! !y!!!! !

!!!y!!! y!! !!!y!!!!!!!!!!!!! !!! !!! !!!!!!!!!! !!!!!!
!!! !!!!!! !y!!! !!!y!!!! !!! y!!! !!!!!! !!y!!!!!!y!!! !!
!!!y! !!!!!! !!

"Ya Allah! Sesunguhnya aku mempunyai ibubapa yang sudah sangat lanjut usia, seorang isteri dan anak-anak kecil yang masih aku pelihara. Saat aku pulang ke rumah pada waktu petang sambil membawa ternakanku kepada mereka, aku memerah susu. Aku biasanya memberi minum ibubapaku sebelum anak-anakku. Suatu hari, tempat aku mengembala amat jauh sehingga aku hanya sempat pulang ketika hari sudah amat lewat petang. Aku dapati ibubapaku sudah tidur. Aku memerah susu seperti biasa, membawa bekas berisi susu dan berdiri di samping ibubapaku. Aku tidak suka membangunkan kedua-duanya dan aku pula tidak suka memberi minum anak-anakku sebelum kedua-duanya, sekalipun anak-anakku menangis di kakiku kerana kelaparan. Keadaanku dan anak-anakku berterusan sehingga fajar menyinsing.

Jika Engkau mengetahui bahawa aku melakukan hal itu semata-mata kerana mencari Wajah-Mu, maka berilah kami satu bukaan untuk melihat langit (dari dalam gua tersebut)."

Maka Allah memberikan bukaan pada batu tersebut sehingga mereka dapat melihat langit.³²

³² **Sahih:** Sebahagian daripada hadis dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam Shahihnya – hadis no: 5974 (*Kitab al-Adab, Bab termakbulnya doa* disebabkan

Demikianlah besarnya nilai amalan berbuat baik kepada ibubapa sehingga ia menjadi satu amalan yang dapat membantu seorang anak ketika dia ditimpa musibah. Selain itu terdapat dua pengajaran tambahan dalam hadis di atas:

Pengajaran Pertama:

Hendaklah kita memberi prioriti kepada ibubapa di atas anak isteri sendiri. Secara lebih luas, kita hendaklah mencerahkan perhatian, kasih sayang dan pemberian yang lebih kepada ibubapa daripada anak isterinya sendiri. Kita hendaklah sedia berkorban untuk ibubapa melebihi pengorbanan terhadap anak isterinya sendiri.

Pengajaran Kedua:

Prioriti tidak sahaja dari sudut berbanding anak isteri sendiri tetapi dari sudut segala tingkah lakunya. Sebagai contoh, Abu Hurairah *radhiallahu 'anh* pernah melihat dua orang, lalu dia bertanya: "Apakah hubungan dia dengan kamu?" Orang itu menjawab: "(Dia adalah) ayahku." Lalu Abu Hurairah berpesan: "Janganlah engkau memanggil dia dengan namanya, janganlah berjalan di hadapannya dan janganlah duduk sebelumnya."³³

berbuat baik kepada ibubapa). Berdoa dengan amal shalih sepetimana dalam hadis di atas disebut sebagai bertawassul. Bertawassul terbahagi kepada dua, yang dibolehkan dan yang dilarang. Lebih lanjut tentang bertawassul, rujuk buku saya *Beberapa Perkara Yang Mencemari Kemurnian Tauhid* terbitan Jahabersa, Johor Bahru, 2006.

³³ **Sanad Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dan sanadnya dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih al-Adab al-Mufrad* – hadis no: 32.

Kesebelas: Ibubapa Memiliki Hak Terhadap Sebahagian Harta Anak.

Pernah seorang anak datang mengadu kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

!!!! !!!! !!!!! !!! !f!!!! !!! !!!! !!! !!! !!!! !!! !!!! !!! !!!! !!! !!!! !!! !!!! !!!
!! !白! !!! !!

"Wahai Rasulullah, saya memiliki harta dan anak akan tetapi ayahku ingin menghabiskan harta aku."
*Rasulullah menjawab: "Kamu dan harta kamu adalah milik ayah kamu."*³⁴

Dalam sebuah hadis yang lain, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

!!!! !!!! !!!! !!! !j! !!! !!!! !!!!! !!!! !!!!f!!! 白! !!!

*Tidak dihalalkan bagi seseorang memberikan satu pemberian kemudian memintanya balik kecuali seorang ayah terhadap apa yang diberikannya kepada anaknya.*³⁵

³⁴ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Ibn Majah dan ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Ibn Majah* – hadis no: 2291 (*Kitab al-Tijarah, Bab apa bagian ayah daripada harta anaknya*)

³⁵ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dan ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi* – hadis no: 1299 (*Kitab al-Buyu', Bab berkenaan mengambil balik apa yang telah diberikan*)

Kedua-dua hadis di atas dapat dikupas dari dua sudut:

Sudut Pertama :

Ia adalah dari sudut keutamaan dimana ia menunjukkan betapa besar hak ibubapa ke atas kita sehingga harta kita dan apa yang pernah mereka berikan kepada kita boleh menjadi milik mereka. Sekalipun kedua-dua hadis di atas hanya merujuk kepada seorang ayah, akan tetapi seorang ibu termasuk sama. Ini kerana hak seorang ibu terhadap anaknya adalah lebih besar sebagaimana yang dijelaskan dalam beberapa hadis sebelum ini.

Sudut Kedua :

Ia adalah dari sudut hukum fiqh, maka hukum yang terkandung dalam kedua-dua hadis bukanlah secara mutlak tetapi dibatasi dengan kaedah bahawa ketaatan hanya dalam perkara yang ma'ruf, bukan maksiat. Sebelum ini telah dikemukakan dua buah hadis:

!!!!!! !! !!! !!!! ! !! !!! !!!! ! !!!!! !!!!! ! !
!!!!!! !! !!! !!!! ! !! !!! !!!! ! !!!!! !!!!! ! !

Menjadi kewajipan seorang muslim untuk mendengar dan taat, perkara yang disukai mahupun yang dibenci selagi mana ia tidak melibatkan maksiat. Maka jika disuruh untuk melakukan maksiat maka tidak perlu

*mendengar dan tidak perlu mentaatinya.*³⁶

!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!!
!! !!!!

*Tidak beriman seseorang kamu sehingga aku
lebih dicintainya berbanding ibubapanya, anaknya dan
manusia seluruhnya.*³⁷

Di samping itu terhadap sebuah hadis lain daripada 'Ali bin Abi Thalib *radhiallahu 'anh* dimana beliau menerangkan:

!!!! !È!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!!
!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !y!!!!!!
!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !y!!!!!!
!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !y!!!!!!
!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!!
!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !y!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!!
!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!!
!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!!
!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!!

Nabi shallallahu 'alaihi wasallam menghantar satu

³⁶ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya* – hadis no: 7144 (*Kitab al-Ahkam, Bab mendengar dan taat kepada pemerintah selagi mana ia bukan merupakan maksiat*).

³⁷ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya* – hadis no: 15 (*Kitab al-Iman, Bab mencintai Rasulullah adalah sebahagian daripada iman*)

ekspedisi pejuang dan melantik seorang lelaki dari kalangan Ansar sebagai pemimpinnya. Baginda memerintahkan mereka (para pejuang) untuk mentaati pemimpin tersebut. Dalam ekspedisi itu, pemimpin tersebut menjadi marah kepada mereka (para pejuangnya) dan berkata: "Tidakkah Nabi shallallahu 'alaihi wasallam memerintahkan kalian mentaati aku?" Mereka menjawab: "Ya." Dengan itu dia berkata: "Aku memerintahkan kalian memungut kayu api, nyalakan api dan lompat ke dalamnya!"

Maka mereka memungut kayu api dan menyalaikan api. Akan tetapi tatkala mereka ingin melompat ke dalam, mereka melihat kepada satu sama lain dan sebahagian daripada mereka berkata: "Sesungguhnya kita mengikuti Nabi shallallahu 'alaihi wasallam (agama Islam) tidak lain untuk menyelamatkan diri daripada api, apakah patut kita memasukinya sekarang?"

Sementara itu api padam dan kemarahan pemimpin mereka juga menjadi reda. Maka setelah itu mereka menceritakan apa yang berlaku kepada Nabi shallallahu 'alaihi wasallam. Baginda menjawab: "Seandainya kalian melompat ke dalamnya pasti kalian tidak akan keluar selama-lamanya. Sesungguhnya ketaatan tidak lain hanya dalam perkara ma'ruf

(kebaikan yang selari dengan syari'at Islam).³⁸

Oleh itu apabila dikatakan: "**Kamu dan harta kamu adalah milik ayah kamu**", maka ia bukanlah keseluruhan harta sehingga meninggalkan kita dalam keadaan muflis dan merana. Akan tetapi yang dimaksudkan adalah, ibubapa memiliki kedudukan yang amat besar terhadap kita sehingga mereka berhak kepada sebahagian daripada harta kita. Betapa tidak, bukankah ibubapa juga, ketika kita masih kecil, telah mengorbankan sebahagian besar harta mereka untuk membesar dan mendidik kita? Justeru berdasarkan hadis ini, kita tidak boleh bersikap kedekut terhadap ibubapa. Hendaklah secara rela kita berkongsi sebahagian harta bersama ibubapa dan memberikan lebih dari itu jika mereka berhajat kepadanya.

Perkara ini turut disentuh oleh Allah *Subhanahu wa Ta'alaa* dengan firman-Nya:

Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad): "Apakah yang akan mereka belanjakan (dan kepada siapakah)?" Katakanlah: "**Apa juu harta benda (yang halal) yang kamu belanjakan maka berikanlah kepada kedua ibubapa...**" [al-Baqarah 2:215]

Dalam sebuah hadisnya, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah bersabda:

³⁸ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya* – hadis no: 7145 (*Kitab al-Ahkam, Bab mendengar dan taat kepada pemerintah selagi mana ia bukan merupakan maksiat*).

!!!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!!

Seorang anak belum membalias budi ayahnya sehingga dia mendapati ayahnya seorang budak hamba, lalu dia membelinya dan memerdekaannya.³⁹

Memberi harta atau wang ringgit kepada ibubapa hanyalah merupakan sebahagian daripada tuntutan berbuat baik kepada ibubapa. Ia tidak mewakili keseluruhan daripada tuntutan tersebut.

Demikian juga berkenaan hak ibubapa untuk mengambil semula pemberian mereka kepada kita. Pengambilan semula adalah dengan syarat ia tidak menjadikan kita dalam keadaan yang sukar. Sebagai contoh, jika ibubapa telah memberi duit pendahuluan kepada kita untuk membeli kereta, mereka hanya boleh meminta balik duit tersebut jika kita

belum membeli kereta. Jika kita sudah membeli kereta, ibubapa tidak boleh meminta balik kerana ini akan membebankan kita.

Sebelum beralih ke hadis seterusnya, ingin ditekankan bahawa memberi harta atau wang ringgit kepada ibubapa hanyalah merupakan sebahagian daripada tuntutan berbuat baik kepada ibubapa. Ia tidak mewakili keseluruhan daripada tuntutan tersebut. Mungkin ada sebahagian daripada kita yang merasa cukup untuk berbuat baik kepada ibubapa sekadar

³⁹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Ibn Majah dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Ibn Majah* – hadis no: 3659 (*Kitab al-Adab, Bab berbuat baik kepada ibubapa*).

mengirim elaun bulanan RM200 ke kampung. Selain itu tidak diendahkan langsung hal ehwal ibubapa. Malah jika diketahui ibubapanya amat menghajati anak-anaknya, hajat tersebut ditutupi dengan cara menambah elaun bulanan.

Ketahuilah bahawa bagi kebanyakan ibubapa, perhatian daripada kita sebagai anak-anak lebih mereka hargai daripada wang ringgit. Sering menalifon, menghantar surat dan balik ke kampung lebih dihargai dan direhsti oleh ibubapa daripada "RM" sekian-sekian yang dihantar setiap bulan.

Keduabelas: Ibubapa Memiliki Hak Dalam Pemilihan Pasangan Hidup Anak.

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

!! !! !!! !!! !! !!!

Tidak ada nikah kecuali dengan wali.⁴⁰

Apa yang baginda maksudkan dengan hadis di atas ialah, pernikahan adalah tidak sah tanpa izin wali. Hadis berikut memperincikan maksud hadis di atas:

⁴⁰ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dan ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud* – hadis no: 2085 (*Kitab al-Nikah, Bab berkenaan wali*).

!!!! !!! ! !!! !!!!! !!!!!!!! !!! y!!!!!! ! !!!!!!!!

Mana-mana wanita yang bernikah tanpa izin walinya maka pernikahan tersebut adalah batal (baginda mengulanginya tiga kali).⁴¹

Jika dua hadis di atas merujuk kepada anak perempuan, maka dua hadis berikut merujuk kepada anak lelaki pula. 'Abd Allah ibn 'Umar *radhiallahu 'anhuma* berkata:

!!!y!!! !!! !!!!!!!y!!!!!! !!!!! !!! ! !!!!!!! ! !!!! !!!
!!! !!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!
!!!!y!!! !!! ! !!!!!!! !!!

Aku pernah memiliki seorang isteri yang sangat aku cintai akan tetapi 'Umar (bin al-Khatthab, yakni ayahnya) tidak menyukainya dan menyuruh aku menceraikannya. Namun aku enggan. Maka 'Umar membawa hal ini kepada Nabi shallallahu 'alaihi wasallam dan menceritakan apa yang berlaku. Nabi shallallahu 'alaihi wasallam menjawab (kepada 'Abd Allah ibn 'Umar): "Ceraikanlah dia."⁴²

⁴¹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dan ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud* – hadis no: 2083 (*Kitab al-Nikah, Bab berkenaan wali*).

⁴² **Sahih:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dan ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud* – hadis no: 5138 (*Kitab al-Adab, Bab berkenaan berbuat baik kepada ibubapa*).

Dalam sebuah kes yang lain, Abu Darda' *radhiyallahu 'anh* berkata:

!!! !!!!! !!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!!
!! !!! !!!! !!! !!!!
!!! !!!!

Bahawa seorang lelaki datang bertanya:
"Sesungguhnya aku memiliki seorang isteri akan tetapi ibu aku menyuruhku menceraikannya." Abu Darda menjawab: **"Aku mendengar Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda, ibubapa adalah pintu syurga yang paling tengah. Terserah kepada kamu (seorang anak) sama ada untuk mensia-siakan pintu itu atau memeliharanya."**⁴³

Hadis-hadis di atas juga perlu dikupas dari dua sudut.

Sudut Pertama:

Ia adalah dari sudut keutamaan, dimana ia membuktikan betapa besar kedudukan dan peranan ibubapa terhadap kita sebagai anak

Ibubapa tidak boleh memaksa anak mereka berkahwin dengan pasangan yang tidak disukainya. Akan tetapi pada waktu yang sama, anak juga tidak boleh memaksa ibubapanya menerima menantu yang tidak disukai mereka.

⁴³ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dan ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi* – hadis no: 1900 (*Kitab al-Birr wa al-Sholat, Bab berkenaan keutamaan mendapat redha ibubapa*).

sehingga ia juga menyentuh persoalan pasangan hidup. Memang, ibubapa tidak boleh memaksa kita berkahwin dengan pasangan yang tidak kita sukai. Akan tetapi pada waktu yang sama, kita juga tidak boleh memaksa ibubapa menerima menantu yang tidak disukai mereka. Ringkas kata, anak dan ibubapa tidak boleh saling memaksa dalam persoalan ini. Sebaliknya perlu sama-sama suka dan redha.

Timbul persoalan, bukankah yang berkahwin ialah anak? Maka kenapa pula perlu mendapatkan izin dan redha ibubapa? Persoalan ini dapat dijawab seperti berikut:

1. Ibubapa adalah orang dewasa yang telah merasai asam garam kehidupan berumahtangga. Mereka memiliki pengetahuan yang luas, sama ada melalui pengalaman sendiri atau rakan-rakan, tentang apa yang dapat menjamin kebahagiaan rumahtangga dan apa yang tidak. Berbeza dengan kita sebagai anak-anak, yang dikenali hanyalah cinta. Lazimnya keputusan untuk berkahwin tidak didirikan atas apa-apa penilaian yang matang kecuali cinta semata-mata. Maka izin dan redha ibubapa adalah penting kerana ia dapat membantu dan membimbing kita membina rumahtangga yang berjaya.
2. Perkahwinan bukan sesuatu yang melibatkan pasangan suami isteri sahaja, tetapi ia juga melibatkan keluarga daripada kedua-dua pihak. Justeru izin dan redha ibubapa memainkan peranan yang penting dalam menjamin kebahagiaan dan kesinambungan hidup

berumahtangga.

3. Mendapatkan izin dan redha ibubapa termasuk dalam keumuman sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

!!!!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!!

Keredhaar Allah terletak pada keredhaar ibubapa manakala kemurkaan Allah terletak pada kemurkaan ibubapa.⁴⁴ Maka jika kita ingin membina rumahtangga yang diredhai oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, binalah ia dengan cara memperoleh keredhaar ibubapa terlebih dahulu.

Sudut Kedua:

Ia adalah dari sudut hukum fiqh, maka hadis-hadis di atas perlu dibaca bersama hadis-hadis yang melarang ketaatan dalam perkara maksiat. Ini kerana: "**Sesungguhnya ketaatan tidak lain hanya dalam perkara ma'ruf (kebaikan yang selari dengan syari'at Islam).**"⁴⁵ Oleh itu pemahaman dan pelaksanaan hadis-hadis di atas boleh dibahagikan kepada tiga

⁴⁴ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dalam *Sunnanya* – hadis no: 1899 (*Kitab al-Birr wa al-Shalah, Bab berkenaan keutamaan pada keredhaar ibubapa*) dan ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Silsilah al-Ahadits al-Shahihah* – hadis no: 515.

⁴⁵ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya* – hadis no: 7145 (*Kitab al-Ahkam, Bab mendengar dan taat kepada pemerintah selagi mana ia bukan merupakan maksiat*).

suasana:

Suasana Pertama:

Apabila ibubapa enggan menerima calon pilihan kita berdasarkan alasan yang dibenarkan syari'at. Contohnya ialah calon yang bukan beragama Islam dan dia memang tidak bercadang untuk memeluk Islam. Maka dalam kes ini ibubapa layak menegah kita daripada berkahwin dengan calon tersebut dan kita wajib mematuhiinya.

Suasana Kedua:

Apabila ibubapa enggan menerima calon pilihan kita disebabkan alasan yang menyelisihi syari'at. Contohnya apabila ibubapa enggan menerima calon isteri pilihan kita semata-mata kerana dia berpakaian menutup aurat, atau enggan menerima calon lelaki pilihan kita semata-mata kerana dia sering pergi solat berjamaah. Maka dalam kes ini ibubapa tidak sepatutnya menegah kita daripada calon tersebut. Akan tetapi ini tidaklah bererti kita boleh "kahwin lari". Sebaliknya hendaklah kita berbincang dengan sopan dan hikmah bersama ibubapa agar mereka akhirnya bersetuju dengan calon pilihan kita.

Suasana Ketiga:

Kita dan ibubapa saling berselisih dengan masing-masing

memiliki alasan yang harus di sisi syari'at. Dua contoh yang lazim berlaku adalah:

1. Kita ingin berkahwin tetapi masih menuntut. Ibubapa tidak membenarkannya sehingga lah ditamatkan pengajian terlebih dahulu.
2. Calon lelaki pilihan kita tidak memiliki pekerjaan yang mampu menyara hidup.

Bagi kedua-dua contoh di atas atau apa-apa yang seumpama, hendaklah kita berbincang dengan ibubapa untuk mencari jalan penyelesaian yang dipertengahan. Jika perbincangan tidak membawa hasil yang diingini, hendaklah kita mengalah kepada ibubapa. Ketahui bahawa apa yang ada di sisi Allah *Subhanahu wa Ta'ala* adalah jauh lebih baik daripada kekasih yang ada di hati.

Masih merujuk kepada hadis-hadis di atas, terdapat dua perkara penting yang ingin saya ingatkan:

Peringatan Pertama:

Banyak berlaku kes "kahwin lari" dengan menggunakan "wali tersendiri". Perlu diingatkan bahawa "wali" yang dimaksudkan dalam dua hadis pertama di atas adalah ayah kepada pasangan perempuan. Seorang anak

Banyak berlaku kes "kahwin lari" dengan menggunakan "wali tersendiri". Perlu diingatkan bahawa "wali" yang dimaksudkan dalam dua hadis pertama di atas adalah ayah kepada pasangan perempuan. Seorang anak perempuan tidak boleh memilih wali yang lain kecuali jika dia memiliki alasan yang dibenarkan syari'at.

perempuan tidak boleh memilih wali yang lain kecuali jika dia memiliki alasan yang dibenarkan syari'at, seperti ayah yang sudah tiada, jelas-jelas *fasiq*⁴⁶ atau tidak siuman. Pun begitu, hak wali beralih kepada yang terdekat iaitu datuknya. Jika tidak ada yang layak mengganti, maka ia diwakilkan kepada seorang hakim yang adil lagi amanah.

Pernikahan tanpa keizinan wali, yakni seorang ayah kepada pasangan perempuan, adalah tidak sah dan batal kepada kedua-dua pasangan, lelaki dan perempuan. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menegaskan, maksudnya: "**Mananya wanita yang bernikah tanpa izin walinya maka pernikahan tersebut adalah batal (baginda mengulanginya tiga kali).**"⁴⁷ Selain itu diingatkan bahawa

⁴⁶ Maksudnya benar-benar menenggelamkan dirinya dalam perbuatan yang dilarang seperti selalu mabuk, selalu berjudi dan mengamuk apabila marah, suka memukul ahli keluarga dan sebagainya. Jika ayahnya berbuat salah sekadar menghisap rokok, solat berjamaah sekali-sekala, memakai seluar pendek dan sebagainya, dia tidak termasuk dalam kategori *fasiq* yang dimaksudkan di atas.

⁴⁷ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dan ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud* – hadis no: 2083 (*Kitab al-Nikah, Bab berkenaan wali*).

Terdapat perbezaan pendapat di kalangan ahli fiqh tentang hukum wali dalam perkahwinan dan ia dapat diringkaskan kepada tiga pendapat:

1. Wali adalah tidak wajib. Ini adalah pendapat yang lemah berdasarkan hadis yang bermaksud: "**Tidak ada nikah kecuali dengan wali.**" [**Sahih:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dan ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud* – hadis no: 2085 (*Kitab al-Nikah, Bab berkenaan wali*)]
2. Wali adalah wajib dan yang berhak menjadi wali adalah sesiapa sahaja yang layak. Ini kerana perkataan "**Wali**" dalam hadis "**Tidak ada nikah**

tanggungjawab untuk mendapatkan izin ayah pasangan perempuan terletak di bahu pasangan lelaki kerana dia adalah pemimpin kepada rumahtangga yang bakal didirikannya. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:



kecuali dengan wali”, bersifat umum sehingga siapa sahaja yang layak, maka dia termasuk dalam keumuman tersebut.

3. Wali adalah wajib dan yang berhak menjadi wali adalah ayah. Keumuman hadis “*Tidak ada nikah kecuali dengan wali*” dikhususkan oleh hadis berikutnya: “*Mana-mana wanita yang bernikah tanpa izin walinya maka pernikahan tersebut adalah batal.*” Sabda baginda “...*tanpa izin walinya...*” menunjukkan wujudnya faktor keizinan dan tiada siapa yang memiliki peranan dalam faktor keizinan melainkan seorang ayah.

Pendapat yang terakhir adalah yang terkuat dan paling mendekati kebenaran. Hal ini bukan sahaja disebabkan gandingan antara kedua-dua hadis berkenaan wali, akan tetapi seluruh dalil al-Qur'an dan al-Sunnah berkenaan hak ibubapa terhadap anak-anak sepertimana yang telah dikemukakan dalam buku ini sejak awal. Oleh kerana itulah saya menyusun bab berkenaan hak ibubapa dalam pemilihan calon perkahwinan anak sebagai bab yang terakhir supaya para pembaca sekalian dapat menilainya berdasarkan keseluruhan dalil al-Qur'an dan al-Sunnah.

Sebahagian pembaca mungkin merasa berat untuk menerima pendapat ini kerana telah sekian lama terselesa kepada pendapat yang menyatakan tidak boleh memaksa anak menerima calon perkahwinan pilihan ibubapa. Malah ada segelintir yang berlebih-lebihan dalam hal ini dalam rangka membela hak wanita di hadapan aliran feminism masa kini. Mereka menganggap anak, khasnya anak perempuan, memiliki hak mutlak dalam menentukan calon perkahwinannya.

Yang benar adalah, ibubapa tidak boleh memaksa anak berkahwin dengan pasangan yang tidak disukainya. Pada waktu yang sama anak juga tidak boleh memaksa ibubapa menerima menantu yang tidak disukai mereka. Ringkas kata, anak dan ibubapa tidak boleh saling memaksa dalam persoalan ini. Sebaliknya perlu sama-sama suka dan redha.

!!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!!

!!!! !!!!

*Setiap daripada kalian adalah pemimpin dan setiap daripada kalian akan dipersoal akan apa yang dipimpinnya. Seorang amir adalah pemimpin (kepada rakyatnya), seorang lelaki adalah pemimpin ke atas ahli keluarganya dan seorang wanita adalah pemimpin ke atas rumah suaminya dan anak-anaknya. Maka setiap daripada kalian adalah pemimpin dan setiap daripada kalian akan dipersoal akan apa yang dipimpinnya.*⁴⁸

Pada waktu yang sama, pasangan lelaki juga wajib mendapatkan izin dan redha ibubapanya sendiri. Ini kerana lambat-laun ibubapanya tetap akan mengetahui bahawa anaknya telah "kahwin lari" dan jika mereka tidak setuju, mereka memiliki hak untuk menyuruh anak tersebut menceraikan pasangannya. Demikian juga, jika sampai kepada pengetahuan ibubapa pasangan perempuan bahawa anak mereka telah "kahwin lari", mereka juga memiliki hak untuk menceraikan perkahwinan tersebut jika mereka tidak menyetujuinya.

Oleh itu hendaklah setiap yang berhajat untuk mendirikan rumah tangga memerhatikan perkara ini benar-benar. Juga, hendaklah setiap yang sudah terlanjur bertaubat kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Pengasih lagi

⁴⁸ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya* – hadis no: 5200 (*Kitab al-Nikah, Bab seorang wanita adalah pemimpin di rumah suaminya*).

Pengampun kepada para hamba-Nya. Kemudian rendahkanlah diri kepada ibubapa masing-masing. Berbicaralah, carilah keredhaan mereka dan mohonlah maaf, kerana: "...**ibubapa adalah pintu syurga yang paling tengah. Terserah kepada kamu (seorang anak) sama ada untuk mensia-siakan pintu itu atau memeliharanya.**"⁴⁹

Peringatan Kedua:

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah bersabda:

*Seorang wanita dinikahi kerana empat sebab: hartanya, keluarganya, kecantikannya dan agamanya. Maka pilihlah kerana agamanya, jika tidak kamu akan rugi.*⁵⁰

Adakalanya seorang anak membuat pilihan calon tersendiri berdasarkan petunjuk hadis di atas. Namun calon yang dipilih tidak dipersetujui oleh ibubapa mereka. Berdasarkan anggapan bahawa mereka berada di pihak yang benar, anak tersebut sanggup meninggikan suara terhadap ibubapanya kerana menyangka dia berada di pihak yang betul.

⁴⁹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dan ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi* – hadis no: 1900 (*Kitab al-Birr wa al-Sholah, Bab berkenaan keutamaan mendapat redha ibubapa*).

50 Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya* – hadis no: 5090 (*Kitab al-Nikah, Bab yang paling sesuai adalah pada agamanya*).

Hadis di atas adalah benar akan tetapi tidak boleh beramal dengan satu hadis dan meninggalkan hadis-hadis yang lain. Justeru seandainya ibubapa bersifat terbuka kepada apa sahaja kriteria yang dipilih oleh anak mereka, maka memang tepat jika anak tersebut memilih calonnya berdasarkan hadis di atas.

Akan tetapi jika ibubapa turut prihatin dengan kriteria yang dipilih oleh anak dan mereka menolak calon yang dipilih oleh anak semata-mata kerana kebaikan agamanya, maka penolakan ibubapa bukanlah alasan yang dibenarkan oleh syari'at. Pun begitu, anak tidak boleh sewenang-wenangnya meninggikan suara di hadapan ibubapanya. Hendaklah dia berbincang kepada mereka dengan perbincangan yang penuh rendah diri, sopan dan sabar. Tidaklah bijak untuk mengejar satu kebaikan dengan meninggalkan banyak kebaikan yang lain. Kebijaksanaan terletak pada mengejar semua kebaikan mengikut keutamaannya (*Fiqh al-Awlaiyat*: فقه الأولويات).

Demikian dua belas buah hadis yang dapat dikemukakan bagi menerangkan kedudukan ibubapa menurut al-Sunnah. Inti daripadanya adalah jelas, bahawa ibubapa memiliki kedudukan yang amat penting kepada kita sementara berbuat baik kepada ibubapa membawa hasil yang pelbagai manfaatnya di dunia dan akhirat. Maka beruntunglah anak-anak yang berusaha untuk berbuat baik kepada ibubapa mereka manakala rugilah anak-anak yang enggan berbuat sedemikian.

C: Berbuat Baik Kepada Ibubapa Pada Masa Hidup Mereka.

Berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang menerangkan kedudukan ibubapa terhadap anak-anak, dapat ditarik kesimpulan yang amat mendasar bahawa berbuat baik kepada ibubapa merupakan satu tuntutan yang amat penting dalam Islam. Hendaklah dasar ini diserapkan ke dalam diri masing-masing sehingga ia menjadi salah satu daripada dasar-dasarnya dalam beragama, dalam rangka mentauhidkan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Persoalannya, bagaimanakah cara berbuat baik kepada ibubapa? Lebih-lebih lagi dalam suasana kebanyakan kita (anak-anak) sibuk dengan urusan masing-masing seperti pembelajaran, pekerjaan dan keluarga?

**Persoalannya,
bagaimanakah cara
berbuat baik kepada
ibubapa? Lebih-lebih
lagi dalam suasana
kebanyakan kita (anak-
anak) sibuk dengan
urusan masing-masing
seperti pembelajaran,
pekerjaan dan
keluarga?**

Cara berbuat baik kepada ibubapa boleh dibahagikan

kepada dua kategori:

1. Berbuat baik ketika ibubapa masih hidup.
2. Berbuat baik ketika ibubapa telah meninggal dunia.

Dalam bab ini, kita akan memberi tumpuan untuk berbuat baik kepada ibubapa ketika mereka masih hidup. Terdapat lima langkah utama dan yang pertama adalah:

Pertama: Memaafkan ibubapa.

“Memaafkan” adalah sikap pertama yang perlu dilakukan oleh setiap individu yang ingin melakukan apa jua kebaikan kepada orang lain. Jika kita ingin berdakwah kepada seseorang, hendaklah kita mulakan dengan memaafkannya disebabkan kejahilan atau salah fahamnya terhadap Islam. Apabila kita ingin membetulkan amalan seseorang, hendaklah kita mulakan dengan memaafkannya disebabkan kekeliruannya dalam mengikuti ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah yang tepat. Jika kita ingin berbuat baik kepada seseorang, hendaklah kita mulakan dengan memaafkannya seandainya sebelum itu dia pernah berbuat salah. Demikianlah seterusnya.

Memulakan kebaikan dengan sikap memaafkan akan merendahkan diri kita kepada sifat kesyukuran kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang telah mengurniakan kelebihan nikmat kepada kita. Ini seterusnya akan membuka diri kita ke arah bersikap neutral terhadap apa-apa kekurangan yang

mungkin wujud pada diri orang tersebut. Kemudian ia akan melahirkan sikap ingin berbuat baik kepadanya secara ikhlas, lemah lembut dan berhikmah.

Jika keinginan untuk melakukan kebaikan tidak dimulakan dengan sikap memaafkan, kemungkinan besar kebaikan tersebut tidak akan terlaksana disebabkan wujudnya sesuatu kekurangan pada diri orang tersebut yang memberatkan kita untuk berbuat baik kepadanya. Seandainya kita tetap menganjak diri kita untuk melaksanakan kebaikan yang dirancang, ia hanya akan dilaksanakan secara separuh hati dengan hasil yang tidak menyeluruh. Malah ia mungkin dilaksanakan dengan nafas, nada dan raut muka yang mengeluh lagi menampakkan kebencian.

"Memaafkan" adalah sikap pertama yang perlu dilakukan oleh setiap individu yang ingin melakukan apa jua kebaikan kepada orang lain.

Sikap memaafkan akan mencapai kesempurnaan jika kita menggandingkannya dengan doa agar Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mengampunkannya. Mendoakan keampunan bukanlah bererti kita melabelnya sebagai orang yang berdosa, akan tetapi sebagai bukti bahawa kita benar-benar tulus dalam memaafkannya.

Memaafkan dan mendoakan keampunan adalah dua sikap mulia yang dikurniakan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, sekali gus menjadi sunnah baginda dalam berinteraksi dengan umatnya.

Allah berfirman:

Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaualah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu.

***Oleh itu maafkanlah mereka dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat) maka bertawakkallah kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakkal kepada-Nya.* [Ali Imran 3:159]**

Oleh itu dalam rangka kita berbuat baik kepada ibubapa, hendaklah ia dimulakan dengan sikap “memaaafkan” mereka berdua. Ibubapa adalah manusia biasa yang tidak terlepas daripada kekurangan sehingga dalam tindak tanduk mereka, mungkin terdapat beberapa kekurangan yang memberi kesan kepada kita. Antaranya:

1. Mungkin sejak awal ibubapa tidak memberikan perhatian dan kasih sayang yang sewajarnya kepada kita. Maka maafkanlah mereka kerana hal di atas lazimnya berlaku disebabkan suasana kehidupan masa lalu yang amat sukar sehingga ia memaksa mereka untuk bekerja keras dari kegelapan pagi hingga kegelapan malam semata-mata untuk menyediakan bumbung, makanan, pakaian dan pendidikan untuk diri kita sendiri. Ini menyebabkan

mereka tidak mampu untuk meluangkan perhatian dan kasih sayang yang sewajarnya kepada kita.

Selain itu wujud juga kemungkinan bahawa mereka sememangnya sayang dan ingin memberikan perhatian akan tetapi tidak tahu atau sukar untuk menterjemahkannya dalam bentuk perbuatan dan hubungan dengan kita. Maka maafkanlah atas apa yang mereka tidak tahu atau tidak mampu lakukan.

2. Mungkin sejak awal ibubapa asyik bertengkar sehingga menyebabkan kita mengambil sikap menyisihkan diri daripada mereka. Maka maafkanlah mereka kerana pertengkaran tersebut bukanlah sesuatu yang diingini oleh mereka akan tetapi berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor yang sukar mereka elakkan, khasnya tekanan hidup yang dirasai oleh masing-masing ibu dan ayah.
3. Mungkin sejak awal ibubapa asyik menengking dan memukul kita sehingga menyebabkan kita membenci mereka. Sekalipun berat, hendaklah kita tetap memaafkan mereka. Menengking dan memukul bukanlah pilihan mereka akan tetapi lebih disebabkan oleh tekanan kehidupan yang menyebabkan mereka "melepaskannya" kepada anak-anak. Sudah tentu ini bukanlah satu tindakan yang baik. Akan tetapi ibubapa kita tetap merupakan manusia yang adakalanya membuat kesilapan dalam tindak tanduk mereka.

Barangkali terlintas di fikiran sebahagian ibubapa "muda"

masa kini⁵¹, bahawa tekanan-tekanan di atas yang dihadapi oleh ibubapa pada masa lalu juga wujud pada masa kini. Hal ini adalah benar akan tetapi kadarnya berbeza antara masa lalu dan masa kini. Tekanan kehidupan yang dihadapi oleh ibubapa “muda” masa kini adalah jauh lebih ringan daripada apa yang dihadapi oleh ibubapa masa lalu.

Lebih dari itu sebab yang melatarbelakangi tekanan kehidupan juga jauh berbeza. Ibubapa masa lalu tertekan kerana mereka menghadapi kesukaran untuk menyediakan keperluan asas kehidupan manakala ibubapa “muda” masa kini tertekan kerana mereka sibuk mengejar nilai kebendaan yang tiada kaitan dengan asas kehidupan. Justeru tekanan kehidupan yang dihadapi oleh ibubapa masa lalu adalah sesuatu yang dipaksa oleh suasana kehidupan manakala tekanan kehidupan yang dihadapi oleh ibubapa “muda” masa kini adalah sesuatu yang disengajakan oleh diri mereka sendiri.

Tidak juga dilupakan bahawa ibubapa masa lalu terpaksa menghadapi semua tekanan kehidupan secara bersendirian sekadar kemampuan mereka. Sedariyah bahawa pada zaman mereka tidak terdapat ilmu-ilmu kemanusian seperti kepimpinan, komunikasi, kekeluargaan, pendidikan anak, pengendalian tekanan (*stress management*) dan sebagainya yang dapat membantu mereka mengharungi liku-liku kehidupan.

Di atas hanyalah sebahagian daripada “beberapa

⁵¹ Yang saya maksudkan dengan ibubapa “muda” adalah anak-anak yang telah meningkat dewasa dan mendirikan rumah tangga sendiri.

kekurangan” ibubapa yang mungkin memberi kesan kepada kita sebagai anak-anak. Tidak dinafikan bahawa terdapat kekurangan-kekurangan lain yang tidak dapat saya senaraikan di sini semuanya. Apa pun, insafilah bahawa ibubapa adalah manusia biasa yang tidak terlepas daripada kekurangan dan kesilapan. Ringkasnya, *There are no perfect parents*. Justeru dalam rangka kita hendak berbuat baik kepada ibubapa, mulailah dengan memaafkan mereka, terhadap apa juar kekurangan mereka.

Kemudian gandingilah dengan mendoakan keampunan kepada mereka. Terdapat sebuah doa yang diajar oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* melalui lisan Nabi Nuh 'alahissalam yang merangkumi semua orang beriman termasuk ibubapa kita:

"Wahai Tuhanku! Ampunkanlah bagiku, dan bagi kedua ibu bapaku, serta bagi sesiapa yang masuk ke rumahku dengan keadaan beriman; dan (ampunkanlah) bagi sekalian orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan; dan janganlah Engkau tambahi orang-orang yang zalim melainkan kebinasaan!" [Nuh 71:28]

Kedua: Meminta pertolongan Allah.

Berbuat baik kepada ibubapa memiliki cabaran-cabarannya yang tersendiri kepada kita sebagai anak-anak. Perhatian terhadap pembelajaran, kesibukan kerjaya,

tanggungjawab terhadap anak-anak sendiri, jarak yang jauh dari kampung dan sikap ibubapa yang mungkin cerewet atau degil adalah sebahagian daripada cabaran tersebut. Maka di samping berusaha menangani pelbagai cabaran ini, hendaklah juga kita berdoa kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Allah Mengetahui bahawa berbuat baik kepada ibubapa memiliki pelbagai cabaran, maka dengan itu Dia mengajar kita sebuah doa yang amat baik:

"Wahai Tuhanaku, ilhamkanlah daku supaya tetap bersyukur akan nikmat-Mu yang Engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibubapaku, dan supaya aku tetap mengerjakan amal shalih yang Engkau redhai; dan jadikanlah sifat-sifat kebaikan meresap masuk ke dalam jiwa zuriat keturunanku. Sesungguhnya aku bertaubat kepadamu, dan sesungguhnya aku dari orang-orang Islam (yang tunduk patuh kepadamu)." [al-Ahqaf 46:15]

Di antara kandungan doa ini adalah:

1. "...**ilhamkanlah daku...**", yakni tunjukkanlah aku, berilah aku kemampuan dan permudahkanlah bagiku.
2. "...**supaya tetap bersyukur akan nikmat-Mu yang Engkau kurniakan kepadaku...**", yakni jangan bersikap angkuh dan sompong atas segala nikmat iman, ilmu, kesihatan, kerjaya, keluarga, kemudahan hidup dan sebagainya yang dimiliki. Segala nikmat tersebut tidak lain adalah hasil kurniaan Allah *Subhanahu wa*

Ta'ala. Oleh itu bersyukurlah dan buktikan kesyukuran itu dengan berkongsi nikmat tersebut bersama orang lain. Tidak ada yang lebih layak untuk menerima perkongsian tersebut melainkan ibubapa yang telah berusaha dengan jerih payah untuk membesar kita.

3. "...**dan kepada ibu bapaku**...", yakni jangan kita bersikap angkuh dan sompong seandainya nikmat yang Allah kurniakan kepada kita pada zahirnya kelihatan melebihi berbanding apa yang Allah kurniakan kepada ibubapa kita. Hendaklah kita tetap bersyukur atas apa jua nikmat yang Allah kurniakan kepada ibubapa kita dan berkongsi sebahagian daripada nikmat yang Allah berikan kepada kita bersama mereka.

Ambillah iktibar daripada sikap Nabi Sulaiman '*alahissalam*', apabila Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mengurniakan kepada dia dan ayahnya (Nabi Daud '*alaihissalam*') hikmah dan ilmu, namun dilebihkan kepada Nabi Sulaiman kefahaman hukum:

Dan (sebutkanlah peristiwa) Nabi Daud dengan Nabi Sulaiman, ketika mereka berdua menghukum mengenai tanaman-tanaman semasa ia dirosakkan oleh kambing kaumnya pada waktu malam; dan sememangnya Kamilah yang memerhati dan mengesahkan hukuman mereka.

Maka Kami beri Nabi Sulaiman memahami hukum

yang lebih tepat bagi masalah itu; dan masing-masing (dari mereka berdua) Kami berikan hikmah (kebijaksanaan) dan ilmu; dan Kami mudahkan gunung-ganang dan ungas memuji Kami bersama-sama dengan Nabi Daud; dan adalah Kami berkuasa melakukan semuanya itu. [Maksud surah al-Anbiya' 21:78-79]

Sekalipun dengan kelebihan tersebut, Nabi Sulaiman tetap mendoakan ayahnya dengan berkata:

Maka tersenyumlah Nabi Sulaiman mendengar kata-kata semut itu, dan berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhanaku, ilhamkanlah daku supaya tetap bersyukur akan nikmat-Mu yang Engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibubapaku, dan supaya aku tetap mengerjakan amal shalih yang Engkau redhai; dan masukkanlah daku - dengan limpah rahmat-Mu - dalam kumpulan hamba-hambaMu yang shalih." [al-Naml 27:19]

Di antara sikap anak yang bersyukur dan berkongsi nikmat kurniaan Allah bersama ibubapanya adalah dia tetap memuliakan mereka di hadapan rakan-rakan dan suasana kehidupannya. Sekalipun ibubapanya adalah "orang kampung" manakala rakan-rakannya adalah daripada "kelas atasan" dan suasana kehidupannya adalah serba "canggih".

Perhatikan sikap Nabi Yusuf 'alahissalam apabila dia menjemput ibubapanya (Nabi Yaakub 'alahissalam) dan ahli keluarganya yang berasal dari pendalaman ke istananya dan mendudukkan mereka di sampingnya. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mengungkap kisah teladan ini dalam firman-Nya:

Maka ketika mereka (Nabi Yaakub dan keluarganya) masuk (ke Mesir) menemui Yusuf, Yusuf segera menyambut serta memeluk kedua ibubapanya, sambil berkata: "Masuklah kamu ke negeri Mesir, insya Allah kamu berada di dalam keamanan."

Dan dia dudukkan kedua ibubapanya (bersama-sama) di atas kerusi kebesaran. Dan setelah itu mereka semuanya tunduk memberi hormat kepada Yusuf. Dan (pada saat itu) berkatalah Yusuf:

"Wahai ayahku! Inilah dia tafsiran mimpiku dahulu. Sesungguhnya Allah telah menjadikan mimpiku itu benar. Dan sesungguhnya Dia telah melimpahkan kebaikan kepadaku ketika Dia mengeluarkan daku dari penjara; dan Dia membawa kamu ke mari dari pendalaman (Badwi) sesudah Syaitan (dengan hasutannya) merosakkan perhubungan antaraku dengan saudara-saudaraku.

Sesungguhnya Tuhanmu lemah-lembut tadbir-Nya

bagi apa yang dikehendakiNya; sesungguhnya Dia-lah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”
[Maksud surah Yusuf 12:99-100]

4. ***“...dan supaya aku tetap mengerjakan amal shalih yang Engkau redhai...”***, di antara amal shalih yang paling diredhai oleh Allah *Subhanahu wa Ta’ala* ialah berbuat baik kepada ibubapa sehingga mencapai keredhaan mereka. Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* telah bersabda, maksudnya: ***“Keredhaan Allah terletak pada keredhaan ibubapa manakala kemurkaan Allah terletak pada kemurkaan ibubapa.”***⁵² Maka melalui doa ini, dipohon kepada Allah agar diberikan petunjuk, kemampuan dan kemudahan untuk kita berbuat baik kepada ibubapa.
5. ***“...dan jadikanlah sifat-sifat kebaikan meresap masuk ke dalam jiwa zuriat keturunanku.”***, yakni pada waktu yang sama kita memohon kepada Allah *Subhanahu wa Ta’ala* agar diresapkan sifat-sifat yang shalih kepada anak-anak kita sendiri. Semoga dengan itu kita akan memiliki anak-anak shalih yang di kemudian hari akan berbakti kepada agama, umat dan kepada diri kita sendiri.

⁵² **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dalam *Sunnanya* – hadis no: 1899 (*Kitab al-Birr wa al-Shalah, Bab berkenaan keutamaan pada keredhaan ibubapa*) dan ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Silsilah al-Ahadits al-Shahihah* – hadis no: 515.

6. "**Sesungguhnya aku bertaubat kepadamu...**", yakni kita bertaubat kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* seandainya sebelum ini kita tidak termasuk di kalangan orang-orang yang bersyukur dan berbuat amal shalih, khasnya terhadap ibubapa kita sendiri.
7. "...**dan sesungguhnya aku dari orang-orang Islam.**", yakni mengikrarkan semula kepada diri yang mungkin alpa bahawa kita adalah orang-orang Islam yang tunduk patuh kepada perintah larangan Allah, khususnya perintah berbuat baik kepada ibubapa dan larangan menderhakai mereka.

Ketiga: Memahami ibubapa.

Di antara cabaran yang dihadapi dalam rangka berbuat baik kepada ibubapa adalah perbezaan yang wujud di antara anak dan ibubapa. Perbezaan ini wujud dalam pelbagai bentuk seperti pemikiran, gaya hidup dan prioriti kehidupan.

Kerangka (*frame*) kehidupan anak-anak lazimnya memiliki ciri-ciri pemikiran yang luas, gaya hidup yang dinamik dan prioriti kehidupan yang lebih ditujukan kepada kejayaan peribadi. Ini jauh berbeza dengan kerangka kehidupan ibubapa yang, setelah bekerja keras sejak dari umur kecil, kebanyakannya memiliki ciri-ciri pemikiran yang sederhana, gaya hidup yang tenang dan prioriti kehidupan yang lebih ditujukan kepada melihat

Maka hendaklah anak-anak berusaha untuk mengenali perbezaan yang wujud antara mereka dan ibubapa. Kemudian dalam berinteraksi dengan ibubapa, berusahalah untuk mengendali perbezaan tersebut dengan cara memahami kerangka kehidupan mereka dan menyesuaikan diri ke dalamnya

kejayaan anak-anak.

Adakalanya perbezaan juga wujud dalam bentuk amalan agama. Ibubapa di kampung mungkin cenderung kepada praktik agama yang telah bercampur aduk dengan amalan setempat dan adat tradisional manakala anak-anak yang telah mendapat pendedahan yang luas mungkin hanya akan mempraktikkan agama dalam bentuknya yang tulen.

Perbezaan-perbezaan ini adakalanya boleh menimbulkan pergeseran antara anak dan ibubapanya sehingga akhirnya menjelaskan interaksi antara dua pihak. Maka hendaklah kita sebagai anak-anak yang shalih dan shalihah berusaha untuk mengenali perbezaan-perbezaan yang wujud antara kita dan ibubapa sendiri. Kemudian dalam berinteraksi dengan ibubapa, berusahalah untuk mengendali perbezaan tersebut (*manage the differences*) dengan cara memahami kerangka kehidupan mereka dan menyesuaikan diri ke dalamnya (*understand and try to fit in*). Janganlah pula mengharapkan ibubapa untuk memahami dan menyesuaikan diri ke dalam kerangka kehidupan kita.

Ingat, bahawa jika wujud perbezaan dalam perkara-perkara yang harus, hendaklah anak-anak yang mengalah kepada ibubapa dan bukan sebaliknya. Seandainya wujud perbezaan dalam perkara yang jelas-jelas menyelisihi syari'at, maka tegurlah mereka secara bertahap-tahap dengan sopan dan berhikmah.

Keempat: Merendahkan diri kepada ibubapa.

Merendahkan diri kepada ibubapa termasuk salah satu cara berbuat baik yang ditunjuki oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Allah berfirman:

Dan hendaklah engkau merendah diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): "Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikku semasa kecil." [al-Isra' 17:24]

Seorang anak yang merendahkan diri kepada ibubapanya tidak akan mendahului mereka dalam perkara-perkara yang harus, seperti tidak akan berbicara dengan nada yang lebih tinggi daripada ibubapanya, tidak akan memotong ketika ibubapanya sedang bercakap...

Tindakan “merendahkan diri” wujud dalam beberapa bentuk:

Pertama: Merendahkan Diri Dalam Perbuatan.

Seorang anak yang merendahkan diri kepada ibubapanya tidak akan mendahului mereka dalam perkara-perkara yang

harus, seperti tidak akan berbicara dengan nada yang lebih tinggi daripada ibubapanya, tidak akan memotong ketika ibubapanya sedang bercakap, tidak akan bersempang di talifon bimbitnya di hadapan ibubapa, tidak akan membalias SMS ketika sedang berbual dengan ibubapa, tidak akan duduk sebelum ibubapanya duduk, tidak akan makan sebelum ibubapanya makan, tidak berjalan atau melangkah di hadapan ibubapanya dan sebagainya.

Berbeza dalam perkara-perkara yang dituntut oleh agama, merendahkan diri kepada ibubapa bererti mendahului mereka seperti terlebih dahulu mengucapkan salam, terlebih dahulu menghulurkan tangan untuk bersalaman, terlebih dahulu meminta maaf jika terlanjur, terlebih dahulu memaafkan ibubapa jika mereka tersilap, terlebih dahulu mengajak ayah ke masjid solat berjamaah, terlebih dahulu mengajak ibu membaca al-Qur'an bersama-sama, terlebih dahulu bangun menyediakan makanan untuk bersahur lalu kemudian mengejutkan ibubapa⁵³ dan sebagainya. Demikian juga dengan perkara-perkara yang dilarang oleh agama seperti terlebih dahulu menasihati ayah daripada merokok, terlebih dahulu menasihati ibu daripada memakai solekan apabila keluar rumah dan sebagainya.

⁵³ Waktu bersahur adalah beberapa minit sebelum azan Subuh dan bukan pada malam sebelumnya. Lebih lanjut tentang keutamaan bersahur dan beberapa salah faham tentangnya, rujuk buku saya berkenaan amalan-amalan di bulan Rejab, Sya'ban dan Ramadhan yang berjudul *Menelan Air Liur Tidak Membatalkan Puasa* terbitan Jahabersa, Johor Bahru, 2005.

Kedua: Merendahkan Diri Dalam Membuat Keputusan.

Perbezaan sekali gus pergeseran lazimnya berlaku kerana anak-anak sering kali membuat keputusan tanpa bertanya pendapat ibubapa. Anak-anak hanya menghabarkan apa yang telah diputuskan kepada ibubapa secara mengejut.

Seorang anak yang merendahkan diri kepada ibubapanya tidak akan membuat apa-apa keputusan dalam kehidupan mereka melainkan setelah mendapat izin dan keredhaan ibubapa. Ini termasuklah dalam hal-hal yang penting lagi besar seperti keputusan untuk melanjutkan pengajian, keputusan untuk belajar dalam jurusan tertentu, keputusan untuk mengambil kerjaya tertentu, keputusan untuk menetap di bandar lain sehingga keputusan untuk memilih pasangan hidup.

Dalam **Bahagian B** sebelum ini telah dikemukakan hadis-hadis yang menerangkan bahawa sekalipun seorang anak ingin melakukan sesuatu perkara yang selari dengan tuntutan syari'at, dia tetap perlu mendapat keizinan dan redha ibubapanya. Tidak bijak untuk mengejar satu tuntutan agama jika ia menyebabkan perlecehan terhadap tuntutan agama yang lebih besar, iaitu izin dan redha ibubapa.

Tidak dinafikan bahawa akan muncul perbezaan antara keputusan yang ingin dibuat oleh seorang anak dengan apa

yang dikehendaki oleh ibubapa. Untuk mengelakkan perbezaan ini, hendaklah:

1. Bertanya kepada ibubapa sebelum membuat keputusan. Perbezaan sekali gus pergeseran lazimnya berlaku kerana kita (anak-anak) sering kali membuat keputusan tanpa bertanya pendapat ibubapa. Kita hanya menghabarkan apa yang telah diputuskan kepada ibubapa secara mengejut.
2. Berbincang dengan ibubapa seandainya keputusan yang ingin kita ambil berbeza dengan apa yang mereka kehendaki. Hargailah pandangan ibubapa kerana mereka lebih matang dan lebih mengenali cabaran-cabaran kehidupan berbanding kita.

Ambillah iktibar daripada kisah perjalanan Nabi Musa *'alahissalam* berikut ini:⁵⁴

Dan setelah dia (Nabi Musa, meninggalkan Mesir dalam perjalanan) menuju ke negeri Madyan, berdoalah dia dengan berkata: "Mudah-mudahan Tuhan ku menunjukkan jalan yang benar kepadaku."

Dan ketika dia sampai di telaga air negeri Madyan, dia dapati di situ sekumpulan orang-orang lelaki sedang memberi minum (binatang ternak masing-masing) dan dia juga dapati di sebelah mereka dua perempuan yang

⁵⁴ Perjalanan ini berlaku sebelum beliau diangkat menjadi Rasul.

sedang menahan kambing-kambingnya. Dia bertanya: "Apa hal kamu berdua?" Mereka menjawab: "Kami tidak dapat memberi minum (kambing-kambing kami) sehingga pengembala-pengembala itu membawa balik binatang ternak masing-masing dan bapa kami seorang yang terlalu tua umurnya."

Maka Musa pun memberi minum kepada binatang-binatang ternak mereka, kemudian dia pergi ke tempat teduh lalu berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhanaku, sesungguhnya aku sangat berhajat kepada sebarang rezeki pemberian yang Engkau berikan."

Kemudian salah seorang dari perempuan dua beradik itu datang mendapatkannya dengan berjalan dalam keadaan tersipu-sipu sambil berkata: "Sebenarnya bapaku menjemputmu untuk membalias budimu memberi minum binatang ternak kami." Maka ketika Musa datang mendapatkannya dan menceritakan kepadanya kisah-kisah kejadian yang berlaku (mengenai dirinya) berkatalah orang tua itu kepadanya: "Janganlah engkau bimbang, engkau telah selamat dari kaum yang zalim itu."

Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: "Wahai ayah, ambilah dia menjadi orang upahan (mengembala kambing kita), sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah." [Maksud surah al-Qasas 28:22-26]

Perhatian kita ditumpukan kepada ayat yang terakhir. Perhatikan bahawa anak perempuan tersebut tidak membuat keputusan, melainkan terlebih dahulu memberi cadangan kepada ayahnya. Beliau berkata: "...ambilah dia menjadi orang upahan...". Cadangan itu pula disertai sebab di sebaliknya: "...sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah." Semua ini dilakukan dengan penuh kesopanan dan rendah diri: "Wahai ayah..."

Allah Subhanahu wa Ta'ala menghabarkan kisah di atas bukanlah untuk dijadikan bacaan sebelum tidur (*bed time stories*). Akan tetapi dikhaskan-Nya agar kita dapat mencontohi dan mempraktikkannya ketika ingin membuat sesuatu keputusan.

Ketiga: Merendahkan Diri Dalam Menegur Kesalahan

Ibubapa adalah manusia biasa yang tidak terlepas daripada kesalahan. Kesalahan tersebut ada yang melibatkan urusan dunia dan ada juga yang melibatkan urusan agama. Apabila kita sebagai anak menyedari bahawa ibubapa melakukan sesuatu kesalahan, janganlah kita merasa ujub, kononnya lebih hebat, lebih baik, lebih betul dan lebih bijak daripada ibubapanya.

Sikap rendah diri adalah penting untuk menjamin teguran yang penuh sopan, hikmah dan bertahap-tahap kepada ibubapa. Tanpa sikap ini, teguran akan menjadi kasar, sinis dan mengharapkan perubahan serta merta. Semua ini hanya akan menjauhkan seorang anak daripada ibubapa manakala kesalahan yang dilakukan mereka tetap berulang.

Sebaliknya hendaklah kita merendahkan diri dengan bersyukur di atas kelebihan yang Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kurniakan kepada kita. Rasa syukur tersebut kemudian diterjemahkan kepada menegur dan membetulkan kesalahan ibubapa tersebut.

Sikap rendah diri adalah penting untuk menjamin teguran yang penuh sopan, hikmah dan bertahap-tahap kepada ibubapa. Tanpa sikap ini, teguran akan menjadi kasar, sinis dan mengharapkan perubahan serta merta. Semua ini hanya akan menjauhkan kita daripada ibubapa manakala kesalahan yang dilakukan mereka tetap berulang.

Ambillah iktibar melalui sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dalam menegur kesalahan para sahabat pada zaman baginda. Sunnah ini dikhabarkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam ayat yang telah kita rujuk sebelum ini, yang bermaksud:

Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaualah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu.

Oleh itu maafkanlah mereka dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat) maka bertawakkallah

kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakkal kepada-Nya. [Ali Imran 3:159]

Perhatikan bahawa sunnah Rasulullah dalam menegur para sahabatnya adalah secara "...**lemah-lembut kepada mereka...**" Seandainya baginda bersikap kasar lagi keras, nescaya "...**mereka lari dari kelilingmu.**" Di atas sikap lemah lembut kepada mereka, Rasulullah memulakan dengan memaafkan mereka, mendoakan keampunan bagi mereka, lalu diikuti dengan "...**bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan itu.**" Setelah bermesyuarat, atau dalam erti kata lain berbincang, baginda "...**bertawakkallah kepada Allah.**"

Demikianlah juga sikap kita sebagai seorang anak dalam menegur kesalahan ibubapa. Hendaklah kita bersikap lemah lembut kepada mereka kerana sikap kasar dan keras hanya akan menjauhkan mereka daripada kita. Mulakan dengan memaafkan mereka, mendoakan keampunan kepada mereka, diikuti dengan perbincangan bersama mereka secara sopan dan hikmah, dilengkapi dengan penjelasan yang ilmiah dan bijak. Kemudian bertawakkallah kepada Allah agar mereka berubah daripada kesalahan tersebut.

Perhatikan bagaimana Nabi Ibrahim 'alahissalam menegur ayahnya yang bukan sahaja musyrik tetapi berperanan sebagai pembuat berhala. Sekalipun ayahnya membuat kesalahan yang amat besar, beliau tetap menegurnya secara sopan dan hikmah, dilengkapi dengan penjelasan yang ilmiah dan bijak. Allah Subhanahu wa Ta'ala mengkhabarkan kisah ini

dalam al-Qur'an:

Dan bacakanlah di dalam Kitab (Al-Quran) ini perihal Nabi Ibrahim; sesungguhnya adalah dia seorang yang amat benar, lagi menjadi Nabi. Ketika dia berkata kepada bapanya:

"Wahai ayahku, mengapa ayah menyembah benda yang tidak mendengar dan tidak melihat serta tidak dapat menolongmu sedikitpun? Wahai ayahku, sesungguhnya telah datang kepadaku dari ilmu pengetahuan yang tidak pernah datang kepadamu, oleh itu ikutlah daku, aku akan memimpinmu ke jalan yang betul. Wahai ayahku, janganlah ayah menyembah Syaitan, sesungguhnya Syaitan itu menderhaka kepada Allah yang melimpah-limpah Rahmat-Nya. Wahai ayahku, sesungguhnya aku bimbang bahawa ayah akan kena azab dari (Allah) Ar-Rahman disebabkan ayah menyembah yang lainnya; maka dengan sebab itu akan menjadilah ayah rakan bagi syaitan di dalam neraka." [Maksud surah Maryam 19:41-45]

Setelah ditegur, janganlah mengharapkan perubahan serta merta kerana manusia lazimnya sukar untuk berubah secara serta merta. Berilah mereka ruang untuk memikirkan apa yang telah dibincangkan. Perhatikan firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

Dan jika seseorang dari kaum musyrik meminta

perlindungan kepadamu (untuk memahami Islam), maka berilah perlindungan kepadanya sehingga dia sempat mendengar ayat-ayat Allah (tentang hakikat Islam itu), kemudian hantarlah dia ke mana-mana tempat yang dia beroleh aman. Perintah yang tersebut ialah kerana mereka itu kaum yang tidak mengetahui (hakikat Islam).

[al-Taubah 9:06]

Apabila orang-orang musyrik meminta perlindungan di kalangan umat Islam, Allah tidak memerintahkan kita untuk memastikan mereka terus memeluk Islam. Sekalipun mereka melakukan kesalahan yang amat besar terhadap Allah, Allah hanya memerintahkan kita untuk menjelaskan kepada mereka tentang Islam dan kemudian membiarkan mereka di tempat yang aman, untuk memikirkan tentangnya.

Maka sudah tentu ibubapa kita yang lebih kecil kesalahannya berbanding ayah Nabi Ibrahim dan kaum musyrik, berhak menerima teguran yang lebih sopan, berhikmah dan bertahap-tahap.⁵⁵ Perdengarkan kepada mereka penjelasan

⁵⁵ Seandainya di kalangan pembaca ada yang memiliki ibubapa yang masih belum memeluk Islam, berilah mereka teguran yang sama sepertimana yang saya sebutkan di atas. Pengecualian adalah anda tidak boleh mendoakan keampunan Allah kepada mereka berdasarkan firman-Nya:

Tidaklah dibenarkan bagi Nabi dan orang-orang yang beriman, meminta ampun bagi orang-orang musyrik, sekalipun orang itu kaum kerabat sendiri, sesudah nyata bagi mereka bahawa orang-orang musyrik itu adalah ahli neraka. [al-Taubah 9:113]

yang ilmiah dan bijak. Jika kesalahan mereka melibatkan urusan agama, perdengarkan kepada mereka ayat-ayat al-Qur'an, hadis-hadis Rasulullah dan penjelasan para ilmuan. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

Oleh itu berilah peringatan (kepada umat manusia dengan ajaran Al-Quran), kalau-kalau peringatan itu berguna. [al-

A'la 87:09]

Kemudian beri mereka ruang untuk mereka berfikir dan mengambil iktibar daripadanya. Teguran boleh diulangi pada masa-masa kemudian, namun hendaklah dikawal kadarnya agar tidak terlalu kerap sehingga membosankan.

Peranan anak tidak sahaja terhad kepada menegur kesalahan ibubapa, tetapi juga menasihati ibubapa dalam perselisihan yang adakalanya wujud di antara mereka. Sedangkan lidah juga tergigit, apatah lagi hubungan suami-

Sedangkan lidah juga tergigit, apatah lagi hubungan suami-isteri. Sebagai manusia yang biasa, hubungan antara ibu dan ayah adakalanya memiliki cabaran yang tersendiri seperti perselisihan dan pertengkaran. Maka apabila berhadapan dengan suasana seperti ini, jangan anak menyisihkan diri atau menyebelahi satu pihak.

Akan tetapi berdoalah agar Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memberi hidayah kepada mereka dan memberi kekuatan serta ilmu kepada anda untuk berdakwah kepada mereka.

isteri. Sebagai manusia yang biasa, hubungan antara ibu dan ayah adakalanya memiliki cabaran yang tersendiri seperti perselisihan dan pertengkaran. Maka apabila berhadapan dengan suasana seperti ini, janganlah menyisihkan diri atau menyebelahi satu pihak. Sebaliknya berusahalah sekadar mampu untuk menasihati kedua-duanya dan mententeramkan mereka berdua. Nescaya usaha murni ini akan diredhai Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan dihargai oleh kedua-dua ibu dan ayah.

Keempat: Merendahkan Diri Dengan Mendoakan Ibubapa

Sikap merendahkan diri kepada ibubapa juga diterjemahkan dalam perbuatan mendoakan mereka. Di samping doa-doa daripada al-Qur'an yang telah dikemukakan sebelum ini, kita (anak-anak) dianjurkan berdoa berdasarkan ayat berikut:

"Wahai Tuhan! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikku semasa kecil."
[al-Isra' 17:24]

Membiasakan diri untuk mendoakan ibubapa akan melatih kita untuk bersikap rendah diri kepada ibubapa sehingga akhirnya memudahkan kita mempraktikkan sikap tidak mendahului mereka, bertanya dan berbincang dengan mereka dalam mengambil keputusan dan bersikap sopan lagi berhikmah

dalam menegur kesalahan mereka.

Kelima: Mengorbankan diri untuk ibubapa.

Apabila Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memerintahkan kepada kita sebagai anak-anak untuk berbuat baik kepada ibubapa, Allah tidak sekadar memerintahkan "kebaikan", tetapi memerintahkan *ihsan* yang bererti kebaikan yang melebihi neraca kebiasaan. Untuk berbuat *ihsan* kepada ibubapa, ia memerlukan satu pengorbanan yang besar. Akan tetapi bagaimanakah hendak berkorban untuk ibubapa jika kita sendiri sibuk dengan pembelajaran, kerjaya dan keluarga sendiri?

Caranya adalah mengimbangi antara urusan kita sendiri dan urusan ibubapa. Pengimbangan ini boleh dibahagikan kepada tiga tahap:

Anak-anak boleh berbuat *ihsan* kepada ibubapa dengan menjalinkan hubungan pada kekerapan yang tetap bersama mereka.¹¹ Perhubungan ini boleh dilakukan melalui talifon, pesanan ringkas (SMS), surat, e-mel dan sebagainya.

Pertama: Tahap Kebiasaan.

Ini adalah tahap yang pertama lagi kebiasaan. Kita boleh meneruskan urusan harian sama ada belajar, kerja atau bersama keluarga. Pada waktu yang sama kita boleh berbuat *ihsan* kepada ibubapa dengan menjalinkan hubungan pada kekerapan yang tetap bersama mereka. Perhubungan ini boleh dilakukan melalui talifon, pesanan ringkas (SMS), surat, e-mel dan sebagainya.

Di sini kita hanya perlu mengorbankan sedikit wang, usaha dan masa untuk berhubung dengan ibubapanya. Lebih penting, jadikanlah perhubungan tersebut sesuatu yang tetap pada kadar yang sesuai. Antara yang dicadangkan ialah menalifon setiap seminggu sekali. Jika berjauhan, maka dicadangkan menulis surat setiap sebulan sekali.

Apabila berhubung, tanyakan khabar ibubapa dan bersempanglah perkara-perkara yang menggembirakan mereka. Boleh juga menceritakan kepada mereka apa yang sedang berlaku di tempat sendiri. Dalam suasana serba canggih masa kini, surat atau e-mel yang disertakan gambar terkini, sama ada berseorang atau bersama rakan dan keluarga, pasti menggembirakan mereka.

Saya sendiri (penulis), ketika membuat latihan juruterbang (*cadet pilot's training*) di Melaka, melazimkan diri untuk menalifon rumah sekali seminggu. Pada setiap hari Isnin malam Selasa, saya sudah bersiap sedia dengan beberapa

kepingan wang syiling menuju ke talifon awam. Adakalanya terpaksa menunggu beberapa ketika kerana ada pengguna lain yang sedang "bergayut dengan kekasihnya".

Pada awalnya mereka (ibubapa saya) agak hairan kenapa saya menalifon, adakah saya menghadapi apa-apa masalah atau memerlukan wang poket tambahan? Saya berkata tidak, hanya sekadar menalifon dan bertanya khabar. Setelah diteruskan selama beberapa minggu, didapati mereka juga agak gembira untuk menerima panggilan saya. Jika pada awalnya talifon diangkat selepas beberapa deringan yang lama, kini ia terus diangkat setelah deringan yang pertama.

Perkara ini saya lakukan sehingga tamat latihan, iaitu selama kira-kira dua tahun. Sehingga kini saya masih berhubung dengan mereka pada kadar sekali seminggu. Hanya saja saya memandu untuk menziarahi mereka dan tidak sekadar menalifon.

Kedua: Tahap Yang Melebihi Kebiasaan.

Berbuat *ihsan* kepada ibubapa tidak memadai dengan panggilan talifon atau surat-menyrat sahaja. Hendaklah ia ditingkatkan kepada sesuatu yang lebih tinggi nilainya, iaitu dengan menziarahi mereka.

Apabila dikatakan menziarahi ibubapa, ia tidaklah

Menziarahi ibubapa yang dimaksudkan hendaklah dilakukan tanpa apa-apa sebab lain kecuali untuk menziarahi mereka. Ketika menziarah, seluruh perhatian kita ditumpukan kepada mereka dengan memerhatikan apa-apa keperluan mereka.

sekadar balik kampung sempena hari perayaan atau hari cuti awam. Ini kerana dalam ketika tersebut, anak-anak lazimnya balik kampung bukan kerana ibubapa tetapi lebih kerana musim perayaan atau melepaskan tekanan (*stress*) kehidupan harian. Berapa ramai di antara kita yang balik kampung hanya memberikan tumpuan yang minimum kepada ibubapa manakala selebihnya ditumpukan untuk tidur sehingga siang hari, memancing di lombong, mandi di sungai dan berjumpa “kekasih lama” zaman persekolahan?

Justeru menziarahi ibubapa yang dimaksudkan hendaklah dilakukan tanpa apa-apa sebab lain kecuali untuk menziarahi mereka. Ketika menziarah, seluruh perhatian kita ditumpukan kepada mereka dengan memerhatikan apa-apa keperluan mereka. Ingat, disebabkan kasih sayang dan kegembiraan ibubapa yang menerima kunjungan kita, mereka lazimnya akan menyembunyikan apa-apa keperluan demi enggan memberatkan kita.

Keperluan tersebut mungkin adalah tangan sengal-sengal yang perlu diurut, ubat Panadol yang sudah habis, barang runcit harian yang perlu ditambah, bilik air yang perlu dibasuh, laman rumah yang perlu disapu daun-daunnya, basikal yang perlu diminyakkan, bumbung rumah yang perlu ditampal atau membawa mereka berjalan, sama ada bersiar-siar “makan angin” dalam kereta sendiri atau mengunjungi sahabat handai yang lama.

Adakah keperluan tersebut adalah sesuatu yang

tidak kita jangkakan. Contoh paling lazim adalah bersempang-sembang bersama ibubapa. Disebabkan kehidupan yang agak sunyi, antara perkara yang amat disukai dan dinanti-nantikan oleh ibubapa ialah seseorang untuk mereka bersempang-sembang. Maka luangkanlah masa untuk mendengar apa yang ingin mereka cerita, perasaan yang ingin mereka kongsikan dan pandangan yang ingin mereka sampaikan.

Menziarahi ibubapa sebagaimana yang dimaksudkan di atas hendaklah dilakukan pada kekerapan yang tertentu. Kadar yang dicadangkan adalah sekali setiap bulan, seperti pada hari Sabtu dan Ahad yang pertama setiap bulan. Jika mampu dilakukan pada kadar yang lebih kerap, sudah tentu ia adalah lebih baik.

Semua ini tentu sahaja memerlukan pengorbanan yang lebih besar daripada kita. Ia memerlukan pengorbanan kewangan seperti membayar tiket bas atau keretapi, membayar duit minyak kereta, tol dan sebagainya. Ia juga memerlukan pengorbanan masa dan tenaga dalam rangka memerhati dan memenuhi keperluan-keperluan ibubapa. Sekalipun semua pengorbanan ini nampaknya besar dan berat, ketahuilah bahawa ia masih tidak dapat menandingi pengorbanan yang pernah dilakukan oleh ibubapa kepada kita sebelum ini. Maka apa yang saya sebutkan di atas masih belum mencapai nilai *ihsan* yang sebenarnya, ia hanya mendekatinya.

Ketiga: Tahap Genting.

Menjadi ciri-ciri manusia apabila umur mereka semakin meningkat melepas batas tertentu, kesihatan mereka semakin berkurang sehingga akhirnya meninggal dunia. Hanya batas, kadar dan jenis pengurangan tersebut yang berbeza-beza antara manusia. Ada manusia yang sentiasa sihat hingga ke umur 70, kemudian barulah kesihatannya berkurangan manakala ada manusia lain yang waktu sihatnya hanya hingga ke umur 40, kemudian mula mengalami gangguan kesihatan. Penyakit yang mengurangi kesihatan manusia juga saling berbeza-beza seperti sakit jantung, sakit kencing manis, sakit kanser, sakit tulang, sakit lupa atau semata-mata sakit tua.

Semua ini adalah ciri-ciri manusia sebagaimana yang ditetapkan oleh Penciptanya, iaitu Allah Subhanahu wa Ta'ala:

Wahai umat manusia, sekiranya kamu menaruh syak (ragu-ragu) tentang kebangkitan makhluk (hidup semula pada Hari Kiamat), maka (perhatilah kepada tingkatan kejadian manusia) kerana sebenarnya Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitik air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari sekutul

Cuba fikirkan, bukankah semasa kita masih kecil, ibubapa juga telah melakukan pengorbanan yang sama apabila kita sakit? Bukankah mereka juga telah mengambil cuti daripada tempat kerja untuk membawa kita berjumpa doktor, mengeluarkan belanja untuk membeli ubat dan bersikap penuh kasih sayang terhadap pelbagai keranah kita?

daging yang disempurnakan kejadiannya dan yang tidak disempurnakan; (Kami jadikan secara yang demikian) kerana Kami hendak menerangkan kepada kamu (kekuasaan Kami); dan Kami pula menetapkan dalam kandungan rahim (ibu yang mengandung itu) apa yang Kami rancangkan hingga ke suatu masa yang ditentukan lahirnya;

Kemudian Kami mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian (kamu dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan (semasa kecil atau semasa dewasa) dan ada pula yang dilanjutkan umurnya ke peringkat tua nyanyuk sehingga dia tidak mengetahui lagi akan sesuatu yang telah diketahuinya dahulu. [al-Hajj 22:05]

Ibubapa kita tidak terlepas daripada ketentuan ini. Apabila mereka melepassi umur tertentu, kesihatan mereka pasti semakin berkurang sehingga mungkin mencapai tahap kegentingan. Pada ketika inilah pengorbanan anak-anak sangat diperlukan.

Pengorbanan mungkin diperlukan dalam bentuk mengambil cuti kecemasan untuk membawa mereka menemui doktor, menemani mereka di wad hospital atau membawa mereka dari kampung ke rumah sendiri untuk diberi jagaan rapi 24 jam. Selain itu pengorbanan juga wujud dalam bentuk mengeluarkan belanja untuk menampung kos perubatan,

“mengotorkan” tangan untuk menjaga kebersihan mereka dan bersabar dalam menghadapi apa-apa kerentahan tambahan yang mungkin muncul daripada mereka.⁵⁶

Semua pengorbanan di atas sudah tentu memberatkan. Oleh kerana itulah ia dinamakan “pengorbanan”. Akan tetapi cuba fikirkan, bukankah semasa kita masih kecil, ibubapa juga telah melakukan pengorbanan yang sama apabila kita sakit? Bukankah mereka juga telah mengambil cuti daripada tempat kerja untuk membawa kita berjumpa doktor, mengeluarkan belanja untuk membeli ubat dan bersikap penuh kasih sayang terhadap pelbagai kerentahan kita?

Maka kini adalah giliran kita untuk berkorban kepada mereka. Janganlah diserahkan pengorbanan ini kepada ahli keluarga yang lain. Saling serah menyerah lazimnya menyebabkan ibubapa terbiar begitu sahaja. Sebaliknya teruslah membuka diri untuk berkorban menjaga mereka. Seandainya ahli keluarga yang lain datang membantu, anggaplah ia sebagai kemudahan tambahan.

Di samping itu ingin dibetulkan salah faham bahawa kononnya apabila seorang anak perempuan telah menikah, tanggungjawabnya untuk berbuat baik berpindah daripada

⁵⁶ “Cegah Sebelum Parah”, demikian slogan yang biasa dilaungkan. Maka merupakan satu tindakan yang baik jika kita mengambil inisiatif sendiri membawa ibubapa untuk menjalani pemeriksaan kesihatan (*medical check up*) setiap setahun sekali. Pemeriksaan yang terperinci seperti *ultrasound*, *x-ray* dan sebagainya akan dapat mengesan apa-apa penyakit pada tahap yang awal sehingga memudahkan proses perawatannya.

ibubapanya kepada suaminya. Sebenarnya seorang anak perempuan tetap memiliki tanggungjawab terhadap ibubapanya sama ada dia belum atau sudah menikah. Hanya sahaja setelah bernikah, dia perlu membahagikan perhatiannya dengan adil antara ibubapanya dan suami serta anak-anaknya. Demikian juga bagi seorang anak lelaki yang sudah bernikah, dia juga perlu membahagikan perhatiannya dengan adil antara ibubapanya dan isteri serta anak-anaknya. Pada waktu yang sama masing-masing pasangan suami-isteri hendaklah saling bertimbang rasa dan berkorban seandainya salah seorang daripada mereka perlu meluangkan tumpuan yang lebih kepada ibubapa yang memerlukannya.

Demikian tiga tahap bagi kita sebagai anak mengimbangi antara berkorban untuk berbuat *ihsan* kepada ibubapa dan meneruskan urusan kehidupan sehari-harian. Perlu diingatkan bahawa tiga tahapan yang saya sebutkan di atas hanyalah untuk mencapai berbuat *ihsan* kepada ibubapa pada kadar yang paling minima. Perkataan *ihsan* tidak memiliki batas maksima, oleh itu perbuatan *ihsan* kita kepada ibubapa juga tidak sepatutnya memiliki batas maksima. Justeru kita hendaklah mencari ruang tambahan yang lain untuk berbuat *ihsan* yang setinggi-tingginya kepada ibubapa.

Lima langkah berbuat baik kepada ibubapa semasa mereka masih hidup:

1. Memaafkan ibubapa.
2. Meminta pertolongan Allah.
3. Memahami ibubapa.
4. Merendahkan diri kepada ibubapa.
5. Mengorbankan diri untuk ibubapa.

*D: Berbuat Baik Kepada Ibubapa Setelah
Mereka Meninggal Dunia.*

Allah Subhanahu wa Ta'ala Maha Mengetahui bahawa ada di kalangan kita, anak-anak yang tidak tahu, tidak sempat atau tidak mampu berbuat baik kepada ibubapa ketika mereka berdua masih hidup. Justeru selari dengan sifat-Nya yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, Allah membuka ruang kepada

kita untuk tetap berkesempatan berbuat baik kepada ibubapa setelah mereka meninggal dunia. Tidak ketinggalan, berdasarkan Rahmat-Nya yang amat

luas, Allah juga memberi ruang kepada kita yang telah berbuat baik kepada ibubapa ketika masa hidup mereka menyambung berbuat demikian setelah mereka meninggal dunia.

Oleh itu pada **Bahagian D** ini, kita akan memberi tumpuan kepada ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang menerangkan cara-cara berbuat baik kepada ibubapa setelah mereka meninggal dunia. Namun sebelum itu, terdapat dua perkara penting yang perlu diterangkan:

Pertama:

Apabila salah seorang atau kedua-dua ibubapa meninggal dunia, mereka memasuki *Alam Barzakh* yang amat berbeza daripada alam dunia. Malah perbezaannya adalah sesuatu yang tidak dapat dinalar oleh akal atau dianalisa oleh ilmu pengetahuan. Ia adalah satu alam yang ghaib.

Justeru apabila ibubapa memasuki alam ini, kita tidak

Allah Maha Mengetahui bahawa ada di kalangan kita, anak-anak yang tidak tahu, tidak sempat atau tidak mampu berbuat baik kepada ibubapa ketika mereka berdua masih hidup. Justeru Allah membuka ruang kepada kita untuk tetap berkesempatan berbuat baik kepada ibubapa setelah mereka meninggal dunia.



dapat mengetahui apa yang baik dan apa yang buruk untuk mereka melainkan berdasarkan petunjuk wahyu, yakni al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Ilham tok syaikh, kasyaf pak lebai, mimpi tok wali dan petua ustaz tidak dapat mengganti

petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah.

Suasana sedih yang meliputi anak-anak yang baru kehilangan ibubapnya dimanfaatkan sepenuhnya oleh syaitan dengan memberi pelbagai ilham, kasyaf dan mimpi agar anak-anak tersebut melakukan amal-amal bid'ah dan kurafat, konon untuk kebaikan *arwah* ibubapa.

Manhaj *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* adalah kita menerima ilham, kasyaf dan mimpi asalkan ianya selari dengan petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Ilham, kasyaf dan mimpi yang menepati syarat ini memang sedikit manakala majoriti yang lain menyalahinya. Malah kemungkinan besar ia adalah mainan syaitan. Ini kerana suasana sedih yang meliputi anak-anak yang baru kehilangan ibubapa dimanfaatkan sepenuhnya oleh syaitan dengan memberi pelbagai ilham, kasyaf dan mimpi agar anak-anak tersebut melakukan amal-amal bid'ah dan kurafat, konon untuk kebaikan *arwah* ibubapa. Berwaspadalah akan strategi syaitan ini.

Oleh itu hendaklah kita memiliki iktikad yang benar lagi tulen dalam bab ini. Lakukanlah apa yang benar-benar bermanfaat kepada ibubapa berdasarkan pengkhabaran daripada yang akan memberi manfaat itu sendiri, yakni Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Tinggalkanlah apa yang disangkakan

dapat memberi manfaat kerana yang mengkhabarkannya sendiri tidak dapat menjamin manfaat kepada sesiapa, termasuk kepada dirinya.

Kedua:

Tidak berlebihan jika dikatakan bahawa sebahagian besar anak-anak masa kini meremehkan peluang berbuat baik kepada ibubapa ketika mereka masih hidup. Anak-anak hanya membiarkan ibubapa di kampung sementara mereka sibuk mengejar kehidupan sendiri. Anak yang belajar sibuk mengejar ijazah, anak yang lulus sibuk mengejar kelulusan Master dan PhD, anak yang bekerja sibuk mengejar kedudukan dan kenaikan gaji, anak yang sudah memegang duit sibuk mencari jalan memperbanyakannya manakala anak yang sudah berumahtangga sibuk memanjakan anak.

Apabila ibubapa “tiba-tiba” meninggal dunia, timbul perasaan sedih, kesal dan rugi yang amat sangat di dalam diri anak-anak. Perasaan ini menyebabkan mereka tercari-cari cara untuk “membayar balik” kesalahan mereka yang meremehkan ibubapa ketika mereka masih hidup.

Apabila ibubapa “tiba-tiba” meninggal dunia, timbul perasaan sedih, kesal dan rugi yang amat sangat di dalam diri anak-anak. Perasaan ini menyebabkan mereka tercari-cari cara untuk “membayar balik” kesalahan mereka yang meremehkan ibubapa ketika mereka masih hidup. Namun oleh kerana jahil terhadap petunjuk agama, mereka melakukan apa yang biasa

dilakukan oleh orang ramai, iaitu melaksanakan kenduri arwah pada malam-malam tertentu. Tidak aneh bahawa orang ramai yang dijadikan ikutan juga sedang melalui pengalaman yang sama, iaitu ingin “membayar balik” kesalahan meremehkan ibubapa sendiri ketika mereka masih hidup.

Jika kita menganalisa fenomena kenduri arwah, ia memiliki beberapa kesalahan dan kerugian, seperti:

Analisa Pertama:

Berhimpun atau menghimpunkan orang ramai bersama jamuan makan di rumah keluarga yang kematian seseorang, dalam kes ini ibubapa, adalah satu bentuk meratap kematian yang dilarang oleh agama. Jabir bin Abdillah *radhiyallahu anh* berkata:

*Kami (para sahabat) memandang berkumpul di rumah keluarga yang ditimpa kematian dengan membuat makanan termasuk dalam perbuatan merataq.*⁵⁷

Meratap kematian adalah satu perbuatan yang bukan berasal daripada Islam. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

⁵⁷ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Ibn Majah dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Ibn Majah* – hadis no: 1612 (*Kitab al-Jana'iz, Bab berkenaan larangan berhimpun di rumah keluarga si mati*).

*Empat perkara yang dilakukan oleh umatku yang berasal daripada tradisi Jahiliyyah yang belum mereka tinggalkan: berbangga-bangga dengan keturunan, mencela keturunan, mempercayai hujan turun berdasarkan ramalan bintang dan meratapi kematian.*⁵⁸

Jika perbuatan ini diteruskan, maka akibatnya adalah amat berat. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menegaskan:

*Dua hal yang ada pada manusia yang kedua-duanya menyebabkan mereka kufur: mencela keturunan dan meratapi kematian.*⁵⁹

Selain dari itu perbuatan meratapi kematian akan menjemput syaitan ke dalam rumah. Ketika suaminya meninggal dunia, Umm Salamah dan seorang wanita lain berhasrat untuk meratapinya dengan cara menangis

⁵⁸ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya* – hadis no: 934 (*Kitab al-Jana'iz, Bab amaran daripada meratap*).

⁵⁹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya* – hadis no: 67 (*Kitab al-Iman, Bab menggunakan gelaran “Kufur” ke atas orang yang mencela nasabnya dan meratapi kematian*).

berlebih-lebihan.⁶⁰ Melihat yang sedemikian Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menegur:

!! !! !!!!!!!! !! !! !

Apakah kamu ingin memasukkan syaitan ke dalam rumah yang telah Allah mengeluarkan syaitan itu daripadanya? (diulangi dua kali). Lalu Umm Salamah tidak meratapi kematian suaminya.⁶¹

Meratapi kematian wujud dalam pelbagai bentuk dan ia tidak terhad kepada menangis secara berlebih-lebihan. Antara bentuk meratapi kematian adalah berhimpun di rumah keluarga yang ditimpa kematian bersama jamuan makan, seperti hadis pertama di atas. Pada masa kini, ia sinonim dengan majlis kenduri arwah yang dilakukan oleh masyarakat kita, sama ada di rumah ahli keluarga yang ditimpa kematian, rumah saudara kepada ahli keluarga yang ditimpa kematian atau di surau dan masjid.

Analisa Kedua:

⁶⁰ Yang dimaksudkan adalah menangis sambil menjerit-jerit, memukul-mukul muka, menarik-narik baju dan lain-lain perbuatan yang berlebih-lebihan. Adapun menangis sekadar mengalirkan air mata, maka ia dibolehkan kerana Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* juga mengalirkan air matanya apabila anaknya Ibrahim meninggal dunia.

⁶¹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya* – hadis no: 922 (*Kitab al-Jana'iz, Bab menangis berlebih-lebihan ke atas mayat*)..

Anak yang ditinggalkan ibubapa adalah anak yatim dan haram hukumnya untuk menggunakan harta mereka untuk perbuatan sia-sia lagi dilarang oleh agama. Jamuan kenduri arwah dengan wang ringgit yang sepatutnya menjadi milik anak sebenarnya adalah jamuan api neraka.

Apabila satu keluarga ditimpa kematian, dalam kes ini kematian ibubapa, yang dituntut adalah orang ramai membantu keluarga tersebut dengan memberi makanan. Ketika melihat jenazah Ja'far yang gugur dalam peperangan, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

!!!! !!!!! !!!! !!!!! !!!! !!!! !!!! !
!!!!!!

Buatkanlah makanan untuk ahli keluarga Ja'far kerana mereka telah ditimpa sesuatu yang menyibukkan mereka.⁶²

Namun apa yang berlaku masa kini adalah sebaliknya. Ahli keluarga yang ditimpa kematian terpaksa bersusah payah membuat kenduri arwah. Keadaan menjadi lebih berat apabila kos pembiayaan kenduri arwah diambil daripada harta peninggalan ibubapa yang meninggal dunia, padahal harta tersebut sepatutnya menjadi milik anak demi manfaat masa depan mereka.

Anak yang ditinggalkan ibubapa adalah anak yatim dan

⁶² **Hasan:** Dikeluarkan oleh Ibn Majah dan dinilai hasan oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Ibn Majah* – hadis no: 1610 (*Kitab al-Jana'iz, Bab menghantar makanan ke rumah keluarga si mati*).

haram hukumnya untuk menggunakan harta mereka untuk perbuatan sia-sia lagi dilarang oleh agama. Jamuan kenduri arwah dengan wang ringgit yang sepatutnya menjadi milik anak sebenarnya adalah jamuan api neraka. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu hanyalah menelan api ke dalam perut mereka; dan mereka pula akan masuk ke dalam api neraka yang menyala-nyala. [al-Nisa 4:10]

Sebahagian orang ada yang cuba menipu dirinya sendiri dengan berkata kepada keluarga yang ditimpa kematian: "Buatlah kenduri arwah. Kami akan sediakan makanan dan membayai kosnya melalui syarikat *catering*." Ini hanyalah satu helah kerana:

1. Ia tetap menyalahi sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dimana makanan yang sepatutnya disediakan adalah untuk keluarga yang ditimpa kematian dan bukannya hadirin kenduri arwah.
2. Sekalipun makanan disediakan oleh pihak lain, ia tetap menyusahkan ahli keluarga yang ditimpa kematian kerana mereka perlu bersiap sedia mengurus majlis kenduri arwah.
3. Dengan cara apa sekalipun, perhimpunan kenduri

arwah tetap merupakan ratapan kematian yang dilarang oleh Islam.

Analisa Ketiga:

Apa-apa ibadah yang dilakukan, ia hendaklah ikhlas kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* tanpa mengharapkan apa-apa pujian dan imbalan. Ibadah yang dilakukan dengan harapan kepada sesuatu selain Allah, maka ia adalah syirik kepada Allah. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda, sesungguhnya Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman (yakni Hadis Qudsi):

!! !!!!! !!!!!!! !! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!!

Aku tidak memerlukan sekutu dalam segalanya. Sesiapa yang mengamalkan sesuatu amalan, lalu dia menyekutukan-

Orang ramai yang menghadiri kenduri arwah, antara sebab mereka hadir ialah jamuan makan yang dihidangkan. Tak percaya? Cuba anjurkan kenduri arwah dengan hidangan

⁶³ *air singap dan kenepek*. Sunnah. Diketarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya* – hadis no: 2985 (*Kubib al-Zuhud wa al-Riq'a iq*, Bab sesiapa yang menyekutukan amalannya dengan selain Allah).

*Ku dalam amalnya dengan selain-Ku, maka Aku tinggalkan amalnya itu padanya dan pada sekutunya.*⁶³

Ahli keluarga yang melakukan

kenduri arwah, antara sebab mereka melakukannya, malah mungkin merupakan sebab utama, adalah pandangan masyarakat. Jika mereka tidak melakukannya, pasti masyarakat memandang serong dan berkata: "Itulah anak-anak *Wahabi* yang tidak sayangkan ibubapanya." Maka demi menjaga kedudukan di sisi masyarakat, kenduri arwah dilakukan.

Orang ramai yang menghadiri kenduri arwah, antara sebab mereka hadir ialah jamuan makan yang dihidangkan. Tak percaya? Cuba anjurkan kenduri arwah dengan hidangan air sirap dan kerepek ubi. Nescaya yang hadir hanya beberapa orang.

Orang ramai yang membaca surah Yasin dan zikir dengan mengharapkan jamuan nasi minyak dan rendang tok, mereka sebenarnya beribadah dengan mengharapkan imbalan. Mereka tidak mendapat apa-apa pahala daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, lalu apa manfaatnya mereka mensedekahkan pahala yang sifar kepada si mati?

Analisa Keempat:

Kematian lazim berlaku pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, akan tetapi baginda tidak pernah menganjurkan kenduri arwah dengan ulangan pada hari dan tahun tertentu. Ia tidak diajar oleh al-Qur'an dan tidak disunnahkan oleh Rasulullah *shallallahu*

'alaihi wasallam, sekalipun melalui hadis yang tidak sahih. Seandainya ia bermanfaat, nescaya Allah dan Rasul-Nya akan menganjurkannya dan ia menjadi amalan para sahabat *radhiallahu 'anhum*. Memandangkan Allah dan Rasul-Nya tidak menganjurkannya, bererti ia adalah amalan yang tidak bermanfaat, sama ada kepada arwah yang meninggal dunia, ahli keluarga yang melakukannya dan orang ramai yang menghadirinya.

Analisa Kelima:

Melakukan kenduri arwah akan memberi pengaruh kepada ahli keluarga yang ditimpa kematian, dalam kes ini anak-anak, bahawa mereka telah melakukan apa yang sepatutnya kepada ibubapa yang telah meninggal dunia. Kesan ini menimbulkan rasa kecukupan sehingga dianggap tidak perlu melakukan apa-apa yang lain (*I've done what I'm supposed to do*). Ini menyebabkan apa yang benar-benar bermanfaat kepada ibubapa yang telah meninggal dunia tidak dilaksanakan oleh anak-anak. Malah bukan sahaja tidak dilaksanakan, ia juga tidak diketahui langsung. Benarlah kata hikmah seorang tokoh tabi'in yang bernama Hasan bin 'Athiyah *rahimahullah*: "Tidaklah satu kaum mencipta satu bid'ah dalam agama mereka melainkan Allah mencabut daripada sunnah (Nabi) mereka sesuatu yang semisalnya, kemudian

tidaklah ia dikembalikan kepada mereka sehingga pada hari Kiamat.”⁶⁴ Lahirnya bid’ah kenduri arwah dan acara-acara berkaitan dengannya menyebabkan tenggelamnya sunnah-sunnah Rasulullah *shallallahu ’alaihi wasallam* yang benar-benar bermanfaat kepada ibubapa setelah mereka meninggal dunia.

Hendaklah para pembaca sekalian bersikap jujur kepada diri sendiri dalam menganalisa poin-poin yang saya sebutkan di atas. Jika dirasakan ianya tidak benar, maka teruskanlah berkenduri arwah. Akan tetapi jika dirasakan benar, maka tinggalkan ia tanpa mengambil kira penilaian orang ramai. Bahkan mungkin tindakan anda akan memberanikan mereka untuk turut meninggalkan kenduri arwah. Ini kerana orang ramai melakukan kenduri arwah kerana penilaian masyarakat juga. Berikut diterangkan cara sebenar berbuat baik kepada ibubapa setelah mereka meninggal dunia.

Pertama: Mengurus Jenazah Ibubapa.

Apabila salah seorang atau kedua-dua ibubapa meninggal dunia, hendaklah kita sebagai anak memastikan jenazah mereka diuruskan secepat mungkin. Pengurusan

⁶⁴ **Sanad Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Darimi dan sanadnya dinilai sahih oleh Husain Salim Asad dalam semakannya ke atas *Musnad al-Darimi* – hadis no: 99 (*Muqaddimah, Bab mengikuti al-Sunnah*)

jenazah terdiri daripada:

1. Memandikan jenazah.
2. Mengkafan jenazah.
3. Mensolatkan jenazah.
4. Mengkebumikan jenazah.

Sekalipun proses pengurusan jenazah dilakukan oleh orang-orang yang terlatih dalamnya, adalah utama jika kita dapat turut serta. Jika tidak tahu apa dan bagaimana caranya untuk turut serta, maka sekarang

Sekalipun proses pengurusan jenazah dilakukan oleh orang-orang yang terlatih dalamnya, adalah utama jika anak-anak dapat turut serta. Jika tidak tahu apa dan bagaimana caranya untuk turut serta, maka sekarang adalah masa yang tepat untuk mula mencari ilmu tentang pengurusan jenazah.

adalah masa yang tepat untuk mula mencari ilmu tentang pengurusan jenazah. Setiap daripada proses pengurusan jenazah memiliki petunjuk daripada al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih sehingga ia memerlukan buku yang berasingan untuk menerangkannya. Saya tidak akan menerangkannya dalam buku ini, sebaliknya mengesyorkan untuk mendapatkan buku *Ahkam al-Jana'iz wa Bid'ha* oleh

Muhammad Nashr al-Din al-Albani *rahimahullah*.⁶⁵

⁶⁵ Kitab ini memiliki dua edisi terjemahan:

Kedua: Melunaskan Hutang Ibubapa.

Apabila ibubapa meninggal dunia, hendaklah kita menyemak sama ada mereka memiliki hutang yang belum dilunaskan. Hutang tersebut terbahagi kepada dua jenis:

Hutang Harta Benda:

Hutang seperti ini akan menawan ibubapa yang meninggal dunia sehingga ia dilunaskan. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah bersabda kepada Sa'ad ibn al-Atswal *radhiallahu 'anh* yang baru kematian saudaranya:

!!!!!! *y*!!!!!! !!! !!! !! !!! !

***Saudara kamu tertahan disebabkan hutangnya,
oleh itu pergilah engkau melunasinya.***⁶⁶

Jika kita tidak mampu membayarnya, maka ia menjadi tanggungjawab negara. Jika negara enggan melaksanakan tanggungjawab tersebut, maka hendaklah umat Islam saling membantu untuk melunasinya. Pilihan lain ialah berjumpa dengan pihak yang dihutang dan berbincang dengan mereka, mudah-mudahan mereka memansuhkan hutang tersebut atau

-
1. *Tuntutan Lengkap Mengurus Jenazah* yang diterbitkan oleh Gema Insani Press, Jakarta, 1999.
 2. *Hukum & Tatacara Mengurus Jenazah Mengikut al-Qur'an & as-Sunnah* yang diterbitkan oleh Pustaka Imam Asy-Syafi'e, Bogor, 2005.

⁶⁶ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Ibn Majah dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Ibn Majah* – hadis no: 2433 (*Kitab al-Ahkam, Bab membayar hutang orang yang meninggal dunia*).

memberi jalan lain yang lebih mudah.

Menyentuh tentang hutang dan harta, janganlah kita merasa berat untuk melaksanakannya. Janganlah hal ini dipandang sebagai "membayar hutang orang lain" tetapi pandanglah ia sebagai "membuat pelaburan dengan Allah".

Hutang Ibadah:

Jika ibubapa memiliki hajat untuk melaksanakan sesuatu ibadah lalu mereka tidak sempat kerana meninggal dunia, maka kita boleh melaksanakan ibadah tersebut. 'Abd Allah ibn 'Abbas *radhiyallahu 'anhuma* menerangkan:

!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!! ! !!!!! !!!! ! !!!!! !!!!!!!
!!!!
! !


Bahawa seorang wanita daripada Juhainah datang menemui Nabi shallallahu 'alaihi wasallam dan berkata: "Sesungguhnya ibuku bernazar untuk melaksanakan haji akan tetapi dia tidak sempat melaksanakan haji tersebut sehingga dia meninggal dunia. Apakah boleh aku melaksanakan haji tersebut untuknya?"

Rasulullah menjawab: "Ya, hajikanlah dia. Apa pandangan kamu jika ibu kamu memiliki hutang, adakah kamu juga akan melunasinya? Lunaskanlah untuk Allah kerana (hutang kepada) Allah adalah lebih berhak untuk

dilunasi.”⁶⁷

Ketiga: Melaksanakan Rancangan Atau Janji Ibubapa.

Jika ibubapa memiliki rancangan tertentu dan mereka tidak sempat melaksanakannya, kita sebagai anak boleh melaksanakannya dan ganjaran kebaikan akan mengalir kepada ibubapa dan juga kita. Jabir bin ‘Abd Allah *radhiallahu ‘anh* menerangkan:



Nabi shallallahu ‘alaihi wasallam pernah berkata: “Apabila datang harta dari Bahrain nescaya aku akan memberi engkau sekian-sekian.” Namun harta dari

⁶⁷ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya* – hadis no: 1852 (*Kitab al-Hajj, Bab menunaikan nazar haji untuk yang meninggal dunia*).

Bahrain tidak datang sehingga Nabi shallallahu 'alaihi wasallam wafat.

Ketika harta dari Bahrain sampai, Abu Bakar (radhiallahu 'anh) memerintahkan seseorang menyeru: "Sesiapa yang memiliki janji atau hutang dengan Nabi shallallahu 'alaihi wasallam datanglah kepada kami."

Maka aku datang dan berkata: "Sesungguhnya Nabi shallallahu 'alaihi wasallam berjanji kepada aku sekian-sekian." Maka dia memberi aku satu genggaman dan aku menghitungnya, ternyata jumlahnya lima ratus (dirham). Dia berkata: "Ambillah lagi seumpamanya."⁶⁸

Dalam hadis di atas, janji Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam kepada Jabir dilaksanakan oleh Abu Bakar radhiallahu 'anh sebagai pemerintah pada saat itu. Dalam kesibukannya, janji atau rancangan mereka boleh dilaksanakan oleh anak-anaknya.

Keempat: Melakukan Kebaikan Yang Disyari'atkan.

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

⁶⁸ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya* – hadis no: 2296 (*Kitab al-Kafalah, Bab orang yang bertanggungjawab untuk menunaikan hutang si-mati...*).

Dan bahwa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya. [al-Najm 53:39]

Seorang anak adalah hasil usaha ibubapanya sebagaimana sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

*Sesungguhnya sebaik-baik apa yang dimakan oleh seseorang ialah daripada hasil usahanya sendiri dan anaknya termasuk daripada hasil usahanya.*⁶⁹

Justeru apa jua kebaikan yang selari dengan syari'at yang dilakukan oleh kita sebagai seorang anak, seperti beribadah, bersedekah, *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* dan lainnya, maka ibubapa akan memperoleh ganjaran. Ganjaran tersebut akan diperolehi oleh ibubapa sama ada kita meniatkan atau tidak, kebaikan yang dilakukan itu kepada mereka.

Maka ibubapanya akan memperoleh ganjaran.

Apa jua kebaikan yang selari dengan syari'at yang dilakukan oleh anak-anak, seperti beribadah, bersedekah, amar ma'ruf dan nahi mungkar dan selainnya, maka ibubapanya akan memperoleh ganjaran.

Antara contoh kebaikan yang memberi manfaat kepada ibubapa ialah apabila kita “mengambil al-Qur'an” sebagaimana

⁶⁹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud* – hadis no: 3528 (*Kitab al-Buyu'*, Bab berkenaan seorang yang makan daripada harta anaknya).

hadis berikut daripada Buraidah *radhiallahu 'anh*:

Aku duduk di sisi Nabi shallallahu 'alaihi wasallam, lalu aku mendengar baginda bersabda: "Pelajarilah surah al-Baqarah kerana mengambilnya merupakan keberkatan, meninggalkannya merupakan kerugian dan orang yang suka membuat kebatilan tidak akan mampu mengilmuinya." Kemudian baginda diam sesaat, lalu bersabda:

"Pelajarilah surah al-Baqarah dan Ali Imran kerana kedua-duanya adalah al-Zahrawan yang menaungi orang yang memilikinya pada Hari Kiamat, seakan-akan dua gumpalan awan atau dua barisan burung.

Sesungguhnya al-Qur'an akan menemui pemiliknya pada Hari Kiamat ketika dia dibangkitkan daripada kuburnya seperti seseorang yang berkulit kuning, lalu dikatakan kepadanya: "Adakah kamu mengenal aku?" Dia menjawab: "Aku tidak mengenal engkau." Dikatakan (lagi) kepadanya: ""Adakah kamu mengenal aku?" Dia menjawab: "Aku tidak mengenal engkau." Lalu dikatakan: "Aku adalah sahabat kamu: al-Qur'an, yang telah membuat kamu kehausan pada siang hari dan menyebabkan kamu tidak tidur pada malam hari. Sesungguhnya setiap pedagang berada di belakang barang dagangannya sedangkan kamu pada hari ini

berada di belakang semua barang dagangan.”⁷⁰

Lalu dia diberi kerajaan dari arah kanannya, diberi keabdiān dari sebelah kirinya, diletakkan di atas kepalanya mahkota kebesaran dan ibubapanya dikenakan pakaian yang membuatkan seluruh penduduk dunia berdiri menghormati mereka berdua. Maka mereka berdua bertanya:

!!!!!! ﴿ !!!!!!! !!!!! !! !!!!!!! !!!!!!! ﴾ !!!

“Dengan apakah menyebabkan kami menerima semua ini?” Dijawab: “Dengan sebab anak kalian berdua yang mengambil al-Qur'an.”

*Kemudian dikatakan (kepada anak tersebut): “Bacalah (al-Qur'an) dan naiklah darjat-darjat syurga dan ruangan-ruangannya.” Dia terus naik selama membaca al-Qur'an sama ada secara cepat atau perlahan.*⁷¹

Dimaksudkan yang **“mengambil al-Qur'an”** adalah melaksanakan apa yang dituntut ke atas setiap orang Islam terhadap al-Qur'an, iaitu:

⁷⁰ Ini adalah satu kiasan, bererti setiap orang berbangga dengan barang yang bernilai bagi dirinya manakala seorang pemilik al-Qur'an pada Hari Kiamat akan berbangga dengan barang yang paling bernilai di atas semua barang, iaitu al-Qur'an.

⁷¹ **Sanad Hasan:** Dikeluarkan oleh Ahmad dalam *Musnadnya* – hadis no: 22950 (bagi edisi 6 jld., rujuk jld. 5, ms. 348) dan sanadnya dinilai hasan oleh Syu'aib al-Arna'uth.

1. Beriman kepadanya.
2. Membacanya dengan disiplin tajwid.
3. Menelaahnya, yakni memerhati dan mengkaji kandungannya (*tadabbur*).
4. Mempraktikkannya dalam segala liku kehidupan.
5. Menyampaikannya sama ada untuk tujuan dakwah atau menegakkan hujah.
6. Membelanya daripada tuduhan orientalis dan penyelewengan segelintir umat Islam.

Apabila kita melaksanakan keenam-enam tuntutan di atas sekutu mampu, maka kita dikira telah "**mengambil al-Qur'an**" dan diberi kedudukan yang mulia di Hari Akhirat kelak. Kemuliaan ini juga kemudiannya dikurniakan kepada ibubapa kita sebagaimana yang dijelaskan dalam hadis di atas.⁷²

Contoh kebaikan lain yang dapat kita lakukan untuk ibubapa ialah bersedekah, seperti mana hadis berikut daripada 'Abd Allah ibn 'Abbas *radhiyallahu anhuma*:

!!!!!! !!!!!!! !!!! !!!!!!! ! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!!
!!!! y! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! y! !!!
!!!!

⁷² *Alhamdulillah*, saya telah menyusun sebuah buku khas yang menjelaskan perlaksanaan tuntutan-tuntutan di atas, berjudul *Marilah Berkenalan Dengan al-Qur'an* terbitan Jahabersa, Johor Bahru, 2005.

*Sesungguhnya datang seorang lelaki dan bertanya kepada Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam: "Sesungguhnya ibuku meninggal dunia, apakah bermanfaat untuknya jika aku bersedekah untuknya?" Rasulullah menjawab: "Ya." Lelaki itu lantas berkata: "Sesungguhnya aku memiliki sebuah kebun yang berbuah, maka saya persaksikan kepada engkau bahawa aku mensedekahkannya untuknya."*⁷³

Kelima: Meneruskan Apa Yang Baik dan Menghentikan Apa Yang Buruk.

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

!!!!!! !!!! y!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!!
!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!!
!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!!

Sesiapa yang memulakan dalam Islam sunnah yang baik lalu ia diamalkan selepas itu, ditulis untuknya (pahala) seperti pahala orang yang mengamalkannya

⁷³ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya* – hadis no: 2770 (*Kitab al-Wasiat, Bab jika diwakafkan tanah...*).

*tanpa dikurangkan pahala mereka (para pengamal itu) sedikit pun. Sesiapa yang memulakan dalam Islam sunnah yang jahat lalu ia diamalkan selepas itu ditulis untuknya (dosa) seperti dosa orang yang mengamalkannya tanpa dikurangkan dosa mereka (para pengamal itu) sedikit pun.*⁷⁴

Seandainya ibubapa pernah melakukan sesuatu yang bertentangan dengan syari'at dan mereka tidak sempat membetulkannya pada masa hidup, pastikan ia dibetulkan setelah mereka meninggal dunia.

Senafas dengan hadis di atas adalah:

!!!!!! !!!!!!! !!! !â! !!!! !!!
!! f !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!!
!!!!!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!!

Apabila seorang manusia meninggal dunia, terputuslah daripadanya amalannya kecuali tiga perkara: sedekah jariyahnya atau ilmunya yang dimanfaatkan atau anak

⁷⁴ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya* – hadis no: 1017 (*Kitab al-Zakat, Bab suruhan bersedekah sekalipun dengan setengah biji tamar...*).

Banyak berlaku salah faham terhadap hadis ini sehingga ia dijadikan dalil oleh sebahagian pihak untuk mencipta amalan-amalan yang baru. Untuk mengetahui maksud sebenar hadis ini, rujuk buku *Bid'ah Hasanah: Istilah Yang Disalah Fahami* oleh Asri Zainul Abidin, terbitan Jahabersa, Johor Bahru, 2005.

shalih yang mendoakannya.⁷⁵

Berdasarkan kedua-dua hadis di atas, jika ibubapa pada masa hidup pernah melakukan satu amalan yang disyari'atkan kepada masyarakat, maka hendaklah kita memastikan amalan tersebut terus dilaksanakan selepas mereka meninggal dunia. Sebagai contoh, jika ayah pernah mensedekahkan sejumlah naskah al-Qur'an kepada surau berhampiran untuk menjalankan kelas pengajian al-Qur'an, pastikan al-Qur'an tersebut dalam keadaan baik dan kelas pengajian diteruskan oleh ahli surau. Jika ibu pernah membuat kelas *tuition* secara percuma di rumah bagi budak-budak yang tidak berkemampuan, pastikan dicari dan dibayar seorang guru yang baru agar kelas *tuition* tersebut dapat diteruskan.

Akan tetapi seandainya ibubapa pernah melakukan sesuatu yang bertentangan dengan syari'at dan mereka tidak sempat membetulkannya pada masa hidup, hendaklah kita memastikan ia dibetulkan setelah mereka meninggal dunia. Sebagai contoh, seandainya ayah pernah menulis buku yang di dalamnya mengandungi kesalahan dan hal ini dikesan oleh kita, maka dalam cetakan akan datang perbetulkanlah kesalahan tersebut. Jika ibu pernah berselisih pendapat dengan seorang jiran sehingga menyenggung perasaan dia, maka pergilah berjumpa dengan jiran tersebut dan mohonlah maaf bagi pihak

⁷⁵ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya* – hadis no: 1631 (*Kitab al-Wasiyat, Bab apakah ganjaran yang diperolehi oleh manusia setelah dia meninggal dunia*).

ibu.

Keenam: Mendoakan Ibubapa.

Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

*Apabila seorang manusia meninggal dunia, terputuslah daripadanya amalannya kecuali tiga perkara: sedekah jariyahnya atau ilmunya yang dimanfaatkan atau anak shalih yang mendoakannya.*⁷⁶

Dalam sebuah hadis yang lain baginda juga bersabda:

!! !!!!!!! y!! !!! w!! y!! !!!!!!!!! !!!!!!!

*Sesungguhnya Allah 'Azza wa Jalla menaikkan
darjat seorang lelaki yang shalih di syurga, lalu dia
bertanya: "Wahai Tuhan! Kenapakah saya mendapat
kelebihan ini?" Dijawab: "Disebabkan permohonan*

⁷⁶ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya* – hadis no: 1631 (*Kitab al-Wasiyat, Bab apakah ganjaran yang diperolehi oleh manusia setelah dia meninggal dunia*).

ampun anak kamu kepada kamu.”⁷⁷

Doa keampunan kepada ibubapa yang boleh diamalkan adalah daripada al-Qur'an seperti mana yang dikemukakan sebelum ini:

“Wahai Tuhanku! Ampunkanlah bagiku, dan bagi kedua ibu bapaku, serta bagi sesiapa yang masuk ke rumahku dengan keadaan beriman; dan (ampunkanlah) bagi sekalian orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan; dan janganlah Engkau tambahi orang-orang yang zalim melainkan kebinasaan!” [Nuh 71:28]

Memandangkan hadis yang pertama menyebut doa seorang anak yang shalih secara umum, maka dianjurkan juga mendoakan rahmat kepada ibubapa sebagaimana berikut:

“Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikku semasa kecil.”
[al-Isra' 17:24]

Demikianlah dua doa yang diajarkan oleh al-Qur'an dan ia mencakupi dua perkara yang amat diperlukan oleh ibubapa setelah mereka meninggal dunia: keampunan dan rahmat daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Doa-doa ini boleh kita baca di mana-mana dan pada bila-bila masa. Ia tidak terhad kepada saat menziarahi kubur ibubapa.

⁷⁷ **Sanad Hasan:** Dikeluarkan oleh Ahmad dalam *Musnadhnya* – hadis no: 10610 (jld. 2, ms. 509) dan sanadnya dimilai Hasan oleh Syu'aib al-Arna'uth.

Ketujuh: Berhubung Dengan Orang Yang Dicintai Oleh Ibu Bapa.

Kebaikan yang terakhir adalah setinggi-tinggi kebaikan yang dapat dilakukan oleh seorang anak kepada ibubapanya yang telah meninggal. Hadisnya adalah seperti berikut:

Dalam satu perjalanan ke Mekah, 'Abd Allah ibn 'Umar radhiyallahu 'anhuma menemui seorang Arab Badui.

Lantas Ibn 'Umar mengucapkan salam kepada beliau, menaikkan beliau ke atas keldai yang tadi ditungganginya dan kemudian memberikan beliau serban yang sedang dipakainya. Ibn Dinar (yang menyaksikan perbuatan Ibn 'Umar) berkata kepadanya: "Semoga Allah memperlok keadaan kamu! Sesungguhnya mereka adalah orang Arab Badui dan sesungguhnya mereka sudah mencukupi dengan sesuatu yang sedikit." Maka Ibn 'Umar menjawab:

Hendaklah seorang anak yang ingin berbuat baik kepada ibubapanya menterjemahkan keinginan tersebut kepada menjalinkan hubungan silaturahim dan berbuat baik kepada sesiapa sahaja yang sebelum itu dicintai atau menjadi sahabat karib ibubapanya.

Hendaklah seorang anak yang ingin berbuat baik kepada ibubapanya menterjemahkan keinginan tersebut kepada menjalinkan hubungan silaturahim dan berbuat baik kepada sesiapa sahaja yang sebelum itu dicintai atau menjadi sahabat karib ibubapanya.



"Sesungguhnya ayah orang ini adalah sahabat yang amat dicintai oleh (ayahku) 'Umar bin al-Khatthab. Sesungguhnya aku mendengar Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Sesungguhnya bakti terbaik seorang anak ialah menghubung silaturahim dengan orang yang dicintai ayahnya."⁷⁸

Berdasarkan hadis di atas, hendaklah kita berbuat baik kepada ibubapa yang sudah meninggal dunia dengan menjalinkan hubungan silaturahim dan berbuat baik kepada sesiapa sahaja yang dicintai atau menjadi sahabat karib ibubapa semasa mereka masih hidup.

Demikian tujuh ruang berbuat baik kepada ibubapa yang dibuka oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepada kita setelah ibubapa meninggal dunia. Laksanakanlah ketujuh-tujuh perkara di atas, nescaya ia memanfaatkan ibubapa. Janganlah ditambah atau dikurangi, melainkan memiliki dalil yang sahih lagi jelas.⁷⁹

⁷⁸ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya* – hadis no: 2552 (*Kitab al-Birr wa al-Sholah wa al-Adab, Bab keutamaan berbuat baik kepada rakan ayah dan ibu*).

⁷⁹ Sebagai contoh, menziarahi kubur ibubapa tidak termasuk dalam rangka berbuat baik kepada ibubapa. Ini kerana menziarahi kubur kebaikannya adalah untuk penziarah dan bukan yang diziarahi. Lebih lanjut, hubungan orang Islam dengan kubur boleh dibahagikan kepada tiga:

Berbuat baik kepada ibubapa setelah mereka meninggal dunia:

1. Mengurus Jenazah Ibubapa.
2. Melunaskan Hutang Ibubapa.
3. Melaksanakan Rancangan Atau Janji Ibubapa.
4. Melakukan Kebaikan Yang Disyari'atkan.
5. Meneruskan Apa Yang Baik dan Menghentikan Apa Yang Buruk.
6. Mendoakan Ibubapa.
7. Berhubung Dengan Orang Yang Dicintai Oleh Ibubapa.

-
1. Sunnah dan disyari'atkan, iaitu apabila seseorang menziarahi kubur atas tujuan mengambil iktibar, melembutkan hati, menginsafkan diri dan mengingati kematian.
 2. Harus, iaitu apabila seseorang sekadar melintasinya seperti orang yang dalam perjalanan ke kerja, dia melalui tanah perkuburan.
 3. Bid'ah dan dilarang, iaitu apabila seseorang melakukan pelbagai kurafat di atas kubur seperti menuang air Yasin, menabur bunga, memacak payung, membaca al-Qur'an, mengambil berkat daripada ahli kubur, berdoa meminta pertolongan atau bertawasul kepada ahli kubur, menyembelih haiwan, memberi sajian makanan dan sebagainya.

Setiap Ibubapa Adalah Istimewa

Dengan segala rendah diri diakui, bahawa saya (penulis) bukanlah seorang anak yang mencapai kesempurnaan dalam berbuat baik kepada ibubapa saya. Malah mungkin lebih tepat jika dikatakan saya masih jauh daripada kesempurnaan tersebut. Saya sendiri memiliki cabaran-cabaran tersendiri yang sebahagiannya ringan dan sebahagian lagi berat. Tujuan utama penulisan buku ini adalah sebagai peringatan dan daya penggerak kepada diri saya sendiri agar lebih gigih dan sabar dalam mengharungi cabaran-cabaran tersebut.

Di samping itu saya juga ingin memberi peringatan dan daya penggerak kepada para pembaca sekalian untuk berbuat baik kepada ibubapa masing-masing. Ini tidaklah bererti saya menganggap para pembaca sekalian adalah anak-anak yang meremehkan ibubapa. Hanya sahaja saya menyakini bahawa para pembaca juga memiliki cabaran-cabaran tersendiri dalam rangka berbuat baik kepada ibubapa. Maka mudah-mudahan buku ini juga dapat menjadi sumber peringatan dan daya penggerak kepada para pembaca sekalian agar lebih gigih dan sabar dalam mengharungi cabaran-cabaran tersebut.

Setiap ibubapa adalah istimewa dan tidak ada dua ibubapa yang memiliki keistimewaan yang sama. Justeru jadikanlah ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang dikemukakan dalam buku ini sebagai dasar untuk berbuat baik kepada ibubapa manakala

cara mempraktikkannya dibina dan disesuaikan bentuknya mengikut keistimewaan ibubapa masing-masing. Semoga Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memudahkan usaha kita, menerima amalan kita dan mengampunkan apa-apa kesilapan dan kekurangan kita.

Sebelum berakhir, ingin saya ucapkan terima kasih kepada ibubapa saya, Khatijah bt. Pawanche dan Abdullah b. Elam Din, serta makcik saya Maimoonah bt. Elam Din, yang dengan segala keistimewaan mereka telah memberikan saya pengalaman dan cabaran yang amat menarik. Semoga Allah mengampuni mereka, merahmati mereka dan mengurniakan mereka ganjaran yang terbaik di dunia dan akhirat atas segala pengorbanan mereka kepada saya.

Tidak ketinggalan, diucapkan terima kasih kepada isteri, Maryati Mat Nasir dan rakan-rakan yang telah membantu saya dalam penulisan ini, sama ada dengan berkongsi pengalaman atau memberi cadangan pembaikan. *Jazakumullah Khairan Jazilan.*

Hafiz Firdaus Abdullah
Ramadhan 1426H
Oktober 2005M

Lain-Lain Buku oleh Hafiz Firduz Abdullah

Marilah Mendirikan Sembahyang
Jahabersa 2000

Pedoman-Pedoman Bermazhab Dalam Islam
Edisi Pertama: Jahabersa 2000
Edisi Baru: Jahabersa 2004, juga edisi e-book di www.al-firdaus.com

Panduan Ibadah Dalam Musafir Penerbangan
Jahabersa 2000, juga edisi e-book di www.al-firdaus.com

Solat Tarawikh: Satu Perbahasan Ke Atas Fatwa Yang Menetapkannya kepada 20 Rakaat.
Jahabersa 2000

20 Hujah Golongan Anti Hadis dan Jawapannya
Jahabersa 2002 & 2005, juga edisi e-book di www.al-firdaus.com

Kaedah Memahami Hadis-Hadis Yang Saling Bercanggah.
Jahabersa 2002, juga edisi e-book di www.al-firdaus.com

Kaedah Memahami Hadis-Hadis Musykil
Jahabersa 2003, juga edisi e-book di www.al-firdaus.com

Pembongkaran Jenayah Ilmiah Buku Salafiyyah Wahabiyyah: 73 Penilaian Semula Ke Atas Penilaian Zamihan Mat Zin al-Ghari
Jahabersa 2003

Apakah Jihad Di Jalan Allah ?

Buku 1: Definisi, Kepentingan dan Kemuliaan Jihad

Jahabersa 2003

Buku 2: Hukum dan Syarat-Syaratnya

Jahabersa 2004

Jawapan Ahl al-Sunnah kepada Syi'ah al-Rafidhah dalam Persoalan Khalifah.

Siri Pertama: Definisi Syi'ah al-Rafidhah, Sejarah Kelahiran Syi'ah al-Rafidhah dan 5 Strategi Asas Syi'ah al-Rafidhah Dalam Berhujah.

Jahabersa 2004, juga edisi e-book di www.al-firdaus.com

Siri Kedua: Jawapan Ahl al-Sunnah kepada ayat-ayat al-Qur'an yang dijadikan hujah oleh Syi'ah dalam persoalan

khalifah.

Jahabersa 2004, juga edisi e-book di www.al-firdaus.com

Siri Ketiga: Jawapan Ahl al-Sunnah kepada hadis-hadis

Rasulullah yang dijadikan hujah oleh Syi'ah dalam persoalan khalifah.

Jahabersa 2005

Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah

Buku 1

Jahabersa 2004

Buku 2

Jahabersa 2005

Buku 3

Jahabersa 2005

Buku 4

Jahabersa 2006

Buku 5

Jahabersa 2007

Menelan Air Liur Tidak Membatalkan Puasa (Himpunan Risalah Berkenaan Puasa dan Permasalahannya)

Jahabersa 2005, juga edisi e-book di www.al-firdaus.com

Marilah Berkenalan Dengan al-Qur'an

Jahabersa 2005, juga edisi e-book di www.al-firdaus.com

Edisi terjemahan Inggeris: **Let's Get Acquainted With Al-Qur'an** (Jahabersa 2007)

Wahai Ibu! Wahai Ayah!

Jahabersa 2006

11 Perkara Yang Mencemari Kemurnian Tauhid

Jahabersa 2006

Mencari Rahmat Allah Di Sebalik Perbezaan Pendapat

Jahabersa 2006, juga edisi e-book di www.al-firdaus.com

Buku-buku yang disunting oleh Hafiz Firdaus Abdullah

Christianity through the lens of Christian & Muslim Scholars

Part One: The History of Christianity, The Concept of Salvation, The Doctrine of the Trinity and Incarnation (al-Hulul wa al-Ittihad)

Part Two: The Doctrine Of The Original Sin And The Atonement, The Crucifixion And The Resurrection Of Jesus Christ, Jesus Was Sent Only To The Israelites, The Authenticity Of The Bible, Contradictions And Errors In The Biblical Text.

Oleh Muhammad Amin Yaacob (Jahabersa 2004, Juga Edisi e-book di www.al-Firdaus.Com)

Koleksi Kertas Kerja Seminar “Ahli Sunnah Wal Jamaah Golongan Tauladan” (Jahabersa 2004)

Biografi Tokoh Orientalis Menurut Kitab al-A'lam al-Zarikli.

Oleh Mohd. Fikri bin Che Hussain (Jahabersa 2004)

Leo Africanos: Pengembara Muslim Yang Belum Dikenali Ramai.

Oleh Dr. Pekka Masonen & Mohd. Fikri bin Che Hussain (Jahabersa 2004)

Petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah Berkenaan Haid, Istihadah dan Nifas.

Oleh Syaikh Muhammad Shalih al-'Utsaimin. Penterjemah: Azzahari bin Murad. (Jahabersa 2004, juga edisi e-book di www.al-firdaus.com)

Pengenalan Ringkas Kepada Ilmu Ushul al-Fiqh

Oleh Syaikh Muhammad Shalih al-'Utsaimin. Penterjemah: Fadlan bin Mohd. Othman (Jahabersa 2004)

Kaedah Memahami Nama-Nama Dan Sifat-Sifat Allah

Oleh Abu Iqbal Mohd Yaakub bin Mohd Yunus al-Mandeeli (Jahabersa 2005, juga edisi e-book yang ringkas di www.al-firdaus.com)

Keadilan Para Sahabat Di Sisi Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah

Oleh Mohd. Fikri bin Che Hussain (Jahabersa 2005)

Bid'ah Hasanah: Istilah Yang Disalah Fahami

Dr. Mohd. Asri Zainul Abidin (Jahabersa 2005), juga edisi e-book di www.al-firdaus.com

Sembahyang Jamak Dan Qasar Adalah Sedekah Allah
Oleh Abu Iqbal Mohd Yaakub bin Mohd Yunus al-Mandeeli (Jahabersa 2005)

Pengenalan Ringkas Kepada Ilmu *Ushul al-Tafsir*
Oleh Syaikh Muhammad Shalih al-'Utsaimin. Penterjemah: Fadlan bin Mohd. Othman (Jahabersa 2005)

Jawapan Ahl al-Sunnah Kepada *Syi'ah al-Rafidhah* Berkenaan Keutamaan Dan Sejarah Para Sahabat.
Oleh 'Abd Allah 'Abd al-Qadir al-Taliri. Penterjemah: Muhammad Amin Yaacob. (Jahabersa 2005)

Syarah Riyadhus Shalihin Imam an-Nawawi (Buku 1)
Oleh Syaikh Muhammad Shalih al-'Utsaimin. Penterjemah: Rosmalizawati Ab Rashid (Jahabersa 2006)

Beberapa Persoalan Lazim Tentang Solat
Oleh Abu Iqbal Mohd Yaakub bin Mohd Yunus al-Mandeeli (Jahabersa 2006)

As-Sunnah Dalam Mengamalkan As-Sunnah
Oleh Fadlan bin Mohd. Othman (Jahabersa 2006)

7 Sebab Utama Ulama' Berbeza Pendapat.
Oleh Syaikh Muhammad Shalih al-'Utsaimin. Penterjemah: Fathurrahman Dawood (Jahabersa 2006)

15 Asas Jati Diri Muslim Cemerlang.
Oleh Dr. Azwira Abdul Aziz. (Jahabersa 2006)

Siapakah Ahli Sunnah Yang Sebenar? Penjelasan Kepada Tohmahan Zamihan Mat Zin al-Ghari Ke Atas Pegangan Ahli Sunnah dan Para Tokohnya.
Oleh Dr. Azwira Abdul Aziz. (Jahabersa 2006), juga edisi e-book di www.al-firdaus.com

Membersihkan Salah Faham Terhadap Dakwah Syaikh Muhammad bin Abdul Wahhab
Buku 1 (Jahabersa 2006)
Buku 2 (jahabersa 2007)
Oleh Syaikh Abdul Aziz bin Muhammad bin Ali al-Abd. al-Lathif.
Penterjemah: Muhammad Amin Yaacob.

Penulis anda, Hafiz Firdaus bin Abdullah lahir di Kuala Lumpur pada tahun 1971 dan mendapat pendidikan rendah dan menengah di St. John's Institution, Bukit Nanas, Kuala Lumpur. Pada tahun 1989 beliau menyertai Penerbangan Malaysia (*Malaysia Airlines*) sebagai seorang juruterbang.

Sejak awal beliau memiliki minat yang besar dalam ilmu-ilmu agama. Kerjayanya sebagai juruterbang memberi banyak kelebihan (*advantage*) bagi beliau untuk memahami agama dari perspektif yang lebih luas. Pada waktu yang sama beliau juga dapat menimba ilmu daripada pelbagai tokoh dan sumber di serata dunia.

Hafiz Firdaus mula menulis sejak tahun 1999. Manhaj beliau ialah mengkaji sesuatu topik daripada sumber khazanah ilmu tokoh-tokoh terdahulu lalu menyusun dan menyampaikannya dalam bentuk yang mudah lagi relevan dengan isu-isu terkini.

Alhamdulillah buku-buku Hafiz Firdaus mendapat sambutan yang baik di Malaysia dan negara-negara jiran. Buku-buku beliau dalam versi e-book di laman web: www.al-firdaus.com juga menjadi rujukan oleh sesiapa jua yang boleh berbahasa Melayu di seluruh dunia, khasnya para pelajar Malaysia yang sedang menuntut di luar negara.

Ringkasnya, sesiapa jua yang memiliki manhaj mengkaji dan menganalisa dalam berinteraksi dengan ilmu-ilmu agama akan mendapati buku-buku Hafiz Firdaus sebagai sumber kajian dan analisa yang sesuai untuk mereka.

Ringkasan Doa Daripada al-Qur'an Untuk Ibu bapa.

رَبِّ أَغْفِرْ لِي وَلِوَالِدَيَ وَلِمَنْ دَخَلَ بَيْتِي مُؤْمِنًا وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
وَلَا تَزِدِ الظَّالِمِينَ إِلَّا تَبَارِإِ
[28]

**"Wahai Tuhanku! Ampunkanlah bagiku, dan bagi kedua
ibu bapaku, serta bagi sesiapa yang masuk ke rumahku
dengan keadaan beriman; dan (ampunkanlah) bagi
sekalian orang-orang yang beriman, lelaki dan
perempuan; dan janganlah Engkau tambahi orang-orang
yang zalim melainkan kebinasaan!"** [Nuh 71:28]

وَأَخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الْذُلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ أَرْحَمْهُمَا كَمَا
رَبَّيَانِي صَغِيرًا

**"Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka
berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih
sayangnya memelihara dan mendidikku semasa kecil."**

[al-Isra' 17:24]

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَنَ بِوَالِدَيْهِ إِحْسَنًا حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَكُرِّهَا وَوَضَعَتْهُ كُرِّهَا
وَحَمَلْهُ وَفِصْلُهُ وَثَلَاثُونَ شَهْرًا حَتَّىٰ إِذَا بَلَغَ أَشْدَدَهُ وَبَلَغَ أَرْبَعِينَ سَنَةً
قَالَ رَبِّيْ أَوْزِعْنِيْ أَنْ أَشْكُرْ نِعْمَتَكَ الَّتِيْنَ أَنْعَمْتَ عَلَيْنِيْ وَعَلَىِ الِدَّيْ وَأَنْ
أَعْمَلَ صَلِحَّا تَرْضِيْه وَأَصْلِحْ لِي فِي دُرِّيْتِيْنِ إِنِّيْ ثُبُّتِ إِلَيْكَ وَإِنِّي مِنْ

الْمُسْلِمِيْنَ ١٥

"Wahai Tuhanmu, ilhamkanlah daku supaya tetap bersyukur akan nikmat-Mu yang Engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibubapaku, dan supaya aku tetap mengerjakan amal shalih yang Engkau redhai; dan jadikanlah sifat-sifat kebaikan meresap masuk ke dalam jiwa zuriat keturunanku. Sesungguhnya aku bertaubat kepadamu, dan sesungguhnya aku dari orang-orang Islam (yang tunduk patuh kepadamu)." [al-Ahqaf 46:15]